

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGURUSAN AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

NEGERI SARAWAK SIRI 2

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	PENDAHULUAN
xi	INTI SARI LAPORAN
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN KERJA RAYA SARAWAK Projek Pembinaan Jambatan Batang Samarahan, Bahagian Samarahan, Sarawak
33	LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU Projek Kerja Infrastruktur di Taman Perindustrian Samalaju, Bintulu
72	PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI LAKU Management Sdn. Bhd.
101	PENUTUP



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.
2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak bagi Tahun 2017 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di satu (1) Jabatan, satu (1) Agensi dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak sembilan (9) syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Madinah Binti Mohamad', with a horizontal line drawn underneath it.

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
2 November 2018



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

1. Projek Pembinaan Jambatan Batang Samarahan, Bahagian Samarahan, Sarawak

- a. Sebelum Projek Pembinaan Jambatan Batang Samarahan, Bahagian Samarahan, Sarawak (Projek) dilaksanakan, terdapat dua (2) alternatif jalan bagi menghubungkan Asajaya dan Samarahan. Alternatif pertama adalah menggunakan perkhidmatan feri untuk merentasi Batang Samarahan yang tertakluk kepada masa dan paras air manakala alternatif kedua menggunakan jalan darat iaitu Jalan Meranek/Lansat melalui jambatan di Kampung Melayu merentasi hulu Batang Samarahan dengan jarak perjalanan melebihi 48 kilometer (km). Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk melengkapkan kemudahan perhubungan rangkaian jalan pesisir pantai bagi penduduk Asajaya ke Samarahan dan memendekkan jarak perjalanan serta menggantikan perkhidmatan feri sedia ada. Projek ini dilaksanakan secara konvensional perunding dan melalui tender terbuka. Perunding yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak bagi menyediakan reka bentuk dan menyelia projek ini adalah syarikat No. 471905-P.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April 2018 hingga Ogos 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Projek

Secara umumnya, Projek Pembinaan Jambatan Batang Samarahan telah disiapkan dalam tempoh kontrak yang dibenarkan dan mulai dibuka kepada orang awam pada 8 Jun 2018. Manakala *outcome* projek juga tercapai kerana ia telah menepati objektif pembinaannya dengan memendekkan jarak perjalanan antara Asajaya dan Samarahan.

ii. Pengurusan Projek

Secara keseluruhannya, pengurusan projek adalah baik dari segi pengurusan input (aspek kewangan), pelantikan perunding dan kontraktor serta pentadbiran kontrak. Bagaimanapun, aspek pemantauan oleh perunding adalah kurang memuaskan serta perlu ditambah baik bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan.

- iii. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah berlaku kelemahan pemantauan oleh perunding semasa pelaksanaan projek

menyebabkan terdapat kes-kes kerja yang tidak mengikut spesifikasi kontrak dan yang kurang berkualiti.

- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak Jabatan Kerja Raya Sarawak mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:
 - i. memastikan kelulusan EIA diperoleh daripada pihak berwajib terlebih dahulu sebelum projek dilaksanakan; dan
 - ii. memastikan semua kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan yang tidak berkualiti serta kerosakan diperbaiki dalam tempoh tanggungan kecacatan sebelum *Certificate of Completion of Making Good Defects* dikeluarkan.

LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU

2. Projek Kerja Infrastruktur di Taman Perindustrian Samalaju, Bintulu

- a. Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) ditubuhkan pada 8 Julai 1978 di bawah Ordinan Lembaga Kemajuan Bintulu 1978 untuk mengurus perancangan fizikal dan pembangunan di Bintulu, Sarawak. Penubuhan BDA adalah berikutan dengan penemuan rizab gas asli dan minyak di Bintulu yang membolehkan BDA untuk menjadi badan utama bagi menyelaraskan projek pembangunan di kawasan Bintulu. Ordinan tersebut memberi kuasa dan tanggungjawab kepada BDA untuk mentadbir, mengurus, membangun dan menguatkuasakan undang-undang di bawah pentadbirannya termasuk Taman Perindustrian Samalaju (TPS), Bintulu. TPS Bintulu merupakan salah satu projek di bawah Pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (*Sarawak Corridor of Renewable Energy – SCORE*) yang bertujuan membangun dan mentransformasikan negeri Sarawak kepada negeri yang maju. Matlamat utama pembangunan TPS adalah untuk menarik pelaburan industri berasaskan tenaga. Penyediaan infrastruktur asas seperti jalan, perparitan, saliran kumbahan serta utiliti dan kemudahan kerajaan telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2009 mengikut keutamaan berdasarkan kepada Pelan Induk TPS yang telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri melalui Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Sarawak. Taman Perindustrian Samalaju ini terletak 60 kilometer (km) dari bandar Bintulu dengan kawasan seluas 8,000 hektar. Pembangunan infrastruktur asas di TPS dilaksanakan secara berperingkat dalam lima (5) fasa dengan kos keseluruhan berjumlah RM902.93 juta. Pada bulan April 2008, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak [*State Financial Secretary (SFS)*] telah bersetuju melantik perunding No. Syarikat 75874-D bagi menjalankan kerja ukur tanah dan perunding No. Syarikat 665536-K bagi perkhidmatan sivil dan struktur

projek infrastruktur di TPS. Bagi perkhidmatan penyeliaan, pihak BDA telah melantik No. Syarikat 665536-K sebagai Pegawai Penguasa projek yang dilaksanakan.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Oktober 2018 mendapati perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan adalah seperti berikut:

i. Prestasi Projek

Projek Kerja Infrastruktur di TPS, Bintulu bagi dua (2) projek yang diaudit belum mencapai objektif yang ditetapkan kerana pelaksanaan projek tersebut masih belum mencapai output sepenuhnya. *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* gagal disiapkan dalam tempoh kontrak yang dibenarkan iaitu pada 31 Mac 2018 walaupun telah diberi dua (2) lanjutan masa. Pada 3 April 2018, Pegawai Penguasa (PP) projek telah mengeluarkan *Certificate of Non-Completion*. Manakala projek *Phase 4 Stage 2 – Collector Road B2* yang sepatutnya disiapkan pada 13 Jun 2019 telah ditamatkan kontraknya pada 18 April 2018. Kemajuan kerja semasa kontrak ditamatkan adalah 12.5%.

ii. Pengurusan Projek

Bagi pengurusan projek, pihak Audit mendapati beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan kerana ia boleh memberi impak kepada kecekapan pengurusan projek. Aspek yang perlu ditambah baik adalah dari segi pengurusan input, pelantikan perunding, pelanjutan perlindungan insurans, kelulusan lanjutan masa (*Extension of Time - EOT*), kelayakan perkhidmatan kenderaan dan peralatan projek, tuntutan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages – LAD*) dan penamatan kontrak.

- iii. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Pentadbiran kontrak bagi projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* adalah kurang cekap yang mana insurans tidak dilanjutkan oleh kontraktor dan tuntutan LAD berjumlah RM1.18 juta belum dibuat;
- Pengurusan pembinaan adalah kurang cekap di mana kerja pemasangan *guardrail* dan kedalaman tiang lampu tidak mengikut spesifikasi pelan lukisan kontrak manakala tapak; dan
- Tuntutan kontraktor dan penilaian oleh PP selepas penamatan kontrak *Phase 4 Stage 2 – Collector Road B2* pada 4 April 2018 masih belum dibuat setakat akhir bulan Julai 2018 dan pembayaran pendahuluan berjumlah

RM9.24 juta belum dituntut daripada jaminan bank untuk bayaran pendahuluan.

- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:
 - i. BDA perlu meningkatkan kecekapan dalam pentadbiran kontrak bagi menjamin kepentingan Kerajaan khususnya dalam memastikan polisi insurans meliputi tempoh kontrak dan LAD dikenakan selepas *Certificate of Non-Completion* dikeluarkan;
 - ii. BDA perlu menerima pakai dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia berkaitan kelayakan perkhidmatan kenderaan dan peralatan projek bagi memastikan perolehan memberi nilai faedah terbaik;
 - iii. BDA perlu menuntut bayaran pendahuluan berjumlah RM9.24 juta daripada jaminan bank untuk bayaran pendahuluan bagi memastikan kontraktor mengemukakan tuntutan dengan kadar segera;
 - iv. BDA perlu memastikan kerja pembinaan infrastruktur hendaklah mengikut spesifikasi lukisan pembinaan untuk mengelakkan sebarang risiko terhadap keselamatan pengguna jalanraya; dan
 - v. sekiranya kontraktor gagal mengemukakan tuntutan sebelum akhir bulan Oktober 2018, pihak perunding hendaklah membuat penilaian semula kerja yang telah dilaksanakan.

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI

3. LAKU Management Sdn. Bhd.

- a. LAKU Management Sdn. Bhd. (LAKU) diperbadankan pada 7 Jun 1995 di bawah Akta Syarikat 1965 dan Sarawak Water Ordinance, 1994 (Ordinan). LAKU merupakan sebuah Syarikat Berhad Menurut Syer milikan penuh Setiausaha Kewangan Negeri melalui *State Financial Secretary Incorporation* dengan modal yang dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM50 juta dan RM9 juta. LAKU telah memeterai perjanjian konsesi dengan Kerajaan Negeri untuk tempoh selama 25 tahun iaitu dari tahun 1996 hingga tahun 2020. Perjanjian tersebut menetapkan LAKU mengambil alih fungsi, peranan, tanggungan, aktiviti dan urus niaga Lembaga Air Miri, Lembaga Air Bintulu dan Lembaga Air Limbang. Objektif penubuhan LAKU adalah sebagai pentadbir sumber air dengan mengeluarkan

dan membekal air bagi kawasan utara Sarawak iaitu Miri, Bintulu dan Limbang. Aktiviti utama LAKU adalah mengurus, mengeluarkan dan mengedar air bersih kepada pengguna di kawasan tersebut. Komposisi Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan (8) ahli Lembaga Pengarah bebas dan bukan eksekutif iaitu seorang Pengerusi, seorang wakil Setiausaha Kewangan Negeri, seorang Datuk Bandar, Residen Bahagian Miri, dua (2) orang mantan Residen iaitu Bahagian Bintulu dan Limbang, seorang wakil Dewan Usahawan Cina Miri serta seorang peguam. Pengurusan LAKU diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 400 orang kakitangan. LAKU adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, Ordinan dan Artikel Penubuhan (M&A), manual kualiti serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat serta peraturan lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. LAKU telah mendapat pensijilan MS ISO 9001:2015 pada tahun 2001 daripada Jabatan Standard Malaysia dan Intertek Certification International Sdn. Bhd. Pensijilan kualiti tersebut merangkumi pengurusan, pengeluaran, pembekalan dan pengedaran air, khidmat pelanggan serta kutipan hasil.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga September 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Kedudukan Kewangan

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan LAKU adalah stabil di mana LAKU telah mencatat keuntungan sebelum cukai sejumlah RM9.85 juta pada tahun 2017 iaitu meningkat dari sejumlah RM7.60 juta pada tahun 2016. LAKU mencatat trend peningkatan bagi keuntungan terkumpul iaitu berjumlah RM152.78 juta pada tahun 2015, RM155.99 juta pada tahun 2016 dan RM164.58 juta pada tahun 2017. Analisis Audit terhadap nisbah semasa LAKU bagi menilai tahap kecairan syarikat menunjukkan pada tahun 2017 tahap kecairan LAKU meningkat kepada 1.60:1 berbanding 1.51:1 pada tahun 2016. Ini menunjukkan LAKU mampu menjelaskan hutang dalam jangka masa pendek. LAKU juga cekap dalam pengurusan aset untuk menjana keuntungan dengan pulangan sejumlah RM2.60 bagi setiap ringgit aset dilaburkan. Selain itu, LAKU mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM88.27 juta pada tahun 2017.

ii. Pengurusan Aktiviti

Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti LAKU adalah cekap dengan pencapaian sebenar pengeluaran, bekalan dan jualan air bersih melebihi kadar 90% bagi tahun 2015 hingga 2017. Selain itu, pengurusan bahan kimia LAKU adalah cekap dan berhemat dari aspek perolehan, penyimpanan dan

penggunaan. Bagaimanapun, pengurusan air yang tidak berhasil (*Non-Revenue Water* - NRW) adalah kurang cekap dengan menunjukkan trend meningkat bagi tempoh yang sama.

- **Air yang Tidak Berhasil**

Kadar NRW LAKU menunjukkan trend meningkat daripada tahun 2015 hingga 2017 masing-masing pada kadar 24.3%, 25.5% dan 26%. Kuantiti kehilangan isi padu air bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah antara 28.32 juta m³ dan 31.56 juta m³. Bagi tempoh tersebut, kos pengeluaran air yang ditanggung oleh LAKU melibatkan kehilangan air berkenaan adalah berjumlah RM54.31 juta. Kuantiti dan kos pengeluaran menunjukkan trend meningkat bagi tempoh yang sama iaitu daripada 28.32 juta m³ melibatkan kos pengeluaran berjumlah RM16.71 juta pada tahun 2015 kepada 31.56 juta m³ dengan kos pengeluaran berjumlah RM18.93 juta.

iii. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus LAKU adalah baik kerana telah mematuhi 28 daripada 32 amalan terbaik tadbir urus. Aspek tadbir urus yang dipatuhi adalah pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif, Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalaman. Kelemahan adalah dari aspek pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah, pelantikan ahli Lembaga Pengarah dan *Standard Operating Procedures* (SOP). Piagam Lembaga Pengarah tidak disediakan, kod tatalaku serta etika rasmi tidak disediakan dan SOP yang lengkap bagi pengurusan aset tidak disediakan menyebabkan kelemahan dalam pengurusan aset syarikat.

iv. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh LAKU adalah seperti berikut:

- kadar NRW meningkat bagi tahun 2015 hingga 2017 iaitu masing-masing pada kadar 24.3%, 25.5% dan 26%. Kuantiti kehilangan air dan kos pengeluaran yang membabitkan NRW meningkat bagi tempoh yang sama; dan
 - pengurusan tadbir urus dari aspek pelantikan Pengerusi, Lembaga Pengarah dan penyediaan SOP syarikat perlu diperkembangkan.
- c. Bagi memantapkan lagi pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan supaya LAKU Management Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

- i. mengambil tindakan yang lebih proaktif bagi menangani trend peningkatan kadar NRW untuk memastikan kerugian dari aspek kos pengeluaran adalah pada tahap minimum; dan
- ii. memperkemaskan tadbir urus syarikat dengan menyediakan kod tatalaku, etika rasmi dan piagam Lembaga Pengarah serta *Standard Operating Procedures* pengurusan aset yang lengkap.

**AKTIVITI KEMENTERIAN/
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN
SYARIKAT
KERAJAAN**

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

1. PROJEK PEMBINAAN JAMBATAN BATANG SAMARAHAN, BAHAGIAN SAMARAHAN, SARAWAK

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Sebelum Projek Pembinaan Jambatan Batang Samarahan, Bahagian Samarahan, Sarawak (Projek) dilaksanakan, terdapat dua (2) alternatif jalan bagi menghubungkan Asajaya dan Samarahan. Alternatif pertama adalah menggunakan perkhidmatan feri untuk merentasi Batang Samarahan yang tertakluk kepada masa dan paras air manakala alternatif kedua menggunakan jalan darat iaitu Jalan Meranek/Lansat melalui jambatan di Kampung Melayu merentasi hulu Batang Samarahan dengan jarak perjalanan melebihi 48 kilometer (km). Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk melengkapkan kemudahan perhubungan rangkaian jalan pesisir pantai bagi penduduk Asajaya ke Samarahan dan memendekkan jarak perjalanan serta menggantikan perkhidmatan feri sedia ada. Butiran lanjut mengenai projek ini adalah seperti **Jadual 1.1**.

JADUAL 1.1
BUTIRAN PROJEK PEMBINAAN JAMBATAN BATANG SAMARAHAN


BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nombor Kontrak	PWD/HO/B003/2015
2.	Skop Projek	Membina sebuah jambatan konkrit sepanjang 774 meter merentasi Batang Samarahan dan jalan penghubung sepanjang 2.38 km. Jambatan ini merupakan penghubung utama Jalan Kuching/Samarahan Expressway yang sedia ada dengan Asajaya
3.	Agensi Pelaksana	Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR)
4.	Pegawai Penguasa Projek	Pengurus Wilayah, Pejabat Wilayah Selatan, JKR Sarawak
5.	Jenis Perolehan	Tender Terbuka
6.	Kaedah Pelaksanaan	Konvensional Perunding
7.	Harga Kontrak Asal	RM93.88 juta
8.	Kontraktor	No. Syarikat 33138-D
9.	Perunding	No. Syarikat 471905-P
10.	Tarikh Surat Setuju Terima	14 Januari 2015
11.	Tarikh Milik Tapak	30 Januari 2015
12.	Tarikh Kontrak Ditandatangani	17 Februari 2015
13.	Tempoh Kontrak	36 Bulan (30 Januari 2015 hingga 29 Januari 2018)
14.	Tarikh Siap Kontrak Asal	29 Januari 2018

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

1.1.2. Projek ini dilaksanakan secara konvensional perunding dan melalui tender terbuka. Perunding yang dilantik oleh JKR bagi menyediakan reka bentuk dan

menyelia projek ini adalah syarikat No. 471905-P. Peta lokasi dan pelan tapak jambatan bagi projek ini adalah seperti **Peta 1.1**.

PETA 1.1
PETA LOKASI DAN PELAN TAPAK JAMBATAN



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak
Nota: Perkhidmatan Feri Ditamatkan pada 16 Julai 2018

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Jambatan Batang Samarahan, Bahagian Samarahan, Sarawak diurus dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu disiapkan mengikut tempoh kontrak serta memendekkan jarak perjalanan sedia ada.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output projek dan pencapaian *outcome* projek. Manakala pengurusan projek pula meliputi pengurusan *input*, perolehan projek, pentadbiran kontrak, pengurusan pembinaan dan pemantauan projek. Skop pengauditan ini meliputi kerja pembinaan jambatan konkrit sepanjang 774 meter merentasi Batang Samarahan dan jalan penghubung sepanjang 2.38 km bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018. Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat JKR Sarawak dan Pejabat Wilayah Selatan, JKR Sarawak.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menganalisis data berkaitan projek. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek bagi

komponen utama projek dijalankan pada 31 Julai 2018 bersama pegawai teknikal Jabatan Audit Negara, pegawai Jabatan Kerja Raya Sarawak, kontraktor dan perunding. Temu bual serta perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai projek dan isu Audit yang berbangkit.

1.5. RUMUSAN AUDIT

1.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April 2018 hingga Ogos 2018 merumuskan perkara berikut:

1.5.1.1. Prestasi Projek

Secara umumnya, Projek Pembinaan Jambatan Batang Samarahan telah disiapkan dalam tempoh kontrak yang dibenarkan dan mulai dibuka kepada orang awam pada 8 Jun 2018. Manakala *outcome* projek juga tercapai kerana ia telah menepati objektif pembinaannya dengan memendekkan jarak perjalanan antara Asajaya dan Samarahan.

1.5.1.2. Pengurusan Projek

Secara keseluruhannya, pengurusan projek adalah baik dari segi pengurusan input (aspek kewangan), pelantikan perunding dan kontraktor serta pentadbiran kontrak. Bagaimanapun, aspek pemantauan oleh perunding adalah kurang memuaskan serta perlu ditambah baik bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan.

1.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah berlaku kelemahan pemantauan oleh perunding semasa pelaksanaan projek menyebabkan terdapat kes-kes kerja yang tidak mengikut spesifikasi kontrak dan yang kurang berkualiti.

1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas Jabatan Kerja Raya Sarawak telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 24 Oktober 2018. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti berikut:

1.6.1. Prestasi Projek


1.6.1.1. Pencapaian Output Projek

- a. Mengikut dokumen kontrak klausa 2, *Standard Form of Contract To Be Used Where Bills Of Quantities Form Part Of The Contract P.W.D. FORM 203A*

(Rev.1/2010), “The Contract Period shall be for a period of 36 Months commencing from 30 January 2015 ending on 29 January 2018”.

- b. Tarikh siap baharu kontrak adalah pada 22 Jun 2018 setelah mendapat *Delay and Extension of Time (EOT)* sebanyak 144 hari akibat keadaan cuaca yang tidak menentu dan halangan memasuki tapak projek oleh penduduk setempat. EOT No. 1 sebanyak 19 hari diluluskan berdasarkan maklumat *Calculation of Inclement Weather for Year 2015 and 2016* termasuk purata hujan sepanjang 10 tahun yang lepas serta *Daily Rainfall Totals* daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak. EOT No. 2 sebanyak 125 hari diluluskan dengan mengambil kira tapak di Lot 11761 dan Lot 11764 yang merupakan *within the Right of Way and it's required for road construction works*. Kontraktor telah memberi justifikasi dan tarikh memasuki Lot 11761 dan Lot 11764 mengikut jadual kerja yang ditetapkan.
- c. Projek ini dapat disiapkan pada 4 Jun 2018 dan *Certificate of Practical Completion (CPC)* dikeluarkan pada 4 Jun 2018. *Defects Liability Period (DLP)* adalah 18 bulan bermula pada 4 Jun 2018 dan berakhir pada 3 Disember 2019. Butiran pencapaian output projek adalah seperti **Carta 1.1**.

CARTA 1.1
PENCAPAIAN OUTPUT PROJEK BERBANDING JADUAL PELAKSANAAN PROJEK



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Pada pendapat Audit, Projek Pembinaan Jambatan Batang Samarahan telah disiapkan dalam tempoh kontrak yang dibenarkan.

1.6.1.2. Pencapaian Outcome Projek

- a. Mengikut justifikasi projek, pembinaan Jambatan Batang Samarahan adalah bertujuan untuk melengkapkan kemudahan perhubungan rangkaian jalan pesisir pantai bagi penduduk Asajaya ke Samarahan dan memendekkan jarak perjalanan serta menggantikan perkhidmatan feri sedia ada. Sebelum projek ini dilaksanakan, penduduk setempat menggunakan perkhidmatan feri untuk merentasi Batang Samarahan atau melalui jalan darat sejauh 48 km dari Asajaya ke Samarahan.
- b. Selepas siapnya projek ini pada 4 Jun 2018 dan laluan trafik dibuka pada 8 Jun 2018, objektif untuk melengkapkan kemudahan perhubungan rangkaian jalan pesisir pantai dari Asajaya ke Samarahan dan memendekkan jarak perjalanan kepada 24 km serta menggantikan perkhidmatan feri sedia ada dapat dicapai. Penggunaan jambatan dan jalan raya selepas projek siap meningkat sebanyak 92.6% iaitu daripada 3,614 kenderaan kepada 6,960 kenderaan. Selain itu, dengan adanya projek ini, ia dapat meningkatkan keselamatan dan keselesaan kepada pengguna jalan raya.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya outcome projek telah tercapai kerana ia telah menepati objektif pembinaannya.

1.6.2. Pengurusan Projek

1.6.2.1. Pengurusan Input

- a. Dalam pelaksanaan projek, sumber kewangan merupakan antara salah satu input yang digunakan untuk menghasilkan output (pencapaian fizikal projek) bagi memastikan proses penghasilan output berjalan lancar dan mencapai *outcome* yang telah disasarkan.
- b. Mengikut dokumen kontrak klausa 7 *Standard Form of Contract To Be Used Where Bills Of Quantities Form Part Of The Contract P.W.D. FORM 203A (Rev.1/2010)*, “*The Government hereby covenants to pay the Contractor in consideration of the construction and completion of the Works and making good of any defects whatsoever to the Works the sum of RM93.88 million or such other sum as shall become payable under and at the times and in the manner specified in this Contract*”.
- c. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati harga kontrak asal bagi projek ini adalah bernilai RM93.88 juta. Peruntukan yang diterima oleh JKR


daripada Kerajaan Persekutuan untuk projek ini bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah sejumlah RM100.27 juta. Harga kontrak baharu selepas mengambil kira Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang diluluskan adalah sejumlah RM92.64 juta. Perbelanjaan setakat bulan Oktober 2018 adalah sejumlah RM81.94 juta atau 81.7% daripada peruntukan yang diterima. Butiran pencapaian sebenar kewangan berbanding output projek adalah seperti **Jadual 1.2** dan **Carta 1.2**.

JADUAL 1.2
BUTIRAN KEWANGAN PROJEK

BUTIRAN	TAHUN				JUMLAH (RM Juta)
	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	
Siling yang Diluluskan	25.27	31.77	45.00	10.00	112.04
Peruntukan yang Diterima	25.27	20.00	45.00	10.00	100.27
Perbelanjaan Kontrak	14.56	30.26	19.48	17.64	81.94

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

CARTA 1.2
PENCAPAIAN SEBENAR KEWANGAN BERBANDING OUTPUT PROJEK



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Pada pendapat Audit, input daripada aspek kewangan diurus dengan baik di mana bayaran kemajuan adalah munasabah berbanding kemajuan fizikal projek dan tidak melebihi peruntukan yang diterima.

1.6.2.2. Perolehan Projek

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP), PK 1.1, perenggan 2, semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan

Kerajaan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.

a. Pelantikan Perunding

- i. Mengikut 1PP, PK 3.1, perenggan 5.1, pelantikan perunding hendaklah dibuat berasaskan kepada kepakaran, keupayaan profesional, kedudukan kewangan, prestasi perkhidmatan, pengalaman firma dan kriteria lain yang bersesuaian.
- ii. Pada 15 Januari 2004, JKR mengesyorkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia [*Ministry of Finance Malaysia (MoF)*] syarikat No. 53003-D secara lantikan terus untuk perkhidmatan perunding. Bagaimanapun, pada 9 Ogos 2004, MoF meluluskan pelantikan syarikat No. 002671030-U (No. 38182) bagi bidang kejuruteraan awam berdasarkan kos projek sejumlah RM30 juta. Skop perkhidmatan perunding meliputi reka bentuk terperinci, penyediaan dokumen tender dan penyeliaan pembinaan. MoF juga meluluskan bayaran perkhidmatan perunding berdasarkan Skala Yuran Piawai (*Scale of Fees*) mengikut BEM/JKR FORM A (*Revised 1/83*). *Letter of Commission* kepada syarikat No. 002671030-U dikeluarkan oleh JKR pada 6 September 2004. Memorandum Perjanjian telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat No. 002671030-U pada 20 Disember 2005 bagi menyediakan perkhidmatan kejuruteraan awam dan struktur.
- iii. Pada 9 September 2016, *Novation Agreement* telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat No. 002671030-U (No. 38182) dan Perunding (Syarikat No. 471905-P). Perjanjian tersebut menyatakan bahawa *the Government has given its consent for Perunding (Syarikat No. 002671030-U) to novate all of its rights, liabilities, benefits, interests, duties and obligation under and in respect of the Principal Agreement to Perunding (Syarikat No. 471905-P) and has agreed to accept syarikat No. 002671030-U as its sole counterparty subject to the terms and conditions of this Novation Agreement.* Kerajaan juga bersetuju bahawa *notwithstanding the signing date of this Agreement, this Agreement shall be deemed to have commenced on 14 January 2015 until the completion of the project.*
- iv. Pada tahun 2014, anggaran JKR bagi melaksanakan projek ini telah meningkat kepada RM106.57 juta. Lembaga Perolehan 'A' Kementerian Kerja Raya (KKR) telah meluluskan tambahan yuran perunding iaitu kos penyeliaan tapak dan imbuhan balik yang berkaitan sejumlah RM2.02 juta pada 2 Julai 2015 yang tidak termasuk dalam kos asal

perkhidmatan perunding. Sehubungan itu, *Supplementary Agreement* No.1 telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan Perunding (Syarikat No. 471905-P) pada 19 Oktober 2017 untuk mengambil kira pertambahan kos perkhidmatan perunding. Butiran lanjut mengenai pertambahan kos perkhidmatan perunding adalah seperti **Jadual 1.3**.

JADUAL 1.3
BUTIRAN PERTAMBAHAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

BIL.	PERKARA	KOS (RM Juta)	PERATUSAN PERTAMBAHAN KOS (%)	CATATAN
1.	Kos asal perkhidmatan perunding	4.79	-	Kelulusan pelantikan perunding pada tahun 2004 adalah berdasarkan anggaran kos projek sejumlah RM30 juta.
2.	Pertambahan kos penyeliaan tapak dan imbuhan balik	2.02	42.2	Harga kontrak sejumlah RM93.88 juta ditawarkan pada tahun 2015.
JUMLAH		6.81	42.2	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

- v. Semakan Audit mendapati sejumlah RM4.11 juta daripada RM4.79 juta telah dibelanjakan bagi kos perkhidmatan perunding dan sejumlah RM1.10 juta daripada RM2.02 juta telah dibelanjakan bagi kos penyeliaan tapak. Setakat bulan Oktober 2018, bayaran kepada perunding adalah sejumlah RM5.21 juta atau 76.5% daripada sejumlah RM6.81 juta kos perkhidmatan perunding.

Pada pendapat Audit, pertambahan kos perkhidmatan perunding adalah berdasarkan harga kontrak yang ditawarkan.

b. Pelantikan Kontraktor

- i. Mengikut 1PP, PK 2.1, perenggan 8 (i), perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melibatkan perbelanjaan tahunan atau sesuatu kontrak melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender terbuka. Selain itu, 1PP, PK 1, perenggan 6(xiii)(g)(2), menyatakan pemilihan pembekal akan dibuat berdasarkan tawaran harga terendah yang boleh diterima (*lowest acceptable offer*) dan menguntungkan pihak Kerajaan (*best value for money*).
- ii. Semakan Audit terhadap proses pelantikan kontraktor mendapati perkara seperti berikut:
 - Berdasarkan surat MoF bertarikh 9 September 2013, kelulusan telah diberi kepada KKR untuk mempelawa secara tender terhad di kalangan 10 syarikat. Bagaimanapun pada bulan Februari 2014,

10 penender berkenaan menawarkan harga antara sejumlah RM156.03 juta (46.4%) hingga RM177.31 juta (66.4%) yang mana melebihi anggaran Jabatan berjumlah RM106.57 juta. Oleh itu, pada 23 Mei 2014 Lembaga Perolehan 'A' KKR telah memohon kepada MoF supaya projek ditender semula kerana Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 4/2013 menetapkan tawaran harga yang melebihi 15% daripada anggaran Jabatan adalah tidak layak diperakukan untuk sesuatu tender.

- Pada 20 Jun 2014, MoF bersetuju meluluskan perakuan Lembaga Perolehan 'A' KKR untuk menender semula projek ini. Pada 7 Ogos 2014, KKR memaklumkan kepada JKR bahawa MoF telah meluluskan supaya projek ditender semula sebagai tender terbuka.
- Melalui proses tender terbuka pada bulan September 2014, sebanyak 24 penender telah menawarkan harga antara sejumlah RM85.57 juta hingga RM138.97 juta. Lembaga Perolehan 'A' KKR telah menawarkan kepada penender kesepuluh terendah dengan harga sejumlah RM109.13 juta. Bagaimanapun, pada 19 Disember 2014 MoF memutuskan supaya tender bagi projek ini ditawarkan kepada syarikat No. 33138-D (kedua terendah) dengan harga kontrak bernilai RM93.88 juta.
- Surat Setuju Terima bertarikh 14 Januari 2015 dikeluarkan oleh JKR kepada Kontraktor dengan kontrak bernilai RM93.88 juta.

Pada pendapat Audit, keputusan untuk menender semula projek ini adalah baik dan selaras dengan prinsip perolehan Kerajaan iaitu diuruskan dengan telus, memberi nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.

1.6.2.3. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan. Aspek pentadbiran kontrak yang disemak meliputi tempoh tandatangan kontrak, Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans, *Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) Levy*, Arahan Perubahan Kerja, Perakuan Pelarasan Harga Kontrak, *Delay and Extension of Time* dan pengurusan bayaran interim. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Tempoh Kontrak Disempurnakan

- i. Mengikut 1PP, PK 4.2, perenggan 4.8, bagi semua perolehan bermasa sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak kira nilainya, hendaklah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat. Perolehan bermasa adalah perolehan yang mana tempoh kontrak adalah melebihi empat (4) bulan.
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati SST bertarikh 14 Januari 2015 dikeluarkan oleh JKR kepada Kontraktor dengan harga kontrak bernilai RM93.88 juta. Perjanjian kontrak telah dimeterai tanpa kelewatan antara Kerajaan Malaysia dengan Kontraktor pada 17 Februari 2015.

Pada pendapat Audit, perjanjian kontrak diurus dengan cekap kerana dimeterai dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Bon Pelaksanaan

- i. Mengikut klausa 13.1(a) *Standard Form of Contract To Be Used Where Bills Of Quantities Form Part Of The Contract P.W.D. FORM 203A (Rev.1/2010)*, “The Contractor shall, on the date of the possession of Site, provide a Performance Bond or Performance Guarantee Sum as the case may be substantially in the form as in Appendix issued by an approved licensed bank or financial institution incorporated in Malaysia in favour of the Government for a sum equivalent to five percent (5%) of the total Contract Sum as specified in Appendix to secure the due performance of the obligations under this Contract by the Contractor. The Performance Bond shall remain valid and effective until twelve (12) months after the expiry of the Defect Liability Period or the issuance of the Certificate of Completion of Making Good Defects, whichever is the later”.
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati pada 7 Mac 2015, Kontraktor telah mengemukakan Jaminan Bank bernilai RM4.69 juta sebagai Bon Pelaksanaan berkuat kuasa mulai tarikh pelaksanaan projek iaitu 30 Januari 2015 hingga 29 Ogos 2020. Semakan Audit selanjutnya mendapati Jaminan Bank lanjutan bertarikh 19 Oktober 2018 juga ada dikemukakan dengan tempoh sah bermula pada 30 Ogos 2020 hingga 3 Disember 2020. Antara lain, Jaminan Bank ini menyatakan “The Guarantee given by the Guarantor is a continuing Guarantee. This Agreement shall be irrevocable and shall initially remain in force and

effect from 30 January 2015 until 29 August 2020 (hereinafter referred to as the “Initial Expiry Date”) being the end of a period of twelve (12) calendar months after the expiry date of the defects liability period as stated in the Contract or in the case of the Contract being determined, one (1) calendar year after the date of determination”.

Pada pendapat Audit, Bon Pelaksanaan diurus dengan baik kerana dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

c. Polisi Insurans

- i. Mengikut klausa 18.1 *Standard Form of Contract To Be Used Where Bills Of Quantities Form Part Of The Contract P.W.D. FORM 203A (Rev.1/2010)*, “*The Contractor shall in the joint names of the Government and the Contractor insure against loss and damage by fire, lightning, explosion, storm, tempest, flood, ground subsidence, bursting or overflowing of water tanks, apparatus or pipes, aircraft and other aerial devices or articles dropped therefrom, riot and civil commotion, all work executed and all unfixed materials and goods, delivered to, placed on or adjacent to the Works and intended thereof (but excluding temporary buildings, plant, tools and equipment owned or hired by the Contractor or any sub-contractor, nominated or otherwise) to the full value thereof (plus any amount which may be specifically stated in Appendix or elsewhere in the Contract Documents) and shall keep such work, materials and goods so insured until the completion of the whole of the Works, notwithstanding any arrangement for Sectional Completion or Partial Occupation by the Government under this Contract.*”
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati pada 9 April 2015, Kontraktor telah mengemukakan polisi insurans dengan bayaran premium sejumlah RM159,614 bagi *Contractor’s All Risks* dan sejumlah RM14,093 bagi *Workmen’s Compensation* masing-masing dengan tempoh liputan polisi insurans mulai tarikh pelaksanaan projek iaitu 30 Januari 2015 hingga 29 Januari 2018. Semakan Audit selanjutnya mendapati insurans lanjutan bertarikh 28 Ogos 2017 juga ada dikemukakan dengan tempoh liputan polisi insurans bermula pada 29 Januari 2018 hingga 22 Jun 2018. Semakan Audit juga mendapati liputan polisi insurans bagi tempoh penyenggaraan untuk *Contractor’s All Risks* dan *Workmen’s Compensation* masing-masing adalah bermula pada 23 Jun 2018 hingga 5 April 2020.

Pada pendapat Audit, polisi insurans diurus dengan baik kerana dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

d. Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) Levy

- i. Mengikut klausa 21.1 *Standard Form of Contract To Be Used Where Bills Of Quantities Form Part Of The Contract P.W.D. FORM 203A (Rev.1/2010)*, “*The Contractor shall comply in all respect (including the giving of all notices and the paying of all fees required) with any law, regulation or by-law, or any order or directive issued by any public authority or public service company (hereinafter referred to as “Statutory Requirements”), relating to the Works or, in the case of public authority or public service company, with those systems the same are or will be connected. The Contractor shall submit to the S.O. all approvals received by the Contractor in connection therein. The Contractor shall keep the Government indemnified against all penalties and liability of every kind for breach of any such Statutory Requirements*”. Sehubungan itu, mengikut dokumen kontrak *Bill No. 1 Preliminaries and General*, item 1.1.2.3, sejumlah RM120,000 diperuntukkan untuk CIDB Levy. Antara lain pungutan levi ini adalah bertujuan untuk membantu membangunkan serta meningkatkan industri pembinaan negara.
- ii. Mengikut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 1994 (Akta 520) Bahagian VIII perkara 34(9), jika seseorang kontraktor tidak membayar apa-apa levi yang kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga, kontraktor itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau empat kali ganda amaun levi yang kena dibayar itu, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- iii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati pada 11 Mac 2015, bayaran levi sejumlah RM117,355 telah diterima oleh CIDB daripada Kontraktor. Semakan Audit selanjutnya mendapati CIDB Levy diperakui siap 100% dan disahkan oleh Perunding pada 30 Mac 2016 serta bayaran sejumlah RM120,000 termasuk bayaran proses/caj perkhidmatan sejumlah RM2,645 dibuat melalui Bayaran Interim No. 11 bertarikh 27 April 2016.

Pada pendapat Audit, CIDB Levy diurus dengan baik kerana dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

e. Arahan Perubahan Kerja (APK)

- i. Mengikut klausa 24.1 *Standard Form of Contract To Be Used Where Bills Of Quantities Form Part Of The Contract PWD FORM 203A (Rev.1/2010)*, "The S.O. may issue instructions requiring a Variation in the form of a Variation Order. No variation required by the S.O. shall vitiate this Contract. Upon the issuance of such Variation Order, the Contractor shall forthwith comply with the Variation Order issued by the S.O. "
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati enam (6) APK telah diluluskan oleh Pegawai Penguasa Projek (Pengurus Wilayah, Pejabat Wilayah Selatan, JKR Sarawak) melibatkan tambahan harga sejumlah RM0.94 juta. Butiran lanjut mengenai APK adalah seperti **Jadual 1.4**.

JADUAL 1.4
BUTIRAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA

BIL.	APK	HURAIAN PERUBAHAN	TARIKH MOHON	TARIKH KELULUSAN	AMAUN (RM)
1.	No. 1	Adjustment of S.O. Facilities - Omit rental & maintenance of accommodation for S.O. and his staff (RM115,200), omit of providing of carbon fibre boat with outboard engine (RM66,000) and omit S.O.'s accommodation and his staff (RM156,100) - Additional two (2) unit of pick-up vehicle for Clerk of Work's use (RM209,600), additional two (2) sets of mobile phone build-in camera with at least two (2) megapixel resolution (RM12,800) and provide one (1) unit of tug boat in-lieu of fibre boat (RM114,900).	08.09.2015	19.09.2016	0
2.	No. 2	Relocation of Water Pipe & Proposal for Construction of Sluice Valve and Single Air Valve	03.12.2015	22.09.2016	172,109
3.	No. 3	Demolition Existing Culvert & Construction of New 600mm Dia. Single Precast Pipe Culvert at Tambey Junction	13.05.2016	10.04.2017	73,675
4.	No. 4	Proposal for Construction of 150mm Dia. D.I. Pipe at Road G	23.06.2016	22.09.2016	15,027
5.	No. 5	Additional 200mm Dia. UPVC Ventilation Pipe at Piers	10.03.2017	08.08.2017	5,590
6.	No. 6	Proposed Road Widening To Connect Jln Muara Tuang-Semera-Pendam Junction	16.05.2017	08.08.2017	677,797
JUMLAH BERSIH TERKUMPUL					944,198

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati APK No. 1 yang diluluskan adalah meliputi sewaan kemudahan dan penyenggaraan, alat kelengkapan, bot, kenderaan pacuan empat roda dan telefon mudah alih. Perubahan kerja ini mengambil kira tapak projek adalah berhampiran kawasan bandar dan mudah diakses serta mengikut keperluan dan kesesuaian di tapak projek. APK No. 2 hingga APK No. 5 diluluskan apabila berlaku pertukaran lokasi paip air sedia ada di tapak projek dan keperluan tambahan peralatan paip. APK No. 6 yang diluluskan pula adalah pertambahan skop untuk membesarkan jalan bagi mengurangkan

kesesakan lalu lintas di persimpangan Jalan Muara Tuang/Semera/Pendam apabila pengguna jalan raya menggunakan Jambatan Batang Samarahan dari Kuching/Kota Samarahan ke Asajaya.

Pada pendapat Audit, APK diurus mengikut peraturan yang ditetapkan.

f. Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK)

- i. Mengikut klausa 25.1 *Standard Form of Contract To Be Used Where Bills Of Quantities Form Part Of The Contract P.W.D. FORM 203A (Rev.1/2010)*, “*All variations instructed in writing by the S.O. in accordance with clause 24 hereof shall be measured and valued by the S.O.*”.
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati enam (6) PHK telah diluluskan melibatkan kurangan harga sejumlah RM1.24 juta. Butiran lanjut mengenai PHK adalah seperti **Jadual 1.5**.

JADUAL 1.5
BUTIRAN PERAKUAN PELARASAN HARGA KONTRAK

BIL.	PHK	HURAIAN PELARASAN	TARIKH KELULUSAN	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM)
1.	No. 1	<i>Omission of Bridge Piling Works (Provisional) Bill No. 3 - General Works, 900 mm Diameter Prestressed Spun Piles and Grade S275:1500 mm Diameter x 16 mm THK Steel Pipes Piles.</i>	20.10.2016	(19,897,866)
2.	No. 2	<i>Adjustment of S.O Facilities</i> - <i>Omit rental & maintenance of accommodation for S.O. and his staff (RM115,200), omit of providing of carbon fibre boat with outboard engine (RM66,000) and omit S.O. 's accommodation and his staff (RM156,100)</i> - <i>Additional two (2) unit of pick-up vehicle for Clerk of Work's use (RM209,600), additional two (2) sets of mobile phone build-in camera with at least two (2) megapixel resolution (RM12,800) and provide one (1) unit of tug boat in-lieu of fibre boat (RM114,900).</i>	14.11.2016	0
3.	No. 3	<i>Omission of E.I.A Report</i>	05.04.2017	(5,000)
4.	No. 4	<i>Demolition of Existing Culvert & Construction of New 600mm Dia. Single Precast Pipe Culvert</i>	09.06.2017	73,675
5.	No. 5	<i>Remeasurement of Piling Works Based on Certified As Built Piling Records</i>	01.11.2017	8,578,280
6.	No. 6	<i>Remeasurement of Piling Works Based on Certified As Built Piling Records</i>	25.04.2018	10,011,051
JUMLAH BERSIH TERKUMPUL				(1,239,860)

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati PHK No. 1 diluluskan dengan kurangan harga sejumlah RM19.90 juta (21.2% daripada harga kontrak). PHK No. 2 diluluskan bagi pelarasan harga untuk sewaan kemudahan

dan penyenggaraan, alat kelengkapan, bot, kenderaan pacuan empat roda dan telefon mudah alih dengan mengambil kira keperluan dan kesesuaian di tapak projek. PHK No. 3 diluluskan bagi *Omission of Environmental Impact Assessment (EIA) Report*. PHK No. 4 diluluskan bagi tambahan peralatan paip dan harga baru peralatan tersebut. PHK No. 5 dan PHK No. 6 diluluskan dengan mengambil kira pengukuran semula kerja pemasangan cerucuk di jambatan berdasarkan *Certified As-Built Piling Record*.

- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati PHK No. 3 iaitu *Omission of Environmental Impact Assessment (EIA) Report* telah diluluskan pada 5 April 2017 walaupun pengecualian EIA tidak diluluskan oleh *Natural Resources and Environmental Board (NREB)*. Merujuk kepada surat daripada NREB bertarikh 29 April 2009, permohonan untuk pengecualian EIA bagi projek ini tidak dapat dipertimbangkan atas sebab *the "sensitivity" of the areas involved and their possible impacts on the geophysical, biochemical and social environments at the construction site as well as the surrounding areas*.

Pada pendapat Audit, PHK diurus mengikut peraturan yang ditetapkan kecuali EIA yang tidak diluluskan untuk pengecualian oleh NREB.

g. *Delay and Extension of Time (EOT)*

- i. Mengikut klausa 43.1 *Standard Form of Contract To Be Used Where Bills Of Quantities Form Part Of The Contract P.W.D. FORM 203A (Rev.1/2010)*, "*Upon it becoming reasonably apparent that the progress of the Works is delayed, the Contractor shall forthwith give written notice to the S.O. as to the cause of delay and relevant information with supporting documents enabling the said officer to form an opinion as to the cause and calculation of the length of delay*".
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati dua (2) EOT sebanyak 144 hari telah dimohon oleh Kontraktor sebaik sahaja menyedari akan berlakunya kelewatan semasa pelaksanaan kerja. Kedua-dua EOT tersebut telah diluluskan dalam tempoh pelaksanaan kerja (tiada *Time At Large*). Butiran lanjut mengenai EOT adalah seperti **Jadual 1.6**.

JADUAL 1.6
BUTIRAN DELAY AND EXTENSION OF TIME

BIL. EOT	SEBAB KELEWATAN	TARIKH MOHON	TARIKH LULUS	TEMPOH EOT		BIL. HARI
				DARI	HINGGA	
1	<i>Exceptionally Inclement Weather (from 30.01.2015 to 31.03.2016)</i>	04.08.2016	19.10.2016	29.01.2018	17.02.2018	19
2	<i>Delay due to land blockade imposed by local residents at Lot 11761 & Lot 11764 which is located within Right of Way (from 13.05.2016 to 15.09.2016)</i>	16.11.2016	26.01.2017	18.02.2018	22.06.2018	125
JUMLAH						144

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

- iii. Pada 4 Ogos 2016, Kontraktor memohon EOT No. 1 sebanyak 19 hari bagi menggantikan kerja yang tidak dapat dilaksanakan kerana keadaan cuaca yang tidak menentu. Semakan Audit mendapati permohonan dibuat berdasarkan maklumat *Calculation of Inclement Weather for Year 2015 and 2016* termasuk purata hujan sepanjang 10 tahun yang lepas serta *Daily Rainfall Totals* daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak. Berdasarkan maklumat tersebut, Pengarah JKR Sarawak telah meluluskan EOT No. 1 sebanyak 19 hari yang mengakibatkan tarikh siap dipinda kepada 17 Februari 2018.
- iv. Pada 16 November 2016, Kontraktor memohon EOT No. 2 sebanyak 133 hari bagi menggantikan kerja yang tidak dapat dilaksanakan kerana halangan memasuki tapak oleh penduduk setempat di Lot 11761 dan Lot 11764 yang merupakan *within the Right of Way and it's require for road construction works*.
- v. Semakan Audit selanjutnya mendapati berdasarkan *Project Work Programme (Primavera 6)*, Lot 11761 dan Lot 11764 adalah dalam lingkungan kerja P6 dari CH.1+225 hingga CH.2+800 yang sepatutnya dijadualkan bermula pada 7 September 2015. Gangguan halangan tersebut hanya melibatkan sebahagian daripada kerja yang dijadualkan iaitu dari CH.1+550 hingga CH.1+750. Kontraktor telah memberi justifikasi dan tarikh memasuki Lot 11761 dan Lot 11764 mengikut jadual kerja yang ditetapkan iaitu pada 3 Mei 2016. Bagaimanapun, didapati Kontraktor mula memasuki tapak tersebut pada 15 September 2016. Dengan mengambil kira permohonan EOT No. 2 iaitu halangan memasuki Lot 11761 dan Lot 11764 yang akan mengakibatkan tarikh lanjutan siap pada 17 Februari 2018 dilanjutkan kepada tarikh lanjutan siap yang baharu pada 30 Jun 2018, Pegawai Penguasa Projek mencadangkan EOT No. 2 sebanyak 133 hari.
- vi. Semakan Audit juga mendapati permohonan EOT No. 2 telah dikemukakan bersama maklumat kronologi kes [termasuk laporan polis sebanyak tiga (3) kali]; maklum balas serta Minit Mesyuarat Tapak, Minit

Mesyuarat Teknikal dan Minit Mesyuarat Penyelarasan bersama Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Perunding, Kontraktor dan JKR. Selain itu, *Assessment by Time-Slice Analysis* dan *Project Work Programme* juga telah dikemukakan untuk penilaian dan kelulusan Jawatankuasa EOT.

- vii. Mesyuarat Jawatankuasa EOT Bilangan 1 Tahun 2017 pada 20 Januari 2017 telah meluluskan EOT No. 2 sebanyak 125 hari (13 Mei 2016 hingga 15 September 2016) *with proviso that the Contractor agrees to no claims on any loss and expense*. Sehubungan itu, pada 26 Januari 2017, Pengarah JKR meluluskan EOT No. 2 sebanyak 125 hari kepada kontraktor yang menyebabkan tarikh lanjutan siap yang telah dibenarkan sebelum ini iaitu 17 Februari 2018 dilanjutkan kepada tarikh baharu iaitu 22 Jun 2018.

Pada pendapat Audit, justifikasi EOT adalah munasabah dan ia diurus dengan baik kerana dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

h. Pengurusan Bayaran Interim

Mengikut klausa 28.1 dan 28.2 *Standard Form of Contract To Be Used Where Bills Of Quantities Form Part Of The Contract P.W.D. FORM 203A (Rev.1/2010)*, “*When the Contractor has executed work including delivery to or adjacent to the Works of any unfixed materials or goods intended for incorporation into the Works in accordance with the terms of this Contract and their total value of work thereof has reached the sum referred to in Appendix, the S.O. shall at that time make the first valuation of the same. Thereafter, once (or more often at the discretion of the S.O.) during the course of each succeeding month the S.O. shall make a valuation of the works properly executed and of unfixed materials and goods delivered to or adjacent to the Site, provided the total value of works properly executed and the value of unfixed materials and goods as specified in clause 28.4 hereof, delivered to the Site intended for the incorporation into the Works in each subsequent valuation shall not be less than the sum referred to in Appendix*”.

i. Pembayaran *Environmental Management Plan* (EMP)

- Mengikut *Bill No. 1 Preliminaries and General*, item 1.5, sejumlah RM35,000 diperuntukkan untuk EMP. Merujuk *General Terms and Conditions EMP Report Approval*, item 3(a), “*The Project Proponent shall engage Environmental Consultant to carry out environmental monitoring and provide environmental reports and data on the state*

of the environment once every three months upon commencement of the project”.

- Merujuk kepada surat NREB bertarikh 29 April 2009, dalam kes-kes tertentu EMP boleh dilaksanakan *in lieu of the EIA study*. Bagaimanapun, bagi projek ini pengecualian EIA tidak diluluskan oleh NREB.
- EMP bagi projek ini diluluskan oleh NREB pada 10 Mei 2016. Syarikat No. 130904-U telah dilantik sebagai *Environmental Consultant* untuk menyediakan EMP dan *Environmental Monitoring Report* (EMR). EMR mengandungi perkara berkaitan *water sampling*, *ambient air* dan *noise monitoring* bagi melapor prestasi persekitaran projek.
- Semakan Audit mendapati kerja bagi EMP diperakui siap 96.1% pada 25 April 2018 dan bayaran sejumlah RM28,835 dibuat melalui Bayaran Interim No. 28 bertarikh 2 Julai 2018. Bagi penyediaan EMR pula, kerja diperakui siap 94.4% pada 25 April 2018 dan bayaran sejumlah RM4,722 dibuat melalui bayaran interim yang sama.

Pada pendapat Audit, pembayaran interim bagi *Environmental Monitoring Report* telah dibuat dengan teratur.

ii. Pembayaran *Traffic Management*

- Mengikut *Bill No. 1 Preliminaries and General, item 1.9*, sejumlah RM60,000 diperuntukkan untuk *Traffic Management* merangkumi *Traffic Management Safety Report* (TMSR) sejumlah RM10,000 dan *Road Safety Audit Report (for Stage 4 and 5 only)* sejumlah RM50,000.
- Objektif *Traffic Management Plan* (TMP) adalah *to prevent and control traffic related injuries related to project construction; minimize traffic congestion and maintain safe, fast and easy; provide early warning of hazardous conditions on sites and provide traffic control equipment and appropriate signage; protecting the safety of road users; separate work area with traffic and construction equipment; and cooperate fully with local authorities and the parties involved to ensure that construction work can be revealed without interference*. Objektif utama *Road Safety Audit* (RSA) pula adalah *to identify any road safety deficiencies of road projects* selaras dengan *Guideline for*

the Safety Audit of Roads in Malaysia yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia.

- Semakan Audit terhadap proses pembayaran *traffic management* mendapati perkara seperti berikut:
 - Kontraktor telah menyediakan TMP dan diluluskan oleh JKR pada bulan Jun 2015.
 - Kerja bagi TMSR diperakui siap 94.44% pada 25 April 2018 dan bayaran sejumlah RM9,444 dibuat melalui Bayaran Interim No. 28 bertarikh 2 Julai 2018.
 - Syarikat No. 649181-A dilantik oleh Kontraktor sebagai Juruaudit Keselamatan Jalan yang bebas untuk menjalankan RSA Stage 4 - *Construction and Pre-Opening Stage* dan RSA Stage 5 - *Post-Opening Stage*.
 - RSA Stage 4 telah dilaksanakan manakala RSA Stage 5 akan dibuat selepas projek siap.
 - Kerja bagi RSA diperakui siap 94.4% pada 25 April 2018 dan bayaran sejumlah RM47,220 dibuat melalui Bayaran Interim No. 28 bertarikh 2 Julai 2018.

Pada pendapat Audit, pembayaran interim bagi *Traffic Management* telah dibuat dengan teratur.

1.6.2.4. Pengurusan Pembinaan

JKR dan Perunding bertanggungjawab memantau serta menyelia projek ini bagi memastikan kerja dijalankan mengikut spesifikasi kontrak dan pada tahap yang boleh diterima pakai. Lawatan Audit pada 31 Julai 2018 ke tapak projek dan semakan Audit ke atas dokumen kontrak mendapati perkara berikut:

a. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak

i. *Elastomeric Bearing* Dipasang Tidak Tepat di Bahagian Tengah T-Beam No. 1 dan No. 7 di *Abutment A*

- Mengikut *JKR/SPJ/2013-S13 Bridge Bearings*, 13.2.7.1 *General*, “*The bearings shall be installed to the appropriate setting as shown on the Drawing and to be maintained in their correct position during and after placing of the bridge deck*”. Manakala 13.2.7.5 *Setting Tolerances of Bearing* menyatakan, “*Bearings shall be located so that*


their centerlines are within $\pm 3\text{mm}$ of their correct position.... ". Mengikut dokumen kontrak *Bill No. 4 Bridge Construction Works*, item 4.8.1, sejumlah RM210,000 diperuntukkan untuk *laminated elastomeric bearings*. Lawatan Audit pada 31 Julai 2018 ke tapak projek mendapati *elastomeric bearing* dipasang tidak tepat di bahagian tengah *T-Beam* No. 1 dan No. 7 di *Abutment A*. Perkara ini boleh menyebabkan pengagihan beban tidak seragam pada bahagian tersebut kerana *bearing* direka bentuk untuk menampung pergerakan yang disebabkan oleh pengembangan akibat haba (*thermal expansion*), pergerakan trafik dan angin. Keadaan *elastomeric bearing* adalah seperti **GAMBAR 1.1** hingga **GAMBAR 1.4**.

GAMBAR 1.1



Jambatan Batang Samarahan (*Abutment A*)
- *Elastomeric Bearing* Dipasang Tidak Tepat di
Bahagian Tengah *T-Beam* No. 1
(31.07.2018)

GAMBAR 1.2




Jambatan Batang Samarahan (*Abutment A*)
- *Elastomeric Bearing* Dipasang Tidak Tepat di
Bahagian Tengah *T-Beam* No. 1
(31.07.2018)

GAMBAR 1.3



Jambatan Batang Samarahan (*Abutment A*)
- *Elastomeric Bearing* Dipasang Tidak Tepat di
Bahagian Tengah *T-Beam* No. 7
(31.07.2018)

GAMBAR 1.4



Jambatan Batang Samarahan (*Abutment A*)
- *Elastomeric Bearing* Dipasang Tidak Tepat di
Bahagian Tengah *T-Beam* No. 7
(31.07.2018)

- Semakan Audit mendapati kerja bagi *Elastomeric Bearing* diperakui siap 100% pada 25 April 2018 dan bayaran sejumlah RM210,000 dibuat melalui Bayaran Interim No. 28 bertarikh 2 Julai 2018.

Maklum Balas JKR yang Diterima pada 15 Oktober 2018

- Clause 8.3.2.3 of BS5400 section 9.2 states that "Bearings shall be located so that their centrelines are within $\pm 3\text{mm}$ of their correct position". What was installed on site does not meet this level of*

tolerance and obviously a non-compliance.

- ii. *However as far of the structural functionality of the bearings, they are not impaired. Due to the rigidity of back wall, the distribution of load to the bearings are not adversely affected by such eccentricities (recorded as much as 75mm) and would not prevent the bearing from performing as they should i.e. to allow for thermal movement of the deck.*
- iii. *A structural reanalysis was carried out based on the actual bearing positions. The analysis results show a change of 0.06% in the bearing load due to the out-of-position of 35mm and 75mm. This negligible impact shows the effect of the rigid screen back wall and that, the installation of the bearings can be accepted as they are.*
- iv. *This issue therefore can be resolved by two possible options:*
 - *Repositioning the rubber bearings. This involves jacking the beams at the abutment to free the bearings and then repositioning them. It may slightly damage the premix at the interface of the abutment wall and the approach piled embankment.*
 - *Leave the bearings as they are. As explained earlier, the rigidity of the screen back wall distributes the load to the bearings without lateral rotation regardless of their eccentricities.*

Maklum Balas JKR yang Diterima pada 13 November 2018

The bearing is as much as 75mm away from the specified position in the lateral direction. Based on the Consultant's analysis, the effect of a change is only 0.06% in the bearing load due to the out-of-position of 35mm and 75mm. Therefore the effect can be ignored. The effect is small because of the bridge span is only 40m.

ii. Sebahagian Unpaved Shoulder Rendah Daripada Permukaan Pavement

Mengikut JKR/SPJ/2008-S4 Flexible Pavement, 4.4.3 Construction Methods, Shoulders shall be finished in a neat and workmanlike manner. The top surface of each shoulder shall have the required shape, super-elevation, levels and grades, shall be everywhere within 10 millimetre (mm) of the required plane, and shall provide a flush joint with the carriageway surface. Lawatan Audit pada 31 Julai 2018 ke tapak projek

mendapati sebahagian bahu jalan (*unpaved shoulder*) rendah daripada permukaan *pavement*. Perkara ini boleh menyebabkan kecuraman untuk mengalirkan air ke longkang tidak mencukupi dan kekuatan struktur *pavement* tidak mencukupi untuk menanggung beban tayar. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit dan keadaan bahu jalan adalah seperti **Gambar 1.5** hingga **Gambar 1.8**.

GAMBAR 1.5



Jambatan Batang Samarahan Chainage 0-380
(Approach Road)
- Bahu Jalan (*Unpaved Shoulder*) Rendah Daripada
Permukaan Pavement
(31.07.2018)

GAMBAR 1.6



Jambatan Batang Samarahan Chainage 0-380
(Approach Road)
- Bahu Jalan Telah Dibaiki
(25.09.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

GAMBAR 1.7



Jambatan Batang Samarahan (Road Widening To
Connect Jalan Muara Tuang/Semera/Pendam Junction)
- Bahu Jalan (*Unpaved Shoulder*) Rendah Daripada
Permukaan Pavement
(31.07.2018)

GAMBAR 1.8



Jambatan Batang Samarahan (Road Widening To
Connect Jalan Muara Tuang/Semera/Pendam Junction)
- Bahu Jalan Telah Dibaiki
(25.09.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

iii. Pengawasan Hakisan

- Perkara AD2.2.8.1 (a) Addendum No. S-1(REV.1- Oktober 1997) di dalam Jabatan Kerja Raya *Standard Specification For Road Works* menyatakan *the contractor is responsible for achieving an acceptable grass cover over all exposed, trimmed and completed cut and filled surfaces*. Perkara AD2.2.8.1 juga menyatakan *exposed cut faces and fill/embankment surfaces, shall be protected against erosion damage until the grass cover is achieved*.
- Mengikut JKR/SPJ/1988-S2 *Earthworks*, 2.2.8.2 *Turfing*, *All turf shall be regularly watered and fertilised to the satisfaction of the S.O. until the vegetation is satisfactorily established. Any dead turf shall be replaced with new turf at the Contractor's own expense*. Dokumen

kontrak *Bill No. 7 Permanent Roads Works For Access Roads*, item 7.2.5, *Turfing and Hydroseeding*, memperuntukkan sejumlah RM102,410 untuk *close turfing on level surfaces and including 50mm bed of black earth as specified*. Lawatan Audit pada 31 Julai 2018 ke tapak projek mendapati *spot turfing* tidak ditanam di sebahagian bahu jalan dan sebahagian cerun tidak dilindungi dengan sempurna. Perkara ini boleh menyebabkan struktur tanah mudah berlaku hakisan akibat larian air hujan daripada *pavement*. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit dan keadaan bahu jalan dan cerun adalah seperti **Gambar 1.9** hingga **Gambar 1.16**.

GAMBAR 1.9



Jambatan Batang Samarahan (Bawah Jambatan)
- *Spot Turfing* Tidak Ditanam di Sebahagian Bahu Jalan
(31.07.2018)

GAMBAR 1.10



Jambatan Batang Samarahan (Bawah Jambatan)
- Penanaman *Spot Turfing* Telah Dilaksanakan
(04.10.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

GAMBAR 1.11



Jambatan Batang Samarahan
(*Road Widening to Connect Jalan Muara Tuang/Semera/Pendam Junction*)
- *Spot Turfing* Tidak Ditanam di Sebahagian Bahu Jalan
(31.07.2018)

GAMBAR 1.12



Jambatan Batang Samarahan
(*Road Widening to Connect Jalan Muara Tuang/Semera/Pendam Junction*)
- Penanaman *Spot Turfing* Telah Dilaksanakan
(25.09.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

GAMBAR 1.13



Jambatan Batang Samarahan (Bawah Jambatan)
- *Spot Turfing* Tidak Ditanam di Sebahagian Bahu Jalan
(31.07.2018)

GAMBAR 1.14



Jambatan Batang Samarahan (Bawah Jambatan)
- Penanaman *Spot Turfing* Telah Dilaksanakan
(04.10.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

GAMBAR 1.15



Jambatan Batang Samarahan
- Cerun Tidak Dilindungi dan Berlaku Hakisan Tanah
(31.07.2018)

GAMBAR 1.16



Jambatan Batang Samarahan
- Cerun Ditutup dan Ditanam Rumput
(04.10.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

iv. Konduit Boleh Lentur Tidak Dipasang Bagi Pendawaian ke Lampu Navigasi dan Lampu Limpah di *Span 7*

Mengikut Peraturan-peraturan Elektrik 1994, Peraturan 15(2), Sesuatu konduktor hendaklah ditebat dan dilindungi secara berkesan atau ditempatkan atau dikawal keselamatannya sedemikian rupa bagi mencegah bahaya. Mengikut dokumen kontrak *Bill No. 8 Electrical Services, item 8.d*, sejumlah RM127,800 diperuntukkan untuk *supply, install and connect up lighting, final sub-circuits inclusive of junction boxes, cables, conduit, pipe sleeves, time switches, trenching, backfilling and other necessary accessories*. Lawatan Audit pada 31 Julai 2018 ke tapak projek mendapati konduit boleh lentur tidak dipasang bagi pendawaian ke lampu navigasi dan lampu limpah di *Span 7*. Perkara ini boleh menyebabkan berlakunya vandalisme atau kecurian kabel kerana terdedah tanpa sebarang perlindungan. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit dan keadaan pendawaian ke lampu navigasi dan lampu limpah adalah seperti **Gambar 1.17** dan **Gambar 1.18**.

GAMBAR 1.17



Jambatan Batang Samarahan
- Konduit Boleh Lentur Tidak Dipasang Bagi
Pendawaian ke Lampu Navigasi dan Lampu Limpah di
Span 7
(31.07.2018)

GAMBAR 1.18



Jambatan Batang Samarahan
- Konduit Boleh Lentur Telah Dipasang
(02.10.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

v. Sistem Pbumian Bagi Sistem Lampu Navigasi dan Lampu Limpah Tidak Lengkap

Mengikut Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Peraturan 35, Dalam mana-mana pemasangan sistem pbumian konduktor yang lengkap yang dibuat daripada bahan yang boleh diterima dan mempunyai luas keratan rentas yang mencukupi dengan satu atau lebih plat bumi, paip atau rod hendaklah diadakan. Sistem membumi itu hendaklah disambungkan ke bumi dan disenggarakan dengan berkesan. Mengikut dokumen kontrak *Bill No. 8 Electrical Services, item 8.g*, sejumlah RM5,000 diperuntukkan untuk *complete earthing system*. Lawatan Audit pada 31 Julai 2018 ke tapak projek mendapati sistem pbumian bagi sistem lampu navigasi dan lampu limbah tidak lengkap di mana kabel bumi ditamatkan pada *cable gland*. Perkara ini boleh menjejaskan keselamatan orang awam. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit dan keadaan sistem pbumian adalah seperti **Gambar 1.19** dan **Gambar 1.20**.

GAMBAR 1.19



Jambatan Batang Samarahan
(Papan Agihan Di *Span 7*)

- Sistem Pbumian Bagi Sistem Lampu Navigasi dan
Lampu Limpah Tidak Lengkap
(31.07.2018)

GAMBAR 1.20



Jambatan Batang Samarahan
(Papan Agihan Di *Span 7*)


- Sistem Pbumian Telah Dipasang
(02.10.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

vi. Lukisan Skematik Tidak Dipamerkan di Dalam Papan Agihan Untuk Lampu Navigasi dan Lampu Limpah di *Span 7*

Mengikut Peraturan-peraturan Elektrik 1994, Peraturan 19 (1)(b), Susunan am papan suis hendaklah seperti berikut: pengaliran tiap-tiap konduktor hendaklah boleh dikesan dan gambar rajah sambungan yang dilukis dengan jelas hendaklah dipamerkan berdekatan dengan papan suis. Mengikut dokumen kontrak *Bill No. 8 Electrical Services, item 8.a*, sejumlah RM4,000 diperuntukkan untuk *design and preparation of shop and as-built drawings, operation and maintenance manual*. Lawatan Audit pada 31 Julai 2018 ke tapak projek mendapati lukisan skematik tidak dipamerkan di dalam papan agihan untuk lampu navigasi dan lampu limbah di *Span 7*. Perkara ini boleh menyebabkan kesukaran dalam kerja penyenggaraan. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas

teguran Audit dan keadaan lukisan skematik adalah seperti **Gambar 1.21** hingga **Gambar 1.24**.

GAMBAR 1.21




Jambatan Batang Samarahan (Span 7)
- Lukisan Skematik Tidak Dipamerkan di Dalam Papan Agihan Untuk Lampu Navigasi dan Lampu Limpah (31.07.2018)

GAMBAR 1.22



Jambatan Batang Samarahan (Span 7)
- Lukisan Skematik Telah Dipamerkan (02.10.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

GAMBAR 1.23



Jambatan Batang Samarahan (Span 7)
- Lukisan Skematik Tidak Dipamerkan di Dalam Papan Agihan Untuk Lampu Navigasi dan Lampu Limpah (31.07.2018)

GAMBAR 1.24



Jambatan Batang Samarahan (Span 7)
- Lukisan Skematik Telah Dipamerkan (02.10.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

Pada pendapat Audit, kelemahan pemantauan oleh perunding semasa pelaksanaan projek menyebabkan terdapat kes-kes kerja yang tidak mengikut spesifikasi kontrak.

b. Kerja Mengikut Spesifikasi Kontrak Tetapi Kurang Berkualiti

i. Sebahagian Permukaan Jalan di Jambatan Tidak Rata

- Mengikut dokumen kontrak *Bill No. 6 Permanent Road Works on Embankment and Bridge*, item 6.1.d, sejumlah RM349,918 diperuntukkan untuk *surfacing* yang terdiri daripada *bituminous prime coat* dan *asphaltic concrete*.
- Semakan Audit mendapati pada 9 Julai 2018, laporan *Walking Profiler G3 Test* ada disediakan oleh JKR bagi projek ini. Ujian ini dijalankan untuk jalan sepanjang 926.097 meter bagi arah dari Kuching ke Asajaya (LHS) dan keputusan yang diperoleh mencatatkan purata *International Roughness Index (IRI)* 3.293 m/km

iaitu di kategori *Fair*. Ujian yang sama juga dijalankan pada tempoh yang sama untuk jalan sepanjang 925.744 meter bagi arah Asajaya ke Kuching (RHS) dan mencatatkan purata IRI 2.864 m/km juga di kategori *Fair*.

- Semakan Audit selanjutnya mendapati keputusan maksimum nilai IRI menunjukkan 5.903 m/km bagi jalan LHS dan keputusan maksimum nilai IRI 6.916 m/km bagi jalan RHS. Berdasarkan laporan IRI yang disediakan oleh JKR, nilai IRI yang dikategorikan sebagai baik adalah kurang dari 2.5 m/km. Lawatan Audit pada 31 Julai 2018 ke tapak projek mendapati sebahagian permukaan jalan di jambatan tidak rata dan ia boleh menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya. Keadaan permukaan jalan yang tidak rata adalah seperti **Gambar 1.25** dan **Gambar 1.26**. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit dan keadaan permukaan jalan adalah seperti **Gambar 1.27**. Mengikut laporan *Walking Profiler G3 Test* yang disediakan semula oleh JKR bertarikh 1 November 2018, didapati arah LHS mencatatkan purata IRI 3.188 m/km iaitu di kategori *Fair* dan RHS mencatatkan purata IRI 2.996 m/km juga di kategori *Fair*.

GAMBAR 1.25




Jambatan Batang Samarahan
- Sebahagian Permukaan Jalan di Jambatan Tidak Rata
(31.07.2018)

GAMBAR 1.26



Jambatan Batang Samarahan
- Sebahagian Permukaan Jalan di Jambatan Tidak Rata
(31.07.2018)



GAMBAR 1.27

Jambatan Batang Samarahan
- Kerja Pembaikan Sedang Dilaksanakan
(22.10.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

ii. Pemasangan *River Slope Protection* Tidak Kemas

Mengikut dokumen kontrak *Bill No. 7 Permanent Roads Works For Access*, item 7.3.3.iii, sejumlah RM149,580 diperuntukkan untuk *river slope protection using gabion rock mattresses 300mm thick*.

Pemeriksaan Audit di tapak projek pada 31 Julai 2018 mendapati pemasangan *river slope protection* tidak kemas dan ia boleh menjejaskan ketahanan struktur tanah. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit dan keadaan *river slope protection* adalah seperti **Gambar 1.28** dan **Gambar 1.29**.

GAMBAR 1.28



Jambatan Batang Samarahan
- Pemasangan *River Slope Protection* Tidak Kemas
(31.07.2018)

GAMBAR 1.29



Jambatan Batang Samarahan
- *River Slope Protection* Telah Dikemas
(04.10.2018)
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

Maklum Balas JKR yang Diterima pada 15 Oktober 2018

- i. *Jambatan Batang Samarahan was designed to BS5400 design code specifications as spelt out in the terms of reference. Based on the design codes, design life of the bridge structure is assumed to be 120 years. Part of Clause 6 of BS5400 part 1 as follows: “a design life of 120 years has been assumed throughout BS5400 (unless otherwise stated). The assumption of a design life does not necessarily mean that the structure will no longer be fit for its purpose at the end of the period, or that it will continue to be serviceable for that length of time without adequate and regular inspection and maintenance”.*
- ii. *Minimum concrete grade is 40N/mm² and compliance to part 6 to part 8 of BS5400 will ensure the durability of concrete, steel reinforcement and prestressing tendons to match the design life of 120 years.*
- iii. *Jambatan direka mengikut muatan kenderaan yang dinyatakan dalam BD 37/01 (British Standard) iaitu HA dan HB45. HA adalah muatan lalu lintas manakala HB45 adalah muatan kenderaan berat (180 tonnes). Ini adalah memastikan kenderaan yang mematuhi Weight Restriction Order (WRO) 2003 Malaysia dapat dilalui dengan selamat atas jambatan.*

Pada pendapat Audit, kelemahan pemantauan oleh perunding semasa pelaksanaan projek menyebabkan terdapat kes-kes kerja yang kurang berkualiti.

1.6.2.5. Pemantauan Projek

Di bawah projek yang dilaksanakan secara konvensional perunding melalui tender terbuka, JKR melantik perunding bagi menjalankan kajian awal dan menyediakan cadangan reka bentuk projek serta menyelia pelaksanaan projek. Perunding dilantik bagi menyediakan reka bentuk dan menyelia projek ini. Pengurus Wilayah, Pejabat Wilayah Selatan, JKR Sarawak pula dilantik sebagai Pegawai Penguasa Projek dan bertanggungjawab untuk memantau keseluruhan pelaksanaan projek ini.

- a. Mengikut dokumen kontrak klausa 3 *Standard Form of Contract To Be Used Where Bills Of Quantities Form Part Of The Contract P.W.D. FORM 203A (Rev. 1/2010)*, “The S.O. shall be responsible for the overall supervision and direction of the Works. All matters regarding the Works shall be dealt with by the Contractor with the S.O.” Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual, mematuhi skop dan spesifikasi kerja. Pemantauan yang berkesan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja yang dilaksanakan dan menyelesaikan masalah yang berbangkit semasa pelaksanaan projek di tapak. JKR bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- b. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati kaedah pemantauan dan penyeliaan projek dijalankan melalui buku harian tapak, 20 mesyuarat tapak, enam (6) mesyuarat koordinasi, laporan jaminan kualiti, laporan keselamatan serta laporan kemajuan kewangan dan fizikal projek. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah isu berkaitan pentadbiran kontrak, pembinaan, laporan kemajuan bulanan, keselamatan dan kesihatan, pelan pengurusan risiko, pengurusan trafik, pelan pengurusan alam sekitar dan pengalihan perkhidmatan awam dan utiliti. Selain itu, mesyuarat juga membincangkan penyelesaian perkara berbangkit semasa pelaksanaan projek dengan kerjasama pihak berwajib yang berkaitan. Mengikut maklum balas JKR bertarikh 15 Oktober 2018, didapati kecacatan kerja pembinaan sebanyak 63 yang disenaraikan dalam *Defect List* bertarikh 21 Jun 2018 telah diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan projek adalah berkesan kerana isu berkaitan pelaksanaan projek dibincangkan dan diselesaikan dari semasa ke semasa.

1.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak Jabatan Kerja Raya Sarawak mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

1.7.1. memastikan kelulusan EIA diperoleh daripada pihak berwajib terlebih dahulu sebelum projek dilaksanakan; dan

1.7.2. memastikan semua kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan yang tidak berkualiti serta kerosakan diperbaiki dalam tempoh tanggungan kecacatan sebelum *Certificate of Completion of Making Good Defects* dikeluarkan.

LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU

2. PROJEK KERJA INFRASTRUKTUR DI TAMAN PERINDUSTRIAN SAMALAJU, BINTULU

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) ditubuhkan pada 8 Julai 1978 di bawah Ordinan Lembaga Kemajuan Bintulu 1978 untuk mengurus perancangan fizikal dan pembangunan di Bintulu, Sarawak. Penubuhan BDA adalah berikutan dengan penemuan rizab gas asli dan minyak di Bintulu yang membolehkan BDA menjadi badan utama bagi menyelaras projek pembangunan di kawasan Bintulu. Ordinan tersebut memberi kuasa dan tanggungjawab kepada BDA untuk mentadbir, mengurus, membangun dan menguatkuasakan undang-undang di bawah pentadbirannya termasuk Taman Perindustrian Samalaju (TPS), Bintulu.

2.1.2. TPS Bintulu merupakan salah satu projek di bawah Pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Sarawak Corridor of Renewable Energy – SCORE) yang bertujuan membangun dan mentransformasikan negeri Sarawak kepada negeri maju. Matlamat utama pembangunan TPS adalah untuk menarik pelaburan industri berasaskan tenaga. Penyediaan infrastruktur asas seperti jalan, perparitan, saliran kumbahan serta utiliti dan kemudahan kerajaan telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2009 mengikut keutamaan berdasarkan kepada Pelan Induk TPS yang telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri melalui Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Sarawak. Taman Perindustrian Samalaju ini terletak 60 kilometer (km) dari bandar Bintulu dengan kawasan seluas 8,000 hektar. Pembangunan infrastruktur asas di TPS dilaksanakan secara berperingkat dalam lima (5) fasa dengan kos keseluruhan berjumlah RM902.93 juta. Setakat bulan Jun 2018, daripada 30 projek di TPS, sebanyak 25 projek telah siap, empat (4) dalam pembinaan dan satu (1) ditamatkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.1** dan **Peta 2.1** dan **Peta 2.2**.

JADUAL 2.1
PROJEK KERJA INFRASTRUKTUR TAMAN PERINDUSTRIAN SAMALAJU

BIL.	FASA PROJEK	HARGA KONTRAK (RM)	BILANGAN PROJEK	STATUS
RANCANGAN MALAYSIA KE SEMBILAN (RMK-9) DAN RANCANGAN MALAYSIA KE SEPULUH (RMK-10)				
1	Fasa 1	76,933,332	7	Siap
2	Fasa 2	171,931,378	5	Siap
3	Fasa 3	202,030,473	3	Siap
4	Fasa 5	202,039,782	1	Dalam Pmbinaan
			6	Siap

BIL.	FASA PROJEK	HARGA KONTRAK (RM)	BILANGAN PROJEK	STATUS
RANCANGAN MALAYSIA KE SEBELAS (RMKe-11)				
5	Fasa 3	88,088,582	2	Siap
			1	Dalam Pembinaan
6	Fasa 4	161,905,629	2	Siap
			2	Dalam Pembinaan
			1	Kontrak Ditamatkan
JUMLAH		902,929,176	30	


Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

PETA 2.1
AERIAL VIEW - TAMAN PERINDUSTRIAN SAMALAJU BINTULU



Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

PETA 2.2
PELAN LOKASI CADANGAN
PROJEK KERJA INFRASTRUKTUR DI TPS BINTULU



Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

2.1.3. Pada bulan Mac 2008, BDA telah mengesyorkan tiga (3) perunding untuk kerja ukur tanah dan tiga (3) perunding untuk kerja sivil dan struktur di TPS kepada pihak Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak [*State Financial Secretary (SFS)*]. Pada bulan April 2008, SFS telah meluluskan permohonan BDA untuk melantik terus perunding No. Syarikat 75874-D bagi menjalankan kerja ukur tanah dan perunding No. Syarikat 665536-K bagi kerja sivil dan struktur projek infrastruktur di TPS. Bagi perkhidmatan penyeliaan, pihak BDA telah melantik No. Syarikat 665536-K sebagai Pegawai Penguasa projek yang dilaksanakan.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Kerja Infrastruktur di TPS, Bintulu diurus dengan berhemat, cekap dan teratur bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk menyediakan infrastruktur khususnya kemudahan jalan raya bagi menarik pelabur asing dan tempatan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan Projek Kerja Infrastruktur di TPS melibatkan satu (1) projek dalam pembinaan dan satu (1) projek yang telah ditamatkan iaitu *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* bernilai RM63.50 juta (di bawah RMKe-10) dan *Phase 4 Stage 2 – Collector Road B2* (di bawah RMKe-11) bernilai RM43.50 juta. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai melalui dua (2) aspek utama iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Pengurusan projek dinilai melalui lima (5) perkara iaitu pengurusan input, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan pembinaan dan pemantauan. Tempoh yang diliputi adalah dari tahun 2015 hingga bulan Julai 2018. Pengauditan dijalankan di Lembaga Kemajuan Bintulu dan lawatan tapak juga dijalankan di TPS, Bintulu.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan mengkaji fail dokumen kontrak, rekod kewangan projek, minit mesyuarat, Laporan Kemajuan Projek serta Laporan Pemantauan. Pemeriksaan dan pemerhatian fizikal juga dijalankan. Temu bual dan perbincangan telah diadakan bersama pegawai BDA, perunding dan pegawai teknikal dari Bahagian Teknikal, Jabatan Audit Negara.

2.5. RUMUSAN AUDIT

2.5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Oktober 2018 mendapati perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan adalah seperti berikut:

2.5.1.1. Prestasi Projek

Projek Kerja Infrastruktur di TPS, Bintulu bagi dua (2) projek yang diaudit belum mencapai objektif yang ditetapkan kerana pelaksanaan projek tersebut masih belum mencapai output sepenuhnya. *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* gagal disiapkan dalam tempoh kontrak yang dibenarkan iaitu pada 31 Mac 2018 walaupun telah diberi dua (2) lanjutan masa. Pada 3 April 2018, Pegawai Penguasa (PP) projek telah mengeluarkan *Certificate of Non-Completion*. Manakala projek *Phase 4 Stage 2 – Collector Road B2* yang sepatutnya disiapkan pada 13 Jun 2019 telah ditamatkan kontraknya pada 18 April 2018. Kemajuan kerja semasa kontrak ditamatkan adalah 12.5%.

2.5.1.2. Pengurusan Projek

Bagi pengurusan projek, pihak Audit mendapati beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan kerana ia boleh memberi impak kepada kecekapan pengurusan projek. Aspek yang perlu ditambah baik adalah dari segi pengurusan input, pelantikan perunding, pelanjutan perlindungan insurans, kelulusan lanjutan masa (*Extension of Time - EOT*), kelayakan perkhidmatan kenderaan dan peralatan projek, tuntutan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages – LAD*) dan penamatan kontrak.

2.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Pentadbiran kontrak bagi projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* adalah kurang cekap yang mana insurans tidak dilanjutkan oleh kontraktor dan tuntutan LAD berjumlah RM1.18 juta belum dibuat;
- b. Pengurusan pembinaan adalah kurang cekap di mana kerja pemasangan *guardrail* dan kedalaman tiang lampu tidak mengikut spesifikasi pelan lukisan kontrak manakala tapak; dan
- c. Tuntutan kontraktor dan penilaian oleh PP selepas penamatan kontrak *Phase 4 Stage 2 – Collector Road B2* pada 4 April 2018 masih belum dibuat setakat akhir bulan Julai 2018 dan pembayaran pendahuluan berjumlah

RM9.24 juta belum dituntut daripada jaminan bank untuk bayaran pendahuluan.

2.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas BDA telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 24 Oktober 2018. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti berikut:

2.6.1. Prestasi Projek

2.6.1.1. Pencapaian Output

a. Projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* (No. Kontrak: BDA/CT/64/15)

- i. Projek ini melibatkan kerja jalan berturap sepanjang 4.56 km merupakan salah satu projek di bawah Pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Sarawak Corridor of Renewable Energy – SCORE) yang terletak di TPS iaitu 60 km dari bandar Bintulu. Skop projek ini meliputi *survey and setting out, site clearing and grubbing, earthworks, drainage, pavement, piling, electrical street lighting and miscellaneous (guardrail, traffic sign, road kerb, lane marking and delineators, guniting)*.
- ii. Berdasarkan perjanjian kontrak yang ditandatangani pada 17 Mac 2016, projek hendaklah disiapkan dalam tempoh 24 bulan iaitu mulai 16 Februari 2016 hingga 15 Februari 2018. Kontraktor bertanggungjawab untuk memastikan projek disiapkan mengikut tempoh seperti dalam kontrak. Klausula 29 *Standard Conditions of Contract*, menetapkan lanjutan masa (EOT) boleh diberikan kepada kontraktor sekiranya mempunyai alasan yang munasabah dan menepati kehendak klausula tersebut.
- iii. Semakan Audit mendapati kontraktor telah memohon lanjutan masa sebanyak 44 hari dan diluluskan melalui dua (2) EOT atas sebab *exceptional inclement weather*. Tarikh siap dipinda (*Revised Completion Date*) selepas EOT No. 1 (31 hari) diluluskan adalah pada 18 Mac 2018. Manakala tarikh siap dipinda selepas EOT No. 2 (13 hari) diluluskan adalah pada 31 Mac 2018.
- iv. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Bulan Jun 2018 mendapati projek ini lewat selama 91 hari dari tarikh siap dipinda selepas EOT No.2. Prestasi keseluruhan projek berdasarkan Laporan Kemajuan Bulan Jun

2018 adalah 99.8% berbanding sasaran 100% seperti **Jadual 2.2** dan **Carta 2.1**.


JADUAL 2.2
STATUS PELAKSANAAN PROJEK SETAKAT BULAN JUN 2018

STATUS PROJEK				
TEMPOH KONTRAK	EOT DILULUSKAN (44 HARI)		TEMPOH LEWAT (01.04.2018 - 30.06.2018)	KEMAJUAN FIZIKAL (%)
	EOT NO.1 (16.02.2017 - 18.03.2018)	EOT NO.2 (19.03.2018 - 31.03.2018)		
16.02.2016 hingga 15.02.2018 (24 bulan)	31 hari	13 hari	91 hari*	99.8

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

Nota: * - Tiada Permohonan EOT dikemukakan

CARTA 2.1
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK PHASE 5 STAGE 1 – PROPOSED SAMALAJU BOULEVARD PACKAGE 1 BERBANDING SASARAN PELAKSANAAN PROJEK SETAKAT BULAN JUN 2018



Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

- v. Komponen kerja yang belum siap sepenuhnya (0.2%) adalah kerja perparitan, *electrical street lighting (Testing and Commissioning - T&C)* dan *arrow marking*. Butiran lanjut prestasi mengikut komponen projek adalah seperti **Jadual 2.3** dan **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**.

JADUAL 2.3
PRESTASI PROJEK MENGIKUT KOMPONEN UTAMA SETAKAT BULAN JUN 2018

BIL.	KOMPONEN PROJEK	KEMAJUAN PROJEK		STATUS
		JADUAL (%)	SEBENAR (%)	
1.	<i>Survey and setting out</i>	100	100	Siap
2.	<i>Site Clearing and Grubbing</i>	100	100	Siap
3.	<i>Earthworks</i>	100	100	Siap
4.	<i>Drainage and culvert</i>	100	99.1	Dalam pembinaan (<i>Toe & bench drain</i>)
5.	<i>Pavement</i>	100	100	Siap
6.	<i>Piling</i>	100	100	Siap
7.	<i>Electrical street lighting</i>	100	98.4	Dalam pembinaan (<i>Testing & Commissioning</i>)
8.	<i>Miscellaneous (guardrail, traffic sign, road kerb, lane marking and delineators, guniting)</i>	100	99.9	Dalam pembinaan (<i>Arrow Marking</i>)
PRESTASI KESELURUHAN		100	99.8	

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

GAMBAR 2.1



Phase 5 Stage 1 - Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Komponen *Roadside Drain* Siap Dibina
(19.07.2018)

GAMBAR 2.2



Phase 5 Stage 1 - Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Komponen *Guardrail* Siap Dibina
(19.07.2018)

GAMBAR 2.3



Phase 5 Stage 1 - Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Komponen *Street Lighting* Dalam Proses T&C
(19.07.2018)

GAMBAR 2.4



Phase 5 Stage 1 - Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Kerja *Arrow Marking* Belum Dilaksanakan
(19.07.2018)

- vi. Semakan Audit seterusnya mendapati PP projek telah mengeluarkan *Certificate of Non-Completion* pada 3 April 2018 kerana pihak kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 12 Oktober 2018

Jurutera tapak telah mengeluarkan senarai kecacatan kepada pihak kontraktor pada 2 Julai 2018. Adalah menjadi amalan di TPS untuk membuat pemeriksaan tapak dalaman untuk pihak kontraktor memperbaiki sebarang kecacatan sebelum pemeriksaan penuh *Certificate of Practical Completion (CPC)* dijalankan oleh Bahagian Penyenggaraan. Pemeriksaan CPC bersama Bahagian Penyenggaraan BDA telah dibuat pada 25 September 2018. Kerja disahkan siap pada 30 Jun 2018 dan CPC dikeluarkan pada 11 Oktober 2018. Ini disebabkan oleh sebahagian besar kerja pemasangan *asphaltic* telah siap dan kerja pembaikan minor diteruskan.

Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan projek *Phase 5 Stage 1 - Proposed Samalaju Boulevard Package 1* selama tiga (3) bulan mengakibatkan jalan raya yang telah siap dibina di TPS tidak dapat diakses oleh orang awam dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Projek *Phase 4 Stage 2 – Collector Road B2* [No. Kontrak: BDA/CT/121/16]


- i. Projek ini adalah sebahagian daripada rangkaian jalan raya di TPS. Kerja yang dicadangkan melibatkan pembinaan jalan raya baharu *single carriageway* sepanjang 5.15 km. Skop kerja lain yang terlibat adalah seperti kerja pembersihan tapak, kerja tanah dan kerja ledakan batu, sistem saliran air permukaan, kerja perlindungan cerun, pembinaan jalan berturap dan sistem lampu jalan.
- ii. Berdasarkan perjanjian kontrak yang ditandatangani pada 6 Julai 2017, projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 24 bulan iaitu mulai 14 Jun 2017 hingga 13 Jun 2019.
- iii. Semakan Audit mendapati Kontrak ini ditamatkan pada 18 April 2018 atas arahan Kerajaan Negeri. Prestasi fizikal keseluruhan projek berdasarkan Laporan Kemajuan Bulan Mac 2018 sebelum penamatan kontrak adalah 12.5% berbanding sasaran 20.5%. Antara kerja yang telah dilaksanakan adalah *rock coring, laboratory test of samples, sub-surface investigation work, survey and setting out*, membina pejabat kontraktor dan mendirikan papan tanda projek. Status pelaksanaan fizikal projek setakat bulan Mac 2018 sebelum kontrak ditamatkan adalah seperti **Jadual 2.4**, **Carta 2.2** dan **Gambar 2.5** hingga **Gambar 2.6**.

JADUAL 2.4
STATUS PELAKSANAAN FIZIKAL PROJEK SETAKAT BULAN MAC 2018

STATUS PROJEK SEBELUM DITAMATKAN KONTRAK			
TEMPOH KONTRAK	JADUAL (%)	SEBENAR (%)	KELEWATAN (%)
14 Jun 2017-13 Jun 2019	20.5	12.5	(8)

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

CARTA 2.2
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK PHASE 4 STAGE 2 – PROPOSED COLLECTOR ROAD B2 BERBANDING SASARAN PELAKSANAAN PROJEK SETAKAT BULAN MAC 2018



Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

GAMBAR 2.5



Projek Phase 4 Stage 2 - Proposed Collector Road B2
- Kerja Awal yang Telah Dilaksanakan Sebelum Kontrak Ditamatkan (19.07.2018)

GAMBAR 2.6



Projek Phase 4 Stage 2 - Proposed Collector Road B2
- Kerja Awal yang Telah Dilaksanakan Sebelum Kontrak Ditamatkan (19.07.2018)

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 12 Oktober 2018

Keputusan Kerajaan Negeri untuk menghentikan pembinaan Jalan Collector B2 adalah atas permintaan pelabur. Ini kerana lot tersebut adalah

milik pelabur dan pelabur ada perancangan lain untuk lot tersebut. Selain itu, Kerajaan Negeri mengambil keputusan ini adalah untuk mengurangkan kerugian berterusan berlaku.

Pada pendapat Audit, keputusan Kerajaan Negeri untuk menamatkan kontrak *Projek 4 Stage 2 – Collector Road B2* adalah wajar berdasarkan permohonan dan kehendak pelabur lot tanah berkenaan pada masa tersebut.

2.6.1.2. Pencapaian Outcome

- a. Objektif projek *Phase 5 Stage 1 Proposed Samalaju Boulevard Package 1* dan *Phase 4 Stage 2 - Collector Road B2* adalah untuk menyediakan infrastruktur kepada pelabur di TPS dengan mensasarkan peningkatan pelaburan *Foreign Direct Investment* (FDI) sebanyak RM65 bilion pada tahun 2020 serta peningkatan jumlah peluang pekerjaan secara langsung sebanyak 16,065 orang pada tahun 2020. Antara kerja infrastruktur yang perlu dilaksanakan adalah pembinaan jalan, kerja perparitan dan saluran paip air.
- b. Berdasarkan Laporan Status Pelaburan SCORE setakat bulan Januari 2017, *realised investments in Samalaju Industrial Park* sejumlah RM19.26 bilion pelaburan dibuat bagi 10 syarikat pelabur yang beroperasi dan telah memberi peluang pekerjaan sebanyak 10,560 orang.

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 25 Oktober 2018

Hasil daripada pembangunan infrastruktur sebelum pelaksanaan projek, kemasukan kilang Tokuyama, Press Metal, OM Materials dan SIG-Iwatani telah beroperasi termasuk kilang Samalaju Downstream yang kini dalam peringkat pembinaan.

Pada pendapat Audit, *outcome* keseluruhan Projek Kerja Infrastruktur di TPS Bintulu belum dapat diukur kerana kerja belum siap sepenuhnya.

2.6.2. Pengurusan Projek

2.6.2.1. Pengurusan Input

- a. Dalam pelaksanaan projek, sumber kewangan merupakan antara satu input yang digunakan untuk menghasilkan output (pencapaian fizikal projek) bagi

memastikan proses penghasilan output berjalan lancar dan mencapai *outcome* yang telah disasarkan.

- b. Semakan Audit mendapati geran sejumlah RM64.40 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui *Renewable Energy Corridor of Development Authority* (RECODA) kepada BDA untuk projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* (RM51.40 juta) dan *Phase 4, Stage 2 – Collector Road B2* (RM13 juta). Setakat bulan Jun 2018, prestasi perbelanjaan bagi kedua projek tersebut adalah seperti **Jadual 2.5**.

JADUAL 2.5
STATUS KEWANGAN SETAKAT BULAN JUN 2018

PROJEK	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN			BAKI (RM Juta)
			NILAI KERJA (RM Juta)	GST 6% (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	
<i>Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1</i> (Nilai Kontrak: RM63.50 juta)	2016	24.00	12.97	0.78	13.75	10.25
	2017	23.90	25.16	1.51	26.67	(2.77)
	2018	3.50	10.38	0.62	11.00	(7.50)*
JUMLAH		51.40	48.51	2.91	51.42	(0.02)
<i>Phase 4, Stage 2 – Collector Road B2</i> (Nilai Kontrak: RM43.50 juta)	2017	13.00	11.26	0.68	11.94	1.06
JUMLAH		64.40	59.77	3.59	63.36	1.04

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

Nota: * – Setakat Bulan Jun 2018

- c. Bagi projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1*, didapati dua (2) Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan. APK 1 adalah untuk potongan *Provisional Sum for GST* sejumlah RM4.50 juta manakala APK 2 adalah tambahan sejumlah RM35,997 bagi tambahan kerja SESCO *substation*. Harga kontrak yang dilaraskan adalah RM59.04 juta. Sehingga bulan Jun 2018, hanya 17 bayaran interim berjumlah RM48.51 juta (tidak termasuk bayaran GST berjumlah RM2.91 juta) atau 82.2% telah dibayar kepada pihak kontraktor terlibat berbanding kemajuan fizikal projek iaitu 99.8%. Butiran terperinci pencapaian kewangan adalah seperti **Jadual 2.6**.

JADUAL 2.6
PRESTASI KEWANGAN PROJEK PHASE 5 STAGE 1
– PROPOSED SAMALAJU BOULEVARD PACKAGE 1 SETAKAT BULAN JUN 2018

HARGA KONTRAK (RM Juta)	ARAHAN PERUBAHAN KERJA		HARGA KONTRAK DILARASKAN (RM)	BAYARAN INTERIM		
	NO.	TAMBAHAN/ (PENGURANGAN) (RM)		BIL.	JUMLAH	
					(RM Juta)	(%)
63.50	1	(4,500,000)	59,000,000	17	48.51	82.2
	2	35,997	59,035,997			

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

- d. Bagi projek *Phase 4 Stage 2 – Proposed Collector Road B2*, satu (1) APK telah diluluskan, iaitu pemotongan item *Provisional Sum for GST, Geological Mapping and Contingencies* berjumlah RM6.50 juta. Harga kontrak selepas dilaraskan adalah berjumlah RM36.97 juta. Semakan Audit selanjutnya terhadap prestasi kewangan projek ini mendapati perkara berikut:
- i. Selaras dengan klausa (b) dalam *Special Provision to the Standard Conditions of Contract (Advance Payment on Works Contract)*, kontraktor telah dibayar pendahuluan berjumlah RM9.24 juta (25% daripada harga kontrak yang dilaraskan) pada 27 Disember 2017 selepas Jaminan Bank untuk Bayaran Pendahuluan bertarikh 28 November 2017 (jaminan akan tamat tempoh pada 13 Jun 2019) diterima oleh BDA.
 - ii. Perunding No. Syarikat 665536-K telah memperakui nilai kerja sejumlah RM2.01 juta atau 4.4% kemajuan fizikal setakat bulan November 2017 dan tuntutan interim telah dibayar pada 18 Disember 2017. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 2.7**.

JADUAL 2.7
PRESTASI KEWANGAN PROJEK PHASE 4 STAGE 2
– PROPOSED COLLECTOR ROAD B2 SETAKAT BULAN DISEMBER 2017

HARGA KONTRAK (RM Juta)	ARAHAN PERUBAHAN KERJA		HARGA KONTRAK DILARASKAN (RM Juta)	BIL.	BAYARAN	
	NO.	TAMBAHAN/ (PENGURANGAN) (RM Juta)			JUMLAH (RM Juta)	(%)
43.50	1	6.50	36.97	2	11.26	30.5*

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

Nota: * - Termasuk Bayaran Pendahuluan Berjumlah RM9.24 juta

Maklum Balas BDA yang diterima pada 12 Oktober 2018

Jumlah keseluruhan bayaran adalah termasuk bayaran pendahuluan berjumlah RM9.24 juta dan nilai kerja yang diperakui oleh perunding hanya RM2.01 juta atau 5.4% daripada harga kontrak yang dilaraskan.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi kedua-dua projek adalah baik.

2.6.2.2. Pengurusan Perolehan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 1.1 semua urusan berkaitan perolehan kerajaan hendaklah dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dengan mematuhi prinsip perolehan kerajaan seperti Akauntabiliti Awam, Diuruskan Secara Telus, Nilai Faedah Yang Terbaik, Saingan Terbuka serta Adil dan Saksama.

a. Pelantikan Kontraktor

- i. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1, perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melibatkan perbelanjaan tahunan atau sesuatu kontrak melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender terbuka. Pelawaan tender kerja yang dianggarkan bernilai tidak melebihi RM30 juta hendaklah dipelawa kepada syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan. Manakala perkara 2.0 Prosedur Tender BDA(PS/06) juga menyatakan notis perlu diiklankan di media cetak bagi tender terbuka.
- ii. Semakan Audit terhadap proses pelantikan kontraktor mendapati perkara berikut:
 - Perolehan kedua-dua projek adalah secara tender terbuka.
 - Anggaran harga Jabatan untuk *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* dan *Phase 4 Stage 2 - Collector Road B2* adalah RM72.58 juta dan RM48.57 juta masing-masingnya.
 - Bagi projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1*, pihak BDA telah mengiklankan Notis Tender pada 5 September 2015 dalam surat khabar *The Borneo Post* untuk mempelawa kontraktor yang berdaftar dengan UPKJ/CIDB. Sebanyak 24 dokumen tender telah diterima oleh Jawatankuasa Pembuka Tender pada hari tender ditutup iaitu pada 28 September 2015 dengan harga tawaran antara RM56.76 juta hingga RM77.99 juta dan tempoh siap kerja adalah 24 bulan. Mesyuarat Lembaga Perolehan Tender A RECODA Bil.3/2015 pada 11 Disember 2015 telah bersetuju menawarkan projek ini kepada penender No. 16/24 iaitu No. Syarikat 45556-X dengan harga tender berjumlah RM63.50 juta seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tender BDA. Cadangan pemilihan tersebut dibuat berdasarkan harga tender kedua terendah, mempunyai sijil pemarkahan CIDB paling tinggi, mempunyai kedudukan kewangan yang mencukupi dan keupayaan teknikal. Kelulusan dan perakuan daripada SFS telah diperolehi untuk menawarkan tender tersebut kepada syarikat 45556-X.
 - Bagi projek *Phase 4 Stage 2 - Collector Road B2*, sebanyak 33 dokumen tender telah diterima oleh Jawatankuasa Pembuka Tender pada hari tender ditutup iaitu pada 4 Januari 2017 dengan harga tawaran antara RM40 juta hingga RM85.21 juta dan tempoh

siap kerja adalah 24 bulan. Mesyuarat Lembaga Perolehan Tender A RECODA Bil.1/2017 pada 8 Mei 2017 telah bersetuju menawarkan projek ini kepada penender No. 7/33 iaitu No. Syarikat 115564-D dengan harga tender berjumlah RM43.47 juta seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tender BDA. Penender ini dipilih kerana mengemukakan tawaran harga yang ketiga rendah, tidak mempunyai bebanan kerja semasa dan lulus semua peringkat penilaian. Kelulusan dan perakuan daripada SFS telah diperoleh untuk menawarkan tender tersebut kepada No. Syarikat 115564-D.

- Secara umumnya, didapati pelantikan kontraktor bagi kedua-dua projek tersebut telah menepati prosedur perolehan kerajaan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, proses pelantikan kontraktor bagi kedua projek tersebut mengikut kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang berkuat kuasa dan peraturan perolehan BDA.

b. Pelantikan Perunding

- i. Mengikut Prosedur BDA(PS/07) MS ISO berkaitan dengan Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan, pihak BDA boleh melantik perunding. Bagaimanapun, kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak [*State Financial Secretary (SFS)*] hendaklah dimohon sekiranya ingin mendapatkan perkhidmatan perunding bagi projek yang bernilai lebih daripada RM500,000.
- ii. Semakan Audit terhadap proses pelantikan perunding mendapati perkara seperti berikut:
 - Pihak BDA telah mengemukakan permohonan kepada Pejabat SFS pada 11 Mac 2008 untuk mendapatkan kelulusan bagi perkhidmatan perunding untuk menjalankan kerja survei, menyediakan dokumen tender dan reka bentuk bagi Projek *Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1* dan Projek *Phase 4 Stage 2 – Proposed Collector Road B2*.
 - Sebanyak enam (6) perunding yang berdaftar telah dicadangkan kepada Pejabat SFS iaitu tiga (3) perunding bagi perkhidmatan ukur tanah dan tiga (3) perunding bagi perkhidmatan sivil dan struktur.

- Pada 7 April 2008, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak [*State Financial Secretary* (SFS)] telah meluluskan permohonan BDA untuk melantik terus perunding No. Syarikat 75874-D bagi menjalankan kerja ukur tanah dan perunding No. Syarikat 665536-K bagi kerja sivil dan struktur projek infrastruktur di TPS.
- Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati selain kerja ukur tanah dan menyediakan reka bentuk untuk Projek Kerja Infrastruktur di TPS, BDA juga melantik perunding No. Syarikat 665536-K melalui surat (1)BDA-5/8/9-140 Vol.10 bertarikh 19 Januari 2016 untuk mendapatkan perkhidmatan penyeliaan bagi Projek *Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1* manakala bagi Projek *Phase 4 Stage 2 – Proposed Collector Road B2* adalah melalui surat rujukan (35) BDA-5/8/9-140 Vol. 11 bertarikh 29 Mei 2017. Perjanjian tambahan bagi kerja tersebut ada disediakan dan telah ditandatangani oleh BDA dengan perunding No. Syarikat 665536-K pada 17 Disember 2016 bagi Projek *Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1* manakala bagi Projek *Phase 4 Stage 2 – Proposed Collector Road B2* adalah pada 24 Ogos 2017.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada permohonan bertulis daripada BDA kepada Pejabat SFS bagi mendapat kelulusan perkhidmatan perunding untuk skop kerja penyeliaan tersebut.

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 12 Oktober 2018

Skop penyeliaan tapak adalah sebahagian daripada khidmat perunding yang tidak termasuk pada peringkat reka bentuk dan diputuskan oleh pengurusan BDA pada peringkat pembinaan sekiranya pembinaan tersebut akan dilaksanakan. Mengikut perenggan 6 Bahagian C *Notification in the Conditions of Engagement*, pihak BDA akan dikenakan bayaran tambahan sekiranya terdapat pembatalan atau penggantungan perkhidmatan daripada pelanggaran iaitu bayaran gangguan (*disruption charge*) sebanyak 1/6 daripada jumlah baki pembayaran sebagai ganti rugi perlu dibayar kepada pihak perunding.

Pada pendapat Audit, proses pelantikan perunding bagi kerja ukur tanah dan perunding bagi kerja sivil dan struktur adalah mengikut peraturan perolehan BDA kecuali bagi perunding skop kerja penyeliaan yang tidak mendapat kelulusan daripada Pejabat SFS.

2.6.2.3. Pentadbiran Kontrak

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK.4.1 (Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan) agensi adalah dikehendaki mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak. Ini adalah untuk menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Selain itu, pemantauan terhadap kontrak yang sedang berkuat kuasa hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi mengesan dan mengenal pasti masalah pelaksanaan kontrak dari peringkat awal lagi.

a. Dokumen Kontrak

- i. Arahan Perbendaharaan 176.1 menghendaki satu kontrak formal disempurnakan yang mengandungi syarat-syarat perolehan yang telah dipersetujui dan dinyatakan dengan jelas. Manakala Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.2. menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin oleh kedua-dua pihak atau selewat-lewatnya empat (4) bulan daripada tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST).
- ii. Semakan Audit mendapati kontrak bagi kedua-dua projek tersebut telah ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan iaitu antara 38 hingga 58 hari seperti **Jadual 2.8**.

JADUAL 2.8
TEMPOH MENANDATANGANI PERJANJIAN KONTRAK

BIL.	PROJEK	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH TANDATANGAN KONTRAK	TEMPOH (Hari)
1.	Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1	19.01.2016	17.03.2016	58
2.	Phase 4 Stage 2 – Collector Road B2	29.05.2017	06.07.2017	38

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

b. Tempoh Perlindungan Insurans

- i. Berdasarkan Klausa 24 dan Klausa 25 *Standard Conditions of Contract*, pihak kontraktor dikehendaki mengambil insurans *All Risk* dan *Workmen Compensation* bagi sepanjang tempoh kontrak termasuk tempoh tanggungan kecacatan (*Defects Liability Period – DLP*).
- ii. Semakan Audit mendapati pihak kontraktor bagi kedua-dua projek ada mengambil insurans *All Risk* dan *Workmen Compensation* yang meliputi tempoh pelaksanaan kerja asal iaitu mulai 16 Februari 2016 hingga 15 Februari 2019 termasuk tempoh DLP bagi projek *Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1* dan 14 Jun 2017 hingga

13 Disember 2020 termasuk tempoh DLP bagi projek *Phase 4 Stage 2 – Proposed Collector Road B2*.

- iii. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh perlindungan insurans bagi projek *Phase 5 Stage 1 - Proposed Samalaju Boulevard Package 1* hanya dilanjutkan sehingga 18 Mac 2018 sahaja, iaitu tarikh siap dipinda melalui EOT No. 1 dan bukan sehingga tarikh siap sebenar.

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 12 Oktober 2018

Pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan lanjutan perlindungan insurans *All Risk* dan *Workmen Compensation* kepada syarikat insurans. Memandangkan pihak kontraktor telah gagal untuk melanjutkan tempoh perlindungan insurans, mereka bertanggungjawab dan menanggung risiko kerugian seandainya ada tuntutan disebabkan kemalangan dan kehilangan.

Pada pendapat Audit, pihak BDA sebagai *projek owner* perlu bertanggungjawab untuk memastikan kontraktor melanjutkan tempoh perlindungan insurans apabila tempoh kontrak dilanjutkan bagi mengelakkan risiko kerugian/tuntutan.

c. Penamatan Kontrak Projek *Phase 4 Stage 2 – Collector Road B2*

- i. Antara syarat dalam *JKR Sarawak Form of Contract* berkaitan penamatan kontrak adalah:
 - *the Employer shall be entitled to terminate the contract without default by the contractor by giving fourteen (14) days notice to the contractor* [Klausu 45 (b)];
 - *upon termination by the Employer, the contractor shall be entitled to payment if any, as provided under Clause 39.4* [Klausu 45(c); dan
 - *the Contractor lodges the claim within thirty (30) days after giving the notice in writing pursuant to the preceding paragraph, the form of the claim complying with Clause 43.1(c) below and when lodging the claim, the Contractor provides the Superintending Officer with sufficient detailed particulars to enable the Superintending Officer to make an informed decision in respect of the claim*". [Klausu 43.1(b)].

ii. Semakan Audit terhadap penamatan kontrak *Phase 4 Stage 2 - Collector Road B2* mendapati:

- Pihak BDA telah mengeluarkan notis penamatan kontrak melalui surat rujukan (32)BDA-5/8/2-1774 bertarikh 4 April 2018. Kontrak telah ditamatkan pada 18 April 2018.
- Kontraktor bersetuju dengan penamatan kontrak tersebut dan memohon untuk dibayar bagi kerja yang telah dilaksanakan di tapak binaan, bahan binaan projek yang telah dibeli sama ada belum digunakan lagi atau belum sampai di tapak binaan, kos *Preliminaries and General items* yang telah dibeli atau dibayar seperti insurans dan jaminan bank, kos meroboh bangunan pejabat tapak, pampasan kepada pembekal dan sub-kontraktor serta pampasan kepada kontraktor sendiri kerana kehilangan keuntungan daripada projek tersebut.
- Setakat akhir bulan Julai 2018, kontraktor yang sepatutnya menuntut bayaran sebelum atau pada 18 Mei 2018 masih belum mengemukakan tuntutan tersebut untuk tindakan lanjut PP.
- Berdasarkan baucar bayaran, hanya dua (2) tuntutan berjumlah RM11.26 juta telah dibayar kepada kontraktor, iaitu sejumlah RM9.24 juta sebagai bayaran pendahuluan dan RM2.01 juta (berdasarkan 4.4% kemajuan fizikal projek). Kedua-dua bayaran tersebut tidak termasuk bahan binaan (*materials on site*).
- Lawatan Audit pada 19 Julai 2018 ke tapak binaan mendapati bahan binaan projek bernilai RM479,195 yang ada di tapak adalah seperti *geotextile, gabion mattress, BMC A8, cut and bend reinforcement, PVC pipe, plastijoint bitumen sealant, steel reinforcement, RC pipe culverts, block stones dan RC pile*. Senarai bahan binaan projek yang dimaksudkan adalah seperti **Jadual 2.9** dan **Gambar 2.7** hingga **Gambar 2.12**.

JADUAL 2.9
SENARAI BAHAN BINAAN PROJEK YANG BERADA DI TAPAK BINA

BIL.	BAHAN BINAAN PROJEK	UNIT	KUANTITI	KOS SEUNIT (RM)	AMAUN (RM)
1.	Geotextile TS20 (7 rolls)	M2	7,000.00	3.00	21,000
2.	Gabion Mattress (3 x 2 x 0.3)	PC	20.00	170.00	3,400
3.	BMC A8	PC	200.00	121.34	24,268
4.	Steel Reinforcement – T20	MT	30.24	2,800.00	84,672
5.	Steel Reinforcement – T16	MT	27.65	2,800.00	77,420
6.	Steel Reinforcement – T12	MT	17.39	2,800.00	48,692
7.	Cut & Bend Reinforcement	MT	4.44	3,300.00	14,652
8.	1.5m Dia RC Pipe Culvert	PC	4.00	750.00	3,000
9.	6"9" Block Stone	MT	5.00	50.00	250
10.	2" x 4" x 4" Timber	MT	3.00	1,500.00	4,500
11.	2" x 3" x 8" Timber	MT	2.00	1,500.00	3,000
12.	1" x 2" x 4" Timber	MT	2.00	1,500.00	3,000
13.	50mm Dia PVC Pipe x 6m Long	PC	15.00	90.00	1,350
14.	Sri PVC (W) Series 150mm Waterstop (20m/roll)	Roll	15.00	441.00	6,615
15.	Plastijoint Bitumen Sealant L	Pail	10.00	195.00	1,950
16.	RC Pile (6m length)	M	586.00	309.60	181,426
JUMLAH					479,195

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

Nota:

1. M2 - Meter square

2. PC - Pieces

3. MT - Metric tonne

4. M - Meter

GAMBAR 2.7



Phase 4 Stage 2 - Proposed Collector Road B2
- Geotextile dan Steel Reinforcement yang Berada di Tapak Bina (19.07.2018)

GAMBAR 2.8



Phase 4 Stage 2 - Proposed Collector Road B2
- Cut & Bend Reinforcement yang Berada di Tapak Bina (19.07.2018)

GAMBAR 2.9



Phase 4 Stage 2 - Proposed Collector Road B2
- RC Pile yang Berada di Tapak Bina (19.07.2018)

GAMBAR 2.10



Phase 4 Stage 2 - Proposed Collector Road B2
- RC Pile dan RC Pipe Culvert yang Berada di Tapak Bina (19.07.2018)

GAMBAR 2.11



**Phase 4 Stage 2 - Proposed Collector Road B2
- Block Stone yang Berada di Tapak Bina
(19.07.2018)**

GAMBAR 2.12



**Phase 4 Stage 2 - Proposed Collector Road B2
- Gabion Mattress yang Berada di Tapak Bina
(19.07.2018)**

- Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulan Mac 2018, prestasi fizikal projek telah mencapai 12.5% semasa kontrak ditamatkan. Bagaimanapun, setakat akhir bulan Ogos 2018, pihak kontraktor masih belum mengemukakan tuntutan yang sepatutnya dikemukakan pada 18 Mei 2018.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan pihak kontraktor mengemukakan tuntutan adalah atas sebab bayaran pendahuluan berjumlah RM9.24 juta telah dikira sebagai bayaran interim. Ini bermakna sejumlah RM11.26 juta (30.5% daripada harga kontrak dilaraskan) telah dibayar kepada kontraktor di mana ia melebihi nilai kerja (12.5% prestasi fizikal) semasa kontrak ditamatkan.

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 12 Oktober 2018

Tuntutan untuk nilai kerja telah dipersetujui oleh pihak perunding. Pihak kontraktor bersetuju untuk menyerap kos tuntutan dan mengambil alih hak milik barangan di tapak dan hanya akan memohon pembayaran balik kos pengangkutan barangan keluar daripada tapak. Pihak perunding juga memohon pihak kontraktor untuk mempertimbangkan agar menyerap kos tuntutan dan mengambil alih hak milik barangan tersebut memandangkan pihak BDA tiada kemudahan untuk menyimpan barangan tersebut. Pihak kontraktor akan menghantar maklumat terperinci untuk tuntutan kerugian mereka sebanyak 25% yang berjumlah RM7.60 juta. Memandangkan projek masih lagi berada pada peringkat kerja tanah (*Earthworks*), pihak kontraktor perlu mengkaji dan membentangkan hasil kajian tersebut kepada pihak perunding. Proses ini dijangka akan mengambil masa yang agak panjang.

Pada pendapat Audit, bayaran pendahuluan tidak boleh dikira sebagai bayaran interim. Pihak BDA perlu menuntut sejumlah RM9.24 juta daripada

Jaminan Bank dengan kadar segera bagi memastikan tuntutan kontraktor disegerakan.

2.6.2.4. Arahan Perubahan Kerja (APK)

- a. Mengikut Arahan Perbendaharaan 202.1 sesuatu perubahan daripada kontrak kerja sama ada ditambah atau dikurangkan boleh dibuat sekiranya berlaku sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan dan spesifikasi. Sehubungan itu, Arahan Perbendaharaan 202.2 menetapkan PP boleh meluluskan APK bagi pengukuran semula kuantiti sementara (*provisional quantity*) tanpa tambahan atau perubahan kepada skop kerja asal yang menyebabkan pengurangan harga kontrak.
- b. Semakan Audit terhadap proses meluluskan APK bagi kedua-dua projek mendapati perkara berikut:
 - i. Setakat bulan Jun 2018, sebanyak dua (2) APK telah dipersetujui oleh PP dan diluluskan oleh Pengurus Besar BDA bagi projek *Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1* iaitu satu (1) APK mengurangkan harga kontrak sejumlah RM4.50 juta dan satu (1) APK tambahan bernilai RM35,997. Harga kontrak yang dilaraskan adalah berjumlah RM59.04 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.10**.

JADUAL 2.10
ARAHAN PERUBAHAN KERJA YANG DILULUSKAN SETAKAT BULAN JUN 2018

APK NO.	BUTIRAN	TARIKH APK DILULUSKAN	NILAI APK TAMBAHAN/ (PENGURANGAN) (RM)
1	Potongan <i>Provisional Sum for GST</i>	08.05.2017	(4,500,000)
2	<i>Platform for SESCO Substation (2nos)</i>	09.11.2017	35,997
JUMLAH APK PENGURANGAN BERSIH			(4,464,003)
HARGA ASAL KONTRAK			63,500,000
HARGA KONTRAK YANG DILARASKAN			59,035,997

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

- ii. Bagi projek *Phase 4 Stage 2 – Proposed Collector Road B2*, hanya satu (1) APK diluluskan pada 28 September 2017 oleh Pegawai Penguasa iaitu Pengurus Besar BDA sebelum kontrak ditamatkan. APK No. 1 tersebut mengurangkan harga kontrak sejumlah RM6.50 juta kerana pemotongan item *Provisional Sum for GST, Geological Mapping and Contingencies*. Selepas APK diluluskan, harga kontrak yang dilaraskan adalah berjumlah RM36.97 juta.

Pada pendapat Audit, proses kelulusan APK telah dibuat dengan teratur.

2.6.2.5. Tempoh Lanjutan Masa (EOT)

- a. Permohonan EOT adalah dibenarkan di bawah syarat-syarat Kontrak Klausa 41, *JKR Sarawak Form of Contract*. Permohonan EOT yang dibuat oleh kontraktor hendaklah munasabah dan mempunyai bukti sokongan yang lengkap. Berdasarkan klausa 29 *Standard Conditions of Contract*, EOT boleh diberikan kepada kontraktor sekiranya mempunyai alasan yang munasabah dan menepati kehendak klausa tersebut. EOT ini hendaklah diluluskan sebelum tarikh siap yang dibenarkan, jika tidak, masa bukan menjadi teras kepada kontrak. Dengan itu, kontraktor hanya bertanggungjawab untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah (*time is at large*).
- b. Semakan Audit terhadap proses kelulusan EOT bagi projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* mendapati kontraktor telah memohon dua (2) EOT selama 44 hari atas sebab *exceptional inclement weather* pada 4 Disember 2017. Kedua-dua EOT telah dipersetujui oleh PP dan diluluskan oleh Pengurus Besar BDA seperti **Jadual 2.11**.

JADUAL 2.11
TEMPOH LANJUTAN MASA (EOT) YANG DILULUSKAN SETAKAT BULAN JUN 2018

LANJUTAN MASA (EOT)	SEBAB KELEWATAN	TARIKH MOHON	TARIKH LULUS	BIL. HARI	TARIKH BAHARU PROJEK SIAP
1	<i>Exceptional Inclement Weather</i>	04.12.2017	18.12.2017	31	18.03.2018
2	<i>Exceptional Inclement Weather</i>	04.12.2017	29.03.2018	13	31.03.2018
JUMLAH				44	

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati EOT No. 1 telah diluluskan pada 18 Disember 2017, iaitu sebelum tarikh siap asal pada 15 Februari 2018. Bagaimanapun, EOT No. 2 hanya diluluskan pada 29 Mac 2018, iaitu lewat 12 hari selepas tarikh siap yang dibenarkan (18 Mac 2018).

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 12 Oktober 2018

Pihak perunding menilai kedua-dua permohonan tersebut sebagai satu (1) tuntutan EOT dan telah mengeluarkan Sijil untuk EOT No. 1 dengan tempoh lanjutan selama 31 disebabkan oleh keadaan cuaca buruk yang luar biasa dari bulan Mac 2016 sehingga Oktober 2017. EOT ini telah melanjutkan tarikh tamat projek kepada 18 Mac 2018 untuk keadaan cuaca buruk yang luar biasa dari November 2017 sehingga Januari 2018. Permohonan ini dinilai sebagai permohonan EOT No. 2 oleh pihak perunding dan telah diluluskan dengan tempoh lanjutan selama 13 hari. Ini telah melanjutkan lagi tarikh tamat projek kepada 31 Mac 2018.

Pada pendapat Audit, justifikasi dan kelulusan EOT adalah wajar berdasarkan fakta dan data cuaca pada tempoh yang dimohon.

2.6.2.6. Kelayakan Perkhidmatan Kenderaan dan Peralatan Projek

- a. Kerajaan lazimnya memperoleh perkhidmatan kenderaan dan peralatan projek melalui Peruntukan Kerja-kerja Awalan (*Preliminaries*) bagi sesuatu kontrak kerja yang bertujuan untuk memudahkan pengurusan projek. Memandangkan projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* dan *Phase 4, Stage 2 – Collector Road B2* menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, kelayakan perkhidmatan kenderaan dan peralatan projek hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia di bawah Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan PK4/2013 (perenggan 10 Garis Panduan Penggunaan Khidmat Pengangkutan Dan Kemudahan Peralatan Untuk Pengurusan Projek Melalui Kontrak Kerja).
- b. Kelayakan perkhidmatan kenderaan projek adalah terhad bagi projek yang memenuhi salah satu kriteria berikut:
 - i. melibatkan pembinaan bangunan yang mana tapak binanya melebihi 40 ekar dan tidak sesuai menggunakan kenderaan biasa; atau
 - ii. melibatkan jalan masuk (*access road*) ke lokasi tapak bina yang sukar dilalui, tidak berturap dan hanya sesuai dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda (*four wheel drive – 4WD*); atau
 - iii. melibatkan pembinaan projek berbentuk *linear* yang melebihi satu (1) kilometer serta tiada jalan masuk di sepanjang jajarannya; atau
 - iv. melibatkan tapak bina yang sukar dilalui seperti berbukit bukau, berpayau dan sebagainya.
 - v. Bilangan maksimum kenderaan yang dibenarkan bagi sesuatu kontrak kerja adalah seperti dalam **Jadual 2.12**.

JADUAL 2.12
KRITERIA DAN KELAYAKAN PERALATAN PROJEK

ANGGARAN JABATAN	JENIS KENDERAAN	
	4WD	MOTOSIKAL
	BILANGAN MAKSIMUM	BILANGAN MAKSIMUM
>RM500 ribu – RM3 juta	Tidak Layak	1
>RM3 juta – RM5 juta	Tidak Layak	2
>RM5 juta – RM20 juta	1	2
>RM20 juta – RM50 juta	2	3
>RM50 juta dan ke atas	3	3

Sumber: Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.6

- vi. Telefon bimbit dan lain-lain peralatan projek selain daripada yang dinyatakan dalam PK 4/2013 adalah tidak dibenarkan. Kriteria dan kelayakan peralatan projek yang dibenarkan mengikut perenggan 5.1 pekeling tersebut adalah seperti **Jadual 2.13**.

JADUAL 2.13
KRITERIA DAN KELAYAKAN PERALATAN PROJEK

BIL.	PERALATAN PROJEK	BILANGAN UNIT	
		ANGGARAN HARGA TENDER	BIL. MAKSIMUM
1.	Komputer termasuk pencetak	>RM500 ribu – RM2 juta	1
		>RM2 juta – RM10 juta	2
		>RM10 juta – RM20 juta	3
		>RM20 juta – RM50 juta	4
		>RM50 juta	5
2.	Mesin Pendua	1	
3.	Mesin Pengimbas	1	
4.	Projektor	1	
5.	Kamera Digital	1	
6.	Mesin Faksimili	1	

Sumber: Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4/2013

- c. Semakan Audit terhadap kelayakan perkhidmatan kenderaan dan peralatan bagi kedua-dua kontrak mendapati perkara berikut:
- Kedua-dua projek layak mendapat perkhidmatan kenderaan kerana tapak projek terletak 60 km dari bandar Bintulu dengan kawasan seluas 8,000 hektar yang belum mempunyai infrastruktur asas.
 - Anggaran Jabatan bagi projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* dan *Phase 4 Stage 2 - Collector Road B2* adalah RM72.58 juta dan RM48.57 juta. Dengan itu, projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1* dan *Phase 4 Stage 2 -*

Collector Road B2 adalah layak mendapat perkhidmatan kenderaan sebanyak tiga (3) dan dua (2) 4WD masing-masing.

- iii. Bagaimanapun, mengikut klausa 1.7 (*Preliminaries and General*) dalam kontrak bagi projek *Phase 5 Stage 1 - Proposed Samalaju Boulevard Package 1*, pihak kontraktor telah menyediakan lima (5) unit kenderaan iaitu dua (2) unit 4WD dan tiga (3) unit *double cabin pick-up* untuk kegunaan Pegawai Penguasa dan kakitangannya. Manakala bagi projek *Phase 4 Stage 2 - Collector Road B2* pula, pihak kontraktor menyediakan tiga (3) unit kenderaan iaitu satu (1) unit 4WD dan dua (2) unit *double cabin pick-up* untuk kegunaan PP dan kakitangannya.
- iv. Penyediaan perkhidmatan kenderaan yang lebih daripada kelayakan yang ditetapkan mengakibatkan kerajaan menanggung lebihan kos kepada kontrak berjumlah RM278,000 seperti ditunjukkan **Jadual 2.14**.

JADUAL 2.14
KEMUDAHAN PERKHIDMATAN KENDERAAN PROJEK

PROJEK DAN ANGGARAN JABATAN	KELAYAKAN PERKHIDMATAN KENDERAAN 4WD (Unit)	KENDERAAN YANG DIBEKALKAN		LEBIHAN KOS YANG DITANGGUNG KERAJAAN (RM)
		BILANGAN (Unit)	KOS KENDERAAN (RM)	
<i>Phase 5 Stage 1 - Proposed Samalaju Boulevard Package 1</i> (RM72.58 juta)	3	5	445,000	178,000
<i>Phase 4 Stage 2 - Collector Road B2</i> (RM48.57 juta)	2	3	300,000	100,000
JUMLAH	5	8	745,000	278,000

Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Selain itu, mengikut Klausa 1.8 (*Preliminaries and General*) sebanyak tujuh (7) unit telefon bimbit telah dibekalkan oleh kontraktor untuk kegunaan PP dan kakitangannya bagi kedua-dua projek tersebut. Oleh itu, Kerajaan telah menanggung kos berjumlah RM57,200 (termasuk membekalkan dua (2) unit komputer riba yang dibenarkan) bagi peralatan yang tidak dibenarkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.15**.

JADUAL 2.15
KEMUDAHAN TELEFON BIMBIT BAGI PEGAWAI PENGUASA PROJEK

PROJEK	TELEFON BIMBIT YANG DIBEKALKAN (Unit)	LEBIHAN KOS YANG DITANGGUNG KERAJAAN (RM)
<i>Phase 5 Stage 1 - Proposed Samalaju Boulevard Package 1</i>	4	25,200
<i>Phase 4 Stage 2 - Collector Road B2</i>	3	32,000*
JUMLAH	7	57,200

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: * - Kos Lump Sum yang Termasuk Dua (2) Unit Komputer Riba yang Dibenarkan

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 12 Oktober 2018

- i. Sebagai Badan Berkanun di bawah Kerajaan Negeri, BDA mengakui tidak dimaklumkan mengenai pekeliling tersebut serta tidak mengemas kini berkenaan pekeliling persekutuan yang berkaitan semasa peringkat perancangan proses perolehan untuk kedua-dua projek. Permohonan kenderaan dan telefon bimbit tersebut dibuat setelah mengambil kira keperluan di tapak. Pihak BDA tidak mempunyai kenderaan yang mencukupi terutama bagi seksyen SCORE untuk berulang alik ke TPS untuk tugas rasmi yang berkenaan dengan projek ataupun pelabur di kawasan tersebut. Seksyen SCORE juga tidak mempunyai peruntukkan untuk menampung kos tersebut. Tiga (3) unit *double-cabin pick-up* yang disebut adalah untuk kegunaan seorang penolong jurutera tapak dan dua (2) unit untuk projek Boulevard. Manakala untuk projek *Collector B2* pula, satu (1) unit kenderaan 4WD adalah untuk kegunaan jurutera tapak dan dua (2) unit kenderaan *double-cabin pick up* pula adalah untuk kegunaan kerani kerja untuk projek tersebut. Keperluan kenderaan kepada pekerja di tapak adalah kerana jarak di antara TPS yang jauh daripada Bandar Bintulu (60 kilometer) di mana tempat para pekerja tapak tinggal serta untuk kegunaan memantau kemajuan kerja di tapak di mana panjang jalan yang dibina adalah melebihi 3km.
- ii. Telefon bimbit pula diperlukan sebagai kemudahan kepada pekerja memandangkan ketiadaan kemudahan talian tetap di TPS dan hanya dapat berhubung dengan menggunakan telefon bimbit termasuk penggunaan data Internet. SOP BDA berkaitan perolehan untuk projek yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan akan mengambil kira peraturan kewangan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

Pada pendapat Audit, syarat kontrak yang menetapkan bekalan perkhidmatan kenderaan melebihi kelayakan dan telefon bimbit yang tidak dibenarkan kepada PP dan kakitangannya telah mengakibatkan pembayaran lebih kepada kerajaan berjumlah RM335,200.

2.6.2.7. Tuntutan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)

- a. Berdasarkan syarat kontrak projek *Phase 5 Stage 2 – Proposed Boulevard Package 1* hendaklah disiapkan dalam tempoh 24 bulan iaitu sebelum atau pada 15 Februari 2018. Menurut Klausula 28 *Standard Conditions of Contract*

(Revised 2/2005), LAD berjumlah RM13,000 sehari akan dikenakan kepada pihak kontraktor sehingga projek siap sepenuhnya.

- b. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja yang dicapai adalah 99.8% setakat bulan Jun 2018 sedangkan tarikh EOT No. 2 yang diluluskan hanya setakat 31 Mac 2018. Setakat bulan Jun 2018, tiada lagi permohonan EOT diterima daripada pihak kontraktor dan didapati PP telah mengemukakan *Certificate of Non-Completion* (CNC) pada 3 April 2018 kerana pihak kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Dengan itu, LAD bagi tempoh 91 hari (mulai 1 April 2018 hingga 30 Jun 2018) hendaklah dikenakan. Mengikut kiraan Audit, LAD yang sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM1.18 juta.

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 12 Oktober 2018


Tuntutan terakhir pihak kontraktor adalah pada 6 April 2018 untuk nilai kerja sehingga 25 Mac 2018 sebelum tarikh siap dipinda pada 31 Mac 2018. Oleh yang demikian, LAD masih belum dipotong dari bayaran interim bulan Mac 2018. Memandangkan kontraktor belum mengemukakan tuntutan interim selepas bulan Mac 2018, LAD hanya akan dikenakan dengan potongan daripada tuntutan bayaran kontraktor yang seterusnya.

Pada pendapat Audit, tindakan pihak BDA untuk memotong LAD daripada tuntutan interim selepas CNC dikeluarkan pada bulan April 2018 adalah teratur.

2.6.3. Pengurusan Pembinaan

2.6.3.1. Projek ini telah dilaksanakan secara tender terbuka dan pihak BDA melalui perunding yang dilantik bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek bagi memastikan piawaian kerja dan syarat kontrak dipatuhi. *Layout plan* bagi Projek *Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1*) seperti **Pelan 2.1**.

PELAN 2.1
LAYOUT PLAN PROJEK PHASE 5 STAGE 1
– PROPOSED SAMALAJU BOULEVARD PACKAGE 1



Sumber: Dokumen Kontrak Lembaga Kemajuan Bintulu


2.6.3.2. Dokumen rujukan yang digunakan ialah Dokumen Kontrak (Contract No: BDA/Ct/64/15) “*Proposed Infrastructural Works at Samalaju Industrial Park, Bintulu Division, Sarawak*”, Lukisan Pembinaan “*Phase 5 Stage 1 – Proposed Samalaju Boulevard Package 1*, dan *Technical Specification for Electric Works*. Lawatan pasukan teknikal ke tapak pada 3 Oktober 2018 bersama pasukan Audit dengan pihak BDA, 665536-K, 45556-X, dan 115564-D mendapati kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi serta kerja penyeliaan yang lemah menyebabkan beberapa perkara seperti berikut:

a. Pemasangan *Guardrail* Tidak Mengikut Spesifikasi

- i. Mengikut Lukisan Pembinaan bagi Projek *Proposed Infrastructural Works At Samalaju Industrial Park, Bintulu Division, Sarawak (Phase 5 Stage 1 - Proposed Samalaju Boulevard Package 1)*, item T-7 (*Typical Guardrail Details*) dan *Summary of Tenders (7.1 - Guardrail)*, “*supply and install in position steel beam guard rails where as in indicated in the drawings including posts, foundation, bolts and nuts, etc*”.
- ii. Lawatan tapak Audit ke lokasi CH2800 dan CH3200 mendapati ketinggian *guardrail* dari aras tanah sehingga hujung besi *guardrail* yang dipasang adalah masing-masing 975mm di CH2800 dan 950mm di CH3200 dan bukannya 730mm seperti di dalam lukisan pembinaan. Ini


menunjukkan kontraktor tidak mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam lukisan. Kesan ke atas ketidakpatuhan ini akan menyebabkan tiang *guardrail* berpotensi tercabut sekiranya terkena hentaman yang kuat dari kenderaan selain daripada pengguna berisiko mengalami kecederaan yang teruk akibat kenderaan tidak dapat menampung impak secara optimum kerana *guardrail* berada pada ketinggian yang tidak betul seperti direkabentuk. *Guardrail* dipasang lebih tinggi daripada lukisan boleh dilihat pada **Gambar 2.13** hingga **Gambar 2.18**.

GAMBAR 2.13



No. Lukisan T-7 (Typical Guardrail Details)
- Ketinggian Guardrail
(03.10.2018)

GAMBAR 2.14



No. Lukisan T-7 (Typical Guardrail Details)
- Ketinggian Guardrail
(03.10.2018)

GAMBAR 2.15



CH3200 Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju
Boulevard Package 1
- Guardrail Dipasang Tinggi Daripada Lukisan
(03.10.2018)

GAMBAR 2.16



CH3200 Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju
Boulevard Package 1
- Guardrail Dipasang Tinggi Daripada Lukisan
(03.10.2018)

GAMBAR 2.17



CH2800 Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju
Boulevard Package 1
- Guardrail Dipasang Tinggi Daripada Lukisan
(03.10.2018)

GAMBAR 2.18



CH2800 Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju
Boulevard Package 1
- Guardrail Dipasang Tinggi Daripada Lukisan
(03.10.2018)

b. *Spot Turfing* Tidak Ditanam Pada Bahu Jalan, Cerun, dan Kawasan Tanah Terdedah

- i. Merujuk No. Lukisan: R-2 (*Typical Cut Cross Section*), R-4 (*Typical Fill Cross Section*), dan *Summary of Tenders* item 3.8 – *Turfing*, dinyatakan bahawa “*spot turfing of embankment/cut slope, road verge/shoulders, median island and all other exposed earth surface including a layer top soil*”.
- ii. Lawatan tapak Audit ke kiri dan kanan jalan *Boulevard* iaitu di CH350-CH550, CH700-CH1250, CH1625-CH2000, CH2800-CH3125, persimpangan C1, dan B1 mendapati *spot turfing* tidak ditanam pada bahu jalan, cerun dan kawasan tanah yang terdedah. Keadaan ini boleh menyebabkan tanah pada cerun berisiko mengalami hakisan akibat air hujan, kerosakan pada cerun, dan bahu jalan dalam jangka masa panjang sekiranya keadaan ini berlanjutan. Selain itu, perparitan dan saliran seperti *toe drain*, *berm drain*, dan *road side drain* juga tidak dapat berfungsi dengan sempurna akibat mendapan tanah dan pasir di dalam parit. *Spot turfing* yang tidak ditanam pada bahu jalan, cerun, dan kawasan tanah terdedah adalah seperti **Gambar 2.19** hingga **Gambar 2.24**.

GAMBAR 2.19



CH1475 Persimpangan Jalan B1
- *Spot Turfing* Tidak ditanam pada Bahu Jalan
(03.10.2018)

GAMBAR 2.20



CH2500 Persimpangan Jalan C1
- *Spot Turfing* Tidak ditanam di Kawasan Tanah yang Terdedah
(03.10.2018)

GAMBAR 2.21




CH1475 Persimpangan Jalan B1
- *Spot Turfing* Tidak Ditanam pada Cerun
(03.10.2018)

GAMBAR 2.22



CH2500 Persimpangan Jalan C1
- *Spot Turfing* Tidak Ditanam di Kawasan Tanah yang Terdedah
(03.10.2018)

GAMBAR 2.23



CH1475 Persimpangan Jalan B1
- Spot Turfing Tidak Ditanam pada Cerun
(03.10.2018)

GAMBAR 2.24



CH2500 Persimpangan Jalan C1
- Spot Turfing Tidak Ditanam di Cerun
(03.10.2018)

c. Saliran Masuk (*Inlet Scupper Drain*) Tersumbat dan Tertutup Manakala Aras Saliran Masuk (*Inlet Level Scupper Drain*) Tinggi Daripada Aras Jalan


Semasa lawatan tapak Audit ke lokasi CH2750-CH2850 didapati saliran masuk (*inlet scupper drain*) tersumbat dan tertutup manakala aras saliran masuk (*inlet level scupper drain*) tinggi daripada aras jalan di CH3275. Keadaan ini boleh menyebabkan air larian permukaan (*surface runoff*) tidak dapat disalurkan dengan sempurna ke parit dan mengakibatkan air bertakung di atas jalan selain berlakunya kerosakan pada struktur *pavemen* dalam jangka masa panjang sekiranya keadaan ini berlanjutan. Keadaan saliran masuk (*inlet scupper drain*) tersumbat dan tertutup di CH2750-CH2850 dan aras saliran masuk (*inlet level scupper drain*) tinggi daripada aras jalan di CH3275 seperti **Gambar 2.25** hingga **Gambar 2.30**.

GAMBAR 2.25



CH2750-CH2850 Phase 5 Stage 1 -
Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Saliran Masuk (*Inlet Scupper Drain*)
Tersumbat dan Tertutup
(03.10.2018)

GAMBAR 2.26




CH2750-CH2850 Phase 5 Stage 1 -
Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Saliran Masuk (*Inlet Scupper Drain*)
Tersumbat dan Tertutup
(03.10.2018)

GAMBAR 2.27



CH2750-CH2850 Phase 5 Stage 1 -
Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Saliran Masuk (Inlet Scupper Drain)
Tersumbat dan Tertutup
(03.10.2018)

GAMBAR 2.28



CH2750-CH2850 Phase 5 Stage 1 -
Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Saliran Masuk (Inlet Scupper Drain)
Tersumbat dan Tertutup
(03.10.2018)

GAMBAR 2.29



CH3275 Phase 5 Stage 1 - Proposed
Samalaju Boulevard Package 1
- Aras Saliran Masuk (Inlet Scupper
Drain) Tinggi Daripada Aras Jalan
(03.10.2018)

GAMBAR 2.30



CH3275 Phase 5 Stage 1 - Proposed
Samalaju Boulevard Package 1
- Aras Saliran Masuk (Inlet Scupper
Drain) Tinggi Daripada Aras Jalan
(03.10.2018)

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 23 Oktober 2018

Pemasangan semula *guardrail* akan diselaraskan mengikut ketinggian dalam spesifikasi di lukisan pembinaan, rumput akan ditanam pada bahu jalan, cerun dan kawasan tanah serta menggunakan *protection sheet* untuk kawasan yang belum ditanam rumput termasuk menyelenggara saliran masuk air (*inlet scupper drain*) supaya air dapat mengalir dengan baik.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembinaan projek ini adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi spesifikasi dalam lukisan pembinaan.

d. Pemasangan Kerja Elektrikal

i. Kotak Pembumian (*Earthing Chamber*) Tidak Ditemui Berhampiran *Distribution Pillar*

Menurut dokumen kontrak *Technical Specification For Electric Works*, item 1.5 *Earthing Point*, "Each earthing point shall comprise 8ft. length of 5/8" diameter steel-cored copper-sheathed rod and driven into the ground

leaving a three (3) in. projection above the ground level. Electrode tops are to be protected by standard brick arranged to form a 18" x 18" boxing of 9" total height with 3" above ground with lean concrete base and concrete covers. Where two or more electrodes are driven to form a group, the heads of the electrodes in the group shall be bonded to each other by means of a 1" x 1/8" copper tape, laid at a depth of 2'0" in the ground. Lawatan tapak Audit ke lokasi *Distribution Pillar* (DP) 1,2,3 dan 4 mendapati kotak pbumian (*earthing chamber*) tidak ditemui berhampiran *Distribution Pillar*. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pengguna berisiko terkena renjatan elektrik jika arus elektrik bocor tidak dapat dialirkan ke bumi akibat tiada sistem pbumian. Ketiadaan kotak pbumian (*earthing chamber*) berhampiran *distribution pillar* adalah seperti **Gambar 2.31** dan **Gambar 2.32**.

GAMBAR 2.31



*Distribution Pillar No.1 Phase 5 Stage 1 -
Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Kotak Pbumian (Earthing Chamber)
Tidak Ditemui Berhampiran Distribution
Pillar
(03.10.2018)*

GAMBAR 2.32




*Distribution Pillar No.1 Phase 5 Stage 1 -
Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Kotak Pbumian (Earthing Chamber)
Tidak Ditemui Berhampiran Distribution
Pillar
(03.10.2018)*

ii. Kedalaman Tiang Lampu Tidak Ditanam Mengikut Spesifikasi


Merujuk No. Lukisan:ST-8 (*Street Lighting Detail*), tiang lampu jalan hendaklah ditanam sedalam 1,300mm. Lawatan tapak Audit pada 3 Oktober 2018 di lokasi Jalan C1 mendapati tiang lampu jalan ditanam pada kedalaman 800mm dan bukannya 1300mm seperti dinyatakan dalam lukisan. Keadaan ini boleh mengakibatkan tiang lampu berisiko tumbang dan merbahaya kepada keselamatan pengguna. Kedalaman tiang lampu ditanam boleh dilihat pada **Gambar 2.33** hingga **Gambar 2.36**.

GAMBAR 2.33



No. Lukisan:ST-8 (*Street Lighting Detail*)
- Kedalaman Tiang Lampu Jalan
Sepatutnya Ditanam
(03.10.2018)

GAMBAR 2.34



No. Lukisan:ST-8 (*Street Lighting Detail*)
- Kedalaman Tiang Lampu Jalan
Sepatutnya Ditanam
(03.10.2018)

GAMBAR 2.35



Jalan C1 - Phase 5 Stage 1 - Proposed
Samalaju Boulevard Package 1
- Tiang Lampu Jalan Ditanam pada
Kedalaman 800mm
(03.10.2018)

GAMBAR 2.36




Jalan C1 - Phase 5 Stage 1 - Proposed
Samalaju Boulevard Package 1
- Tiang Lampu Jalan Ditanam pada
Kedalaman 800mm
(03.10.2018)

iii. Tapak Konkrit Tidak Dibina Pada Tiang Lampu Jalan


Merujuk No.Lukisan: ST-8 (*Street Lighting Detail*), tapak konkrit mesti dibina pada tiang lampu jalan yang telah ditanam. Lawatan tapak Audit ke lokasi di Jalan C1 pada 3 Oktober 2018 mendapati tapak konkrit tidak dibina pada tiang lampu jalan yang telah ditanam. Ini boleh menyebabkan tiang lampu tidak kukuh serta berisiko tumbang dan merbahaya kepada keselamatan pengguna. Tapak konkrit tidak dibina pada tiang lampu jalan boleh dilihat pada **Gambar 2.37** hingga **Gambar 2.40**.

GAMBAR 2.37



No. Lukisan: ST-8 (*Street Lighting Detail*)
- Tapak Konkrit Tidak Dibina pada Tiang
Lampu Jalan yang Telah Ditanam
(03.10.2018)

GAMBAR 2.38



No. Lukisan: ST-8 (*Street Lighting Detail*)
- Tapak Konkrit Tidak Dibina pada Tiang
Lampu Jalan yang Telah Ditanam
(03.10.2018)

GAMBAR 2.39



Jalan C1 - Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Tapak Konkrit Tidak Dibina pada Tiang Lampu Jalan yang Telah Ditanam (03.10.2018)

GAMBAR 2.40




Jalan C1 - Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Tapak Konkrit Tidak Dibina pada Tiang Lampu Jalan yang Telah Ditanam (03.10.2018)

iv. Tiada *Bearing Plate* Pada Tiang Lampu Jalan yang Ditanam


Merujuk No.Lukisan:ST-8 (*Street Lighting Detail*), *bearing plate* hendaklah dibina pada tiang lampu jalan yang ditanam. Lawatan tapak Audit pada 3 Oktober 2018 ke lokasi Jalan C1 mendapati tiada *bearing plate* pada tiang lampu jalan yang ditanam. Keadaan ini boleh menyebabkan tiang lampu tidak kukuh serta berisiko tumbang dan merbahaya kepada keselamatan pengguna. Ketiadaan *bearing plate* pada tiang lampu jalan yang ditanam seperti **Gambar 2.41** hingga **Gambar 2.44**.

GAMBAR 2.41



No.Lukisan:ST-8 (*Street Lighting Detail*),
- Tiada *Bearing Plate* pada Tiang Lampu Jalan yang Ditanam (03.10.2018)

GAMBAR 2.42



No.Lukisan:ST-8 (*Street Lighting Detail*),
- Tiada *Bearing Plate* pada Tiang Lampu Jalan yang Ditanam (03.10.2018)

GAMBAR 2.43



Jalan C1 - Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Tiada *Bearing Plate* pada Tiang Lampu Jalan yang Ditanam (03.10.2018)

GAMBAR 2.44



Jalan C1 - Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Tiada *Bearing Plate* pada Tiang Lampu Jalan yang Ditanam (03.10.2018)

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 23 Oktober 2018

Kotak pembumian dan tapak konkrit akan dibina serta kesemua tiang lampu akan ditanam mengikut spesifikasi lukisan pembinaan kecuali segelintir tiang lampu yang ditanam di kawasan *blasting* di mana terdapat batuan di dasar tanah (*bedrock*). Untuk tiang lampu yang ditanam pada kedalaman kurang daripada 1300mm, ketebalan *concrete slab* akan ditambah kepada 200mm.

Pada Pendapat Audit, pemasangan kerja elektrik adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi spesifikasi lukisan pembinaan. Pihak BDA perlu memastikan semua kecacatan atau kerosakan dibaiki oleh kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan keselamatan pengguna jalanraya sentiasa dijamin.

e. Kualiti Pembinaan

i. *Honeycomb* Pada Kawasan Outlet Outfall Drain

Menurut Lukisan Pembinaan: C-2 (*Pipe Culvert Details*) - *Standard For Specification for Road Works (Section 9-Concrete)* item 9.8.5 *Inspection and Making Good*, "The surface of the concrete shall be inspected for defects and conformity to the surface finish specified and where appropriate, with appoved sample finish. Any remedial treatment of surfaces shall be approved by the SO following inspection immediately after removing the formwork and shall be carried out without delay". Lawatan tapak Audit ke CH1475 di persimpangan B1 mendapati terdapat *honeycomb* pada kawasan outlet outfall drain. *Honeycomb* pada kawasan outlet outfall drain boleh menyebabkan pengaratan kepada tetulang konkrit dan melemahkan keupayaan struktur sekiranya berlanjutan. *Honeycomb* pada kawasan outlet outfall drain boleh dilihat pada **Gambar 2.45** hingga **Gambar 2.46**.

GAMBAR 2.45



CH3200 Persimpangan B1 (Phase 5 Stage 1-
Proposed Samalaju Boulevard Package 1)
- *Honeycomb* pada Kawasan Outlet Outfall
Drain
(03.10.2018)

GAMBAR 2.46



CH3200 Persimpangan B1 (Phase 5 Stage
1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1)
- *Honeycomb* pada Kawasan Outlet Outfall
Drain
(03.10.2018)

ii. Konkrit Roadside Drain Pecah

Menurut Lukisan Pembinaan: D-1(Drainage Detail) dan *Summary of Tenders item 3.6* menyatakan bahawa “*Supply, transport to site, spread and compact to form road shoulder/verge, road median and island with suitable fill materials from Item 3.1 or from designated borrow pit*” manakala item 4.2(a) menyatakan bahawa “*excavate for and construct reinforced lined surface drain including all necessary sawn formwork, disposal of surplus materials, stepping of inverts where necessary and etc – Roadside Drain Type 1*”. Lawatan Audit ke lokasi CH1945 mendapati konkrit roadside drain pecah dan terdapat mendapan tanah sedalam 120mm di kawasan green verge. Keadaan ini boleh menyebabkan tanah pada cerun berisiko mengalami hakisan akibat air hujan dan kerosakan pada struktur konkrit parit tepi jalan dalam jangka masa panjang sekiranya keadaan ini berlanjutan. Konkrit roadside drain pecah dan mendapan tanah di kawasan green verge seperti **Gambar 2.47** hingga **Gambar 2.49**.

GAMBAR 2.47



CH1945 Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Mendapan Tanah di Kawasan Green Verge
(03.10.2018)

GAMBAR 2.48



CH1945 Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Mendapan Tanah di Kawasan Green Verge
(03.10.2018)



GAMBAR 2.49

CH1945 Phase 5 Stage 1- Proposed Samalaju Boulevard Package 1
- Konkrit Parit Tepi Jalan (Roadside Drain) Pecah
(03.10.2018)

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 23 Oktober 2018

Pihak kontraktor akan memperbaiki keadaan *turfing* di sekitar kawasan serta membaiki konkrit *road side drain* yang telah pecah dan kawasan *green verge* di sekitar *road side drain* akan ditanam dengan rumput untuk mengelak kerosakan berulang.

Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan projek ini adalah tidak memuaskan dan boleh mendatangkan risiko kepada keselamatan pengguna jalanraya.

2.6.4. Pemantauan Projek

- i. Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual, menepati skop dan spesifikasi kerja.
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati kerja pemantauan terhadap projek dilaksanakan secara bersama antara perunding No. Syarikat 665536-K sebagai Pegawai Penguasa yang dilantik dan BDA. Pemantauan dijalankan melalui Mesyuarat Tapak, *Client/Consultant Coordination Meeting* dan lawatan tapak.
- iii. Semakan Audit seterusnya terhadap fail pemantauan projek mendapati sebanyak 24 mesyuarat *Client/Consultant Coordination* dan 24 Mesyuarat Tapak telah diadakan sepanjang tempoh kontrak. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah berkaitan dengan isu kontrak, kewangan dan prestasi serta masalah pembinaan projek. Bagaimanapun, didapati tiada surat amaran/peringatan diberikan kepada kontraktor untuk meningkatkan prestasi kerja di tapak.

Maklum Balas BDA yang Diterima pada 12 Oktober 2018

Pada peringkat permulaan sehingga peringkat pertengahan kerja-kerja pembinaan, kemajuan projek didapati mendahului sasaran perancangan. Dalam masa itu, satu satunya isu adalah berkenaan kualiti di mana *non-conformance reports* telah dikeluarkan. Oleh yang demikian tiada keperluan untuk mengeluarkan surat amaran kepada pihak kontraktor pada peringkat pembinaan. Peringatan kepada pihak kontraktor dimaklumkan kepada mereka semasa mesyuarat tapak bulanan. Apabila kemajuan kerja pihak kontraktor didapati ketinggalan daripada jadual asal, pihak perunding telah mengadakan mesyuarat tambahan setiap dua (2) minggu untuk memantau secara dekat kerja kemajuan kerja pembinaan oleh pihak kontraktor.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan projek adalah memuaskan kecuali pemantauan fizikal terhadap sebahagian kerja pembinaan yang dibangkitkan.

2.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

2.7.1. BDA perlu meningkatkan kecekapan dalam pentadbiran kontrak bagi menjamin kepentingan Kerajaan khususnya dalam memastikan polisi insurans meliputi tempoh kontrak dan LAD dikenakan selepas *Certificate of Non-Completion* dikeluarkan;

2.7.2. BDA perlu menerima pakai dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia berkaitan kelayakan perkhidmatan kenderaan dan peralatan projek bagi memastikan perolehan memberi nilai faedah terbaik;

2.7.3. BDA perlu menuntut bayaran pendahuluan berjumlah RM9.24 juta daripada jaminan bank untuk bayaran pendahuluan bagi memastikan kontraktor mengemukakan tuntutan dengan kadar segera;

2.7.4. BDA perlu memastikan kerja pembinaan infrastruktur hendaklah mengikut spesifikasi lukisan pembinaan untuk mengelakkan sebarang risiko terhadap keselamatan pengguna jalanraya; dan

2.7.5. sekiranya kontraktor gagal mengemukakan tuntutan sebelum akhir bulan Oktober 2018, pihak perunding hendaklah membuat penilaian semula kerja yang telah dilaksanakan.

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI

3. LAKU MANAGEMENT SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. LAKU Management Sdn. Bhd. (LAKU) diperbadankan pada 7 Jun 1995 di bawah Akta Syarikat 1965 dan Sarawak Water Ordinance, 1994 (Ordinan). LAKU merupakan sebuah Syarikat Berhad Menurut Syer milikan penuh Setiausaha Kewangan Negeri melalui *State Financial Secretary Incorporation* dengan modal yang dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM50 juta dan RM9 juta. LAKU telah memeterai perjanjian konsesi dengan Kerajaan Negeri untuk tempoh selama 25 tahun iaitu dari tahun 1996 hingga tahun 2020. Perjanjian tersebut menetapkan LAKU mengambil alih fungsi, peranan, tanggungan, aktiviti dan urus niaga Lembaga Air Miri, Lembaga Air Bintulu dan Lembaga Air Limbang.

3.1.2. Objektif penubuhan LAKU adalah sebagai pentadbir sumber air dengan mengeluarkan dan membekal air bagi kawasan utara Sarawak iaitu Miri, Bintulu dan Limbang. Aktiviti utama LAKU adalah mengurus, mengeluarkan dan mengedar air bersih kepada pengguna di kawasan tersebut.

3.1.3. Komposisi Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan (8) ahli Lembaga Pengarah bebas dan bukan eksekutif iaitu seorang Pengerusi, seorang wakil Setiausaha Kewangan Negeri, seorang Datuk Bandar, Residen Bahagian Miri, dua (2) orang mantan Residen iaitu Bahagian Bintulu dan Limbang, seorang wakil Dewan Usahawan Cina Miri serta seorang peguam. Pengurusan LAKU diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 400 orang kakitangan. LAKU adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, Ordinan dan Artikel Penubuhan (M&A), manual kualiti serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat serta peraturan lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. LAKU telah mendapat pensijilan MS ISO 9001:2015 pada tahun 2001 daripada Jabatan Standard Malaysia dan Intertek Certification International Sdn. Bhd. Pensijilan kualiti tersebut merangkumi pengurusan, pengeluaran, pembekalan dan pengedaran air, khidmat pelanggan serta kutipan hasil.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai kedudukan kewangan LAKU adalah kukuh dan

amalan tadbir urusnya adalah baik serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kedudukan kewangan bagi tahun 2015 hingga 2017 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2015 hingga bulan Ogos 2018. Analisis kedudukan kewangan dijalankan bagi tahun kewangan 2015, 2016 dan 2017. Bagi pengurusan aktiviti, tiga (3) aktiviti telah diaudit iaitu pencapaian output pengeluaran air; pencapaian *outcome* bekalan dan jualan air bersih; dan pengurusan bahan kimia perawatan air kerana aktiviti ini memberi impak kepada kedudukan kewangan syarikat dari aspek hasil jualan dan perbelanjaan. Pengauditan dijalankan di pejabat korporat LAKU, pejabat LAKU kawasan Miri dan Bintulu serta Loji Rawatan Air (LRA) Lambir, Nyabau dan Samalaju.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan LAKU bagi tahun 2015, 2016 serta 2017 yang telah diaudit dan diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Ernst & Young. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu analisis trend pendapatan; perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Bagi amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan LAKU. Selain itu, pihak Audit menjalankan analisis data syarikat dan menemu bual pegawai berkaitan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Pemeriksaan fizikal terhadap aset milik LAKU, stor dan LRA turut dilakukan bagi menilai aktiviti yang dijalankan.

3.5. RUMUSAN AUDIT

3.5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga September 2018 merumuskan perkara berikut:

a. Kedudukan Kewangan

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan LAKU adalah stabil di mana LAKU telah mencatat keuntungan sebelum cukai sejumlah RM9.85 juta pada tahun 2017 iaitu meningkat dari sejumlah RM7.60 juta pada tahun 2016. LAKU mencatat trend peningkatan bagi keuntungan terkumpul iaitu berjumlah RM152.78 juta pada tahun 2015, RM155.99 juta pada tahun 2016 dan RM164.58 juta pada tahun 2017. Analisis Audit terhadap nisbah semasa LAKU bagi menilai tahap kecairan syarikat menunjukkan pada tahun 2017

tahap kecairan LAKU meningkat kepada 1.60:1 berbanding 1.51:1 pada tahun 2016. Ini menunjukkan LAKU mampu menjelaskan hutang dalam jangka masa pendek. LAKU juga cekap dalam pengurusan aset untuk menjana keuntungan dengan pulangan sejumlah RM2.60 bagi setiap ringgit aset dilaburkan. Selain itu, LAKU mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM88.27 juta pada tahun 2017.

b. Pengurusan Aktiviti

Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti LAKU adalah cekap dengan pencapaian sebenar pengeluaran, bekalan dan jualan air bersih melebihi kadar 90% bagi tahun 2015 hingga 2017. Selain itu, pengurusan bahan kimia LAKU adalah cekap dan berhemat dari aspek perolehan, penyimpanan dan penggunaan. Bagaimanapun, pengurusan Air yang Tidak Berhasil (*Non Revenue Water* - NRW) adalah kurang cekap dengan menunjukkan trend meningkat bagi tempoh yang sama.

i. Air yang Tidak Berhasil

Kadar NRW LAKU menunjukkan trend meningkat daripada tahun 2015 hingga 2017 masing-masing pada kadar 24.3%, 25.5% dan 26%. Kuantiti kehilangan isi padu air bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah antara 28.32 juta m³ dan 31.56 juta m³. Bagi tempoh tersebut, kos pengeluaran air yang ditanggung oleh LAKU melibatkan kehilangan air berkenaan adalah berjumlah RM54.31 juta. Kuantiti dan kos pengeluaran menunjukkan trend meningkat bagi tempoh yang sama iaitu daripada 28.32 juta m³ melibatkan kos pengeluaran berjumlah RM16.71 juta pada tahun 2015 kepada 31.56 juta m³ dengan kos pengeluaran berjumlah RM18.93 juta.

c. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus LAKU adalah baik kerana telah mematuhi 28 daripada 32 amalan terbaik tadbir urus. Aspek tadbir urus yang dipatuhi adalah pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif, Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalaman. Kelemahan adalah dari aspek pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah, pelantikan ahli Lembaga Pengarah dan SOP. Piagam Lembaga Pengarah tidak disediakan, kod tatalaku serta etika rasmi tidak disediakan dan SOP yang lengkap bagi pengurusan aset tidak disediakan menyebabkan kelemahan dalam pengurusan aset syarikat.

3.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh LAKU adalah seperti berikut:

- a. kadar NRW meningkat bagi tahun 2015 hingga 2017 iaitu masing-masing pada kadar 24.3%, 25.5% dan 26%. Kuantiti kehilangan air dan kos pengeluaran yang membabitkan NRW meningkat bagi tempoh yang sama; dan
- b. pengurusan tadbir urus dari aspek pelantikan Pengerusi, Lembaga Pengarah dan penyediaan SOP syarikat perlu diperkemas.

3.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas LAKU telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 29 Oktober 2018. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti perenggan berikut:

3.6.1. Kedudukan Kewangan

Analisis terhadap kedudukan kewangan LAKU bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	91.99	92.79	92.34
Pendapatan Lain	44.76	2.92	5.51
JUMLAH PENDAPATAN	136.75	95.71	97.85
Kos Pengeluaran	(51.94)	(56.33)	(57.08)
Perbelanjaan Pentadbiran	(14.34)	(15.18)	(16.00)
Lain-lain Perbelanjaan Operasi dan Korporat	(15.41)	(16.60)	(14.92)
JUMLAH PERBELANJAAN	(81.69)	(88.11)	(88.00)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	55.06	7.60	9.85
Cukai	(10.72)	(1.39)	(1.26)
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	44.34	6.21	8.59
DIVIDEN	0	(3.00)	0
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	152.78	155.99	164.58
JUMLAH ASET	272.76	285.06	330.56
JUMLAH LIABILITI	110.98	120.07	156.98
JUMLAH EKUITI	161.78	164.99	173.58
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	272.76	285.06	330.56
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	75.99	79.04	88.27

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017


- 3.6.1.1. Pendapatan utama LAKU adalah hasil jualan air bersih. Pada tahun 2017, pendapatan utama LAKU menunjukkan trend menurun iaitu penurunan

sejumlah RM451,813 atau 0.5% berbanding tahun 2016. Penurunan pendapatan ini adalah disebabkan oleh pengurangan pendapatan dari caj perkhidmatan LAKU. Pendapatan lain LAKU terdiri daripada geran Kerajaan, pelunasan pendapatan tertunda, hasil pelupusan hartanah, loji dan peralatan serta pendapatan runcit. Pendapatan lain LAKU telah meningkat sejumlah RM2.59 juta atau 88.7% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Pada tahun 2016, pendapatan lain LAKU telah menurun sejumlah RM41.84 juta atau 93.5% kepada RM2.92 juta berbanding sejumlah RM44.76 juta pada tahun 2015. Pada tahun 2015, geran yang diterima oleh LAKU daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM41.90 juta untuk projek naik taraf LRA Nyabau telah diambil kira sebagai pendapatan lain selepas projek tersebut siap. Ini adalah selaras dengan peralihan kepada *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) dan telah menyebabkan pendapatan lain meningkat dengan ketara pada tahun tersebut. Trend pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 3.1**.


3.6.1.2. Perbelanjaan LAKU meliputi kos pengeluaran, perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan operasi lain. Pada tahun 2017, perbelanjaan tersebut telah menurun sejumlah RM121,477 atau 0.1% berbanding tahun 2016 disebabkan oleh penurunan dalam perbelanjaan operasi syarikat. Ini adalah selepas LAKU mencatat peningkatan perbelanjaan sejumlah RM6.31 juta atau 7.7% pada tahun 2015. Perbelanjaan yang mempengaruhi peningkatan ini adalah pertambahan perbelanjaan kos pengeluaran dan perbelanjaan pentadbiran. Perbelanjaan kos pengeluaran dan pentadbiran terdiri daripada sewa pajakan, caj elektrik, susut nilai, emolumen, pembaikan serta penyenggaraan dan lain-lain. Kos pengeluaran LAKU menunjukkan trend meningkat sejumlah RM4.39 juta atau 8.5% pada tahun 2016 berbanding 2015 dan seterusnya meningkat sejumlah RM743,370 atau 1.3% pada tahun 2017.

3.6.1.3. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 telah memberi kesan terhadap keuntungan LAKU. LAKU mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM55.06 juta, RM7.60 juta dan RM9.85 juta masing-masing pada tahun 2015, 2016 dan 2017. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2017 adalah pendapatan lain yang meningkat berbanding perbelanjaan dan ini turut memberi kesan kepada keuntungan terkumpul LAKU. Trend keuntungan sebelum cukai serta keuntungan terkumpul bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah seperti **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

CARTA 3.1
TREND PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN BAGI TAHUN
2015, 2016 DAN 2017



CARTA 3.2
TREND KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN
KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAGI TAHUN
2015, 2016 DAN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017

3.6.1.4. Bagi tahun 2015 hingga 2017, LAKU merekodkan aset masing-masing berjumlah RM272.76 juta, RM285.06 juta dan RM330.56 juta. Komponen terbesar bagi aset tetap adalah hartanah, loji dan peralatan. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset semasa adalah tunai dan baki di bank. Pada tahun 2016, aset LAKU telah meningkat sejumlah RM12.30 juta atau 4.5% berbanding tahun 2015 dan meningkat sejumlah RM45.50 juta atau 15.9% pada tahun 2017. Peningkatan aset adalah disebabkan oleh pertambahan aset milik LAKU iaitu saluran paip agihan. Amalan perakaunan *Private Entities Reporting Standard* (PERS) yang diguna pakai LAKU sebelum tahun 2016 mengiktirafkan paip agihan sebagai *capital contribution*. Bagaimanapun, mulai tahun kewangan 2016 LAKU telah mengguna pakai MPERS sepenuhnya. Berdasarkan MPERS saluran paip agihan diiktiraf sebagai aset dan ini memberi kesan kepada nilai keseluruhan aset serta susut nilai aset LAKU pada tahun 2016 dan 2017.

3.6.1.5. Liabiliti LAKU menunjukkan trend meningkat iaitu berjumlah RM110.98 juta, RM120.07 juta dan RM156.98 juta masing-masing bagi tahun 2015, 2016 dan 2017. Penyumbang utama kepada peningkatan pada tahun 2017 adalah liabiliti jangka panjang yang meningkat sejumlah RM35.50 juta atau 67.1% berbanding tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan pendapatan tertunda LAKU selaras dengan pematuhan sepenuhnya MPERS.

3.6.1.6. Analisis Audit mendapati LAKU mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kerana kedudukan aset syarikat melebihi liabiliti bagi tempoh tiga (3) tahun tersebut. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset syarikat adalah loji dan jentera. LAKU juga berada pada tahap kecairan yang memuaskan menunjukkan syarikat mampu memenuhi obligasi jangka

pendek. Pada tahun 2017, LAKU dapat menjana pendapatan sejumlah RM0.42 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset bukan semasa. Syarikat menetapkan tempoh kredit selama 60 hari dan secara purata LAKU mengambil masa selama 47 hingga 53 hari untuk mengutip hutang.

3.6.1.7. Pada keseluruhannya, bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 tunai dan kesetaraan tunai LAKU menunjukkan trend meningkat bagi tiga (3) tahun berturut-turut iaitu masing-masing berjumlah RM75.99 juta, RM79.04 juta dan RM88.27 juta. Aliran tunai LAKU yang berbaki positif menunjukkan kedudukan tunai syarikat adalah baik bagi memastikan kelancaran operasi syarikat.

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis yang dijalankan secara keseluruhannya kedudukan kewangan LAKU adalah stabil.

3.6.2. Pengurusan Aktiviti

3.6.2.1. Pencapaian Output Pengeluaran Air

a. Pengeluaran Air Bersih LAKU

- i. Pengeluaran air bersih adalah berdasarkan manual kualiti ISO 9001:2015. Operasi LRA adalah setiap hari dan LAKU menetapkan sasaran pengeluaran berdasarkan purata permintaan kawasan serta bilangan pengguna aktif di kawasan berkenaan. Bagi tahun 2015 hingga 2017, sasaran pengeluaran air bersih masing-masing adalah 124.27 juta m³, 142.78 juta m³ dan 135.63 juta m³. Pengeluaran air bersih sebenar bagi tempoh yang sama adalah 124.08 juta m³ atau 99.8%, 129.40 juta m³ atau 90.6% dan 131.45 juta m³ atau 96.9%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.2**.

JADUAL 3.2
PENCAPAIAN PENGELUARAN AIR BERSIH BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

KAWASAN	LOJI	2015			2016			2017		
		SASARAN (Juta m ³)	SEBENAR (Juta m ³)	PENCAPAIAN (%)	SASARAN (Juta m ³)	SEBENAR (Juta m ³)	PENCAPAIAN (%)	SASARAN (Juta m ³)	SEBENAR (Juta m ³)	PENCAPAIAN (%)
Miri	Lambir	51.81	52.12	100.6	53.57	52.60	98.2	53.54	51.92	97.0
Bintulu	Nyabau	60.85	57.63	94.7	73.19	60.60	82.8	62.42	62.31	99.8
	Samalaju	5.11	7.62	149.1	9.12	9.31	102.1	12.77	10.22	80.0
Limbang	Berawan	6.50	6.71	103.2	6.90	6.89	99.9	6.90	7.00	101.4
JUMLAH		124.27	124.08	99.8	142.78	129.40	90.6	135.63	131.45	96.9

Sumber: Laporan Prestasi Bulanan Pengeluaran Air LAKU Management Sdn. Bhd.

- ii. Semakan Audit terhadap laporan prestasi bulanan pengeluaran air bersih LAKU mendapati pada tahun 2017 sasaran yang telah ditetapkan tidak

dicapai bagi LRA Lambir, Nyabau dan Samalaju. Pencapaian pengeluaran air bersih melebihi sasaran di LRA Berawan pada kadar 0.1 juta m³. Bagi tahun 2015 hingga 2017, LAKU tidak mencapai sasaran sebanyak 7 daripada 12 kali atau 58.3%. Kadar pencapaian sasaran pengeluaran air bersih adalah antara 80% hingga 149.1%. Perkara ini boleh memberi kesan LRA tidak mempunyai rizab air yang mencukupi untuk menampung permintaan pengguna terutamanya apabila berlaku keadaan darurat atau musim kemarau yang berpanjangan.

Maklum Balas LAKU yang Diterima pada 9 Oktober 2018

LAKU memaklumkan antara faktor yang menyebabkan sasaran tidak dicapai adalah penurunan kuantiti permintaan air oleh pengguna yang turut memberi kesan kepada kuantiti pengeluaran air LAKU bagi tempoh tersebut.

b. Kapasiti Loji Rawatan Air

- i. Sumber air mentah bagi kawasan Miri adalah dari Sungai Liku, Sungai Bakong dan air telaga bawah tanah. Bagi kawasan Bintulu, sumber air mentah adalah dari Sungai Sebieu, Tasik Sika, Tasik Assyakirin manakala kawasan Limbang mendapat bekalan air dari Sungai Berawan dan Sungai Pandaruan. LAKU mempunyai empat (4) LRA iaitu LRA Lambir di Miri, LRA Nyabau dan LRA Samalaju di Bintulu serta LRA Berawan di Limbang. Reka bentuk keseluruhan loji LAKU boleh menampung sebanyak 573 MLD air. LRA Lambir berkapasiti 214 MLD, LRA Nyabau berkapasiti 254 MLD, LRA Berawan berkapasiti 20 MLD dan LRA Samalaju berkapasiti 85 MLD. Kapasiti semasa loji LAKU adalah sebanyak 568 MLD. Bagi tahun 2015 hingga 2017, LAKU berupaya memproses air bersih dengan pengeluaran masing-masing sebanyak 339 MLD, 355 MLD dan 360 MLD.
- ii. Setiap LRA LAKU mempunyai fasa pembangunan yang berbeza mengikut keperluan bekalan air pada masa tersebut. Bagi LRA Lambir, pembangunan dibuat melalui empat (4) fasa iaitu dari 9 MLD kepada 214 MLD. Bagi LRA Nyabau, terdapat dua (2) fasa pembangunan iaitu Modul 1 dan 2 untuk Fasa 1 dengan kapasiti asal 177 MLD serta Modul 3 untuk Fasa 2 dengan kapasiti tambahan 77 MLD menjadikan kapasiti pengeluaran sebanyak 254 MLD. Semakan Audit terhadap laporan *Consolidated Centre* mendapati secara keseluruhannya, LAKU hanya beroperasi secara optimum di LRA Berawan. Bagi LRA Lambir, Nyabau dan Samalaju, ianya belum mencapai kapasiti optimum dengan baki

keupayaan 72 MLD, 70 MLD dan 65 MLD bagi tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.3**.

JADUAL 3.3
KAPASITI LOJI RAWATAN AIR DAN KUANTITI
PENGELUARAN AIR LAKU BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

BAHAGIAN	LOJI	KAPASITI REKA BENTUK (MLD)	KAPASITI SEMASA (MLD)	KUANTITI AIR YANG DIPROSES (MLD)			BAKI KEUPAYAAN SEMASA (MLD)		
				2015	2016	2017	2015	2016	2017
Miri	Lambir	214	214	142	144	142	72	70	72
Bintulu	Nyabau	254	254	179	192	184	75	62	70
Limbang	Berawan	20	20	18	19	19	2	1	1
Bintulu	Samalaju	85	80	0	0	15	80	80	65
JUMLAH		573	568	339	355	360	229	213	208

Sumber: Laporan Consolidated Centre LAKU Management Sdn.Bhd.

- iii. Kuantiti air bersih yang dikeluarkan bergantung kepada purata permintaan air oleh pengguna. Bagi tahun 2015 hingga 2017, kuantiti air bersih yang dikeluarkan masing-masing adalah 124.08 juta m³, 129.40 juta m³ dan 131.45 juta m³. Permintaan air bagi tempoh yang sama adalah 94.18 juta m³, 97.41 juta m³ dan 98.26 juta m³. Baki air terdiri daripada air yang digunakan untuk *headworks* dalam loji rawatan, air bersih yang disimpan di dalam tangki air sebagai air rizab dan untuk dijual kepada pengguna. Pada tahun 2017, baki air di LRA Nyabau adalah sebanyak 19.90 juta m³ atau 27.4% daripada jumlah air bersih yang diproses, 11.26 juta m³ atau 21.7% di LRA Lambir dan 2.03 juta m³ atau 29% di LRA Berawan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.4**.

JADUAL 3.4
KUANTITI AIR BERSIH DAN PERMINTAAN AIR BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

LOJI RAWATAN AIR	KUANTITI AIR BERSIH (Juta m ³)			KUANTITI PERMINTAAN AIR (Juta m ³)			BAKI AIR (Juta m ³)					
	2015	2016	2017	2015	2016	2017	2015	(%)	2016	(%)	2017	(%)
Nyabau/ Samalaju	65.25	69.91	72.53	47.94	51.38	52.63	17.31	26.5	18.53	26.5	19.90	27.4
Lambir	52.12	52.60	51.92	41.23	41.04	40.66	10.89	20.9	11.20	21.3	11.26	21.7
Berawan	6.71	6.89	7.00	5.01	4.99	4.97	1.70	25.3	1.90	27.6	2.03	29.0
JUMLAH	124.08	129.40	131.45	94.18	97.41	98.26	29.90		31.63		33.19	

Sumber: Laporan Akaun Pengurusan LAKU Management Sdn. Bhd.

Maklum Balas LAKU yang Diterima pada 9 Oktober 2018

LAKU memaklumkan Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk pembangunan sumber bekalan air mentah dan loji rawatan air. Cadangan pembangunan sumber air mentah dan loji rawatan air oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- i. Bagi Miri, JBALB dalam proses tender untuk projek penyaluran air mentah dari Batang Baram ke Sungai Liku;
- ii. Bagi Limbang, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM43 juta untuk pembangunan sumber air mentah baharu di Sungai Limbang. Tender akan dikeluarkan pada awal tahun 2019;
- iii. Bagi Bintulu dan Samalaju, perunding yang dilantik oleh Kementerian Utiliti untuk menjalankan kajian sumber air mentah baharu bagi Bintulu serta Samalaju telah mengenal pasti Sungai Kemena sebagai sumber air baharu bagi kawasan tersebut. JBALB dalam proses memohon peruntukan untuk tujuan tersebut;
- iv. Proses tender bagi menaik taraf LRA Nyabau, Bintulu kepada 354 MLD telah dilaksanakan oleh JBALB; dan
- v. Proses tender bagi menaik taraf LRA Berawan, Limbang kepada 40 MLD telah dilaksanakan oleh JBALB.

Pada pendapat Audit, pencapaian sebenar pengeluaran air LAKU bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah cecap iaitu melebihi kadar 90%.

3.6.2.2. Pencapaian *Outcome* Bekalan dan Jualan Air Bersih

a. Prestasi Bekalan dan Hasil Jualan Air

- i. Pada tahun 2015 hingga 2017, anggaran bekalan air bersih LAKU kepada pengguna adalah 306.68 juta m³. Bagi tempoh yang sama, LAKU telah memproses sebanyak 289.86 juta m³ air iaitu kurang 16.82 juta m³ atau 5.5% berbanding 306.68 juta m³ yang disasarkan. Kadar pencapaian bekalan air bersih LAKU bagi tahun 2015 hingga 2017 masing-masing adalah 98.8%, 88% dan 97.6%. Bekalan air bergantung kepada kuantiti penggunaan air dan turut memberi kesan kepada prestasi kutipan hasil jualan air.
- ii. Pendapatan utama LAKU ialah menjual air bersih kepada pengguna dan hasil jualan air bersih adalah berdasarkan kadar tarif air yang diwartakan oleh LAKU. Pada tahun 2015 hingga 2017, anggaran hasil jualan air LAKU berjumlah RM260.43 juta. Hasil jualan air LAKU bagi tempoh yang sama berjumlah RM256.63 juta iaitu kurang RM3.80 juta atau 1.5% berbanding anggaran RM260.43 juta. Bagi tempoh yang sama, pencapaian hasil jualan air bersih masing-masing ialah 100.4%, 97.5% dan 97.8%. Semakan Audit terhadap laporan akaun pengurusan LAKU

mendapati pencapaian penjualan air bersih bagi tahun 2016 dan 2017 adalah di bawah sasaran yang ditetapkan iaitu masing-masing pada kadar 97.5% dan 97.8%. Ini adalah kesan daripada peningkatan NRW dan boleh menyebabkan penurunan pendapatan langsung LAKU. Pada tahun 2015, hasil jualan air melebihi sasaran iaitu RM82.44 juta dan kutipan sebenar adalah berjumlah RM82.81 juta atau 100.4%. Bagaimanapun pada keseluruhannya, pencapaian sasaran LAKU untuk bekalan dan jualan air adalah pada tahap baik iaitu melebihi kadar 90% bagi tahun 2015 dan 2017. Pencapaian bekalan air pada tahun 2016 adalah pada kadar 88%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.5**.

JADUAL 3.5
BEKALAN DAN HASIL JUALAN AIR LAKU BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

BUTIRAN	2015	2016	2017	JUMLAH
Bekalan Air (Juta m³)				
Sasaran	95.34	110.69	100.65	306.68
Sebenar	94.19	97.41	98.26	289.86
Pencapaian (%)	98.8	88.0	97.6	94.5
Hasil Jualan (RM Juta)				
Sasaran	82.44	88.29	89.70	260.43
Sebenar	82.81	86.06	87.76	256.63
Pencapaian (%)	100.4	97.5	97.8	98.5

Sumber: Laporan Akaun Pengurusan LAKU Management Sdn. Bhd.

Maklum Balas LAKU yang Diterima pada 9 Oktober 2018

LAKU memaklumkan pengeluaran air adalah berdasarkan permintaan air oleh pengguna dan dalam industri pembekalan air, pengguna digalakkan untuk mengurangkan penggunaan dan pembaziran air. Ini dapat membantu agensi terbabit mengurangkan kos pengeluaran air. Penetapan sasaran bekalan air dan jualan air tahunan LAKU adalah berdasarkan trend bekalan dan penjualan air tahun terdahulu serta bilangan pengguna baharu. Antara faktor yang menyebabkan sasaran tidak dicapai oleh LAKU adalah permintaan bekalan air yang berkurangan oleh pengguna.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya walaupun sasaran bekalan air dan hasil jualan air yang ditetapkan tidak dicapai oleh LAKU, pencapaian sebenar syarikat bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah cekap iaitu melebihi kadar 90%.

b. Pengedaran Air Bersih dan Jualan Air

i. Air Yang Tidak Berhasil (*Non Revenue Water*)

- Buku *"The Manager's Non-Revenue Water Handbook" : A Guide to Understanding Water Losses* menyatakan kehilangan air dalam sistem bekalan air merupakan masalah yang perlu diatasi dengan cekap dan berkesan. Kehilangan air bukan sahaja merupakan pembaziran sumber semula jadi, malah dari segi ekonomi ia adalah satu kerugian kepada syarikat. NRW adalah perbezaan antara kuantiti air yang dibekalkan dari LRA dengan kuantiti air di meter pengguna iaitu air digunakan tetapi tidak mendatangkan hasil/kehilangan air. NRW terdiri daripada air yang dibenarkan untuk diguna tetapi tidak dibil seperti air yang digunakan untuk memadam kebakaran, *standpipes*, penggunaan yang tidak dibenarkan dan kerosakan meter dan kecurian air melalui penyambungan paip air secara tidak sah dan kehilangan sebenar melalui paip air bocor atau pecah.
- Berdasarkan *Board Paper* LAKU rujukan BOD:05/86/17 yang dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah No.87/17 pada 12 Jun 2017, Kerajaan Negeri telah menetapkan kadar NRW pada 25% untuk dicapai menjelang tahun 2025. Ini adalah selaras dengan agenda NRW kebangsaan untuk mengurangkan kadar NRW di bawah 25% menjelang tahun 2020. Semakan Audit mendapati NRW LAKU dari tahun 2015 hingga tahun 2017 telah menunjukkan trend meningkat iaitu masing-masing pada kadar 24.3%, 25.5% dan 26%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.6**.

JADUAL 3.6
PENCAPAIAN NRW BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	NON REVENUE WATER	
	SASARAN (%)	PENCAPAIAN (%)
2015	25	24.3
2016	25	25.5
2017	25	26.0

Sumber: Minit Mesyuarat BOD No.87/17 dan Laporan *Operating Statistics* LAKU Management Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

- Bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, LAKU telah menetapkan kadar NRW yang perlu dicapai di peringkat kawasan. LAKU telah menetapkan sasaran NRW bagi kawasan Miri pada kadar 20%, Bintulu 18% dan Limbang 25%. Semakan Audit mendapati kadar NRW bagi tahun 2015 hingga 2017 di kesemua tiga

(3) kawasan telah menunjukkan trend meningkat iaitu antara 20.9% dan 29.3% serta melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagi tempoh yang sama, kadar NRW paling tinggi adalah di Bintulu dan Limbang iaitu antara 25.3% hingga 29.3%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.7**.

JADUAL 3.7
KADAR NRW LAKU MENGIKUT KAWASAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

KAWASAN	KADAR NRW			
	SASARAN (%)	PENCAPAIAN		
		2015 (%)	2016 (%)	2017 (%)
Miri	20	20.9	22.0	21.7
Bintulu	18	27.3	28.3	29.3
Limbang	25	25.3	27.5	29.1

Sumber: Laporan *Operating Statistics* LAKU Management Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

- Semakan lanjut mendapati kuantiti kehilangan isi padu air bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah antara 28.32 juta m³ dan 31.56 juta m³. Bagi tempoh tersebut, kos pengeluaran air yang ditanggung oleh LAKU melibatkan kehilangan air berkenaan adalah berjumlah RM54.31 juta. Kuantiti dan kos pengeluaran menunjukkan trend meningkat bagi tempoh yang sama iaitu daripada 28.32 juta m³ melibatkan kos pengeluaran berjumlah RM16.71 juta pada tahun 2015 kepada 31.56 juta m³ dengan kos pengeluaran berjumlah RM18.93 juta pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.8**.

JADUAL 3.8
KOS KEHILANGAN AIR BERSIH BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	KOS PENGELUARAN (RM/m ³)	ISI PADU NRW (Juta m ³)	KOS PENGELUARAN (RM Juta)
2015	0.59	28.32	16.71
2016	0.61	30.60	18.67
2017	0.60	31.56	18.93
JUMLAH		90.48	54.31

Sumber: Laporan *Operating Statistics* LAKU Management Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

Nota: Kos Pengeluaran Per m³ Adalah Termasuk *Lease Rental*

- Mengikut *Water Balance Report* LAKU, kehilangan air terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu kehilangan fizikal, kehilangan komersial dan penggunaan yang tidak dibilkan. Kehilangan fizikal ialah kehilangan air yang nyata dalam bentuk yang dapat dilihat dan dikesan secara fizikal seperti kerosakan pada sesalur utama, agihan, retikulasi dan kebocoran pada paip perhubungan hingga ke meter pelanggan. Kehilangan komersial pula ialah kehilangan air yang tidak

nyata yang melibatkan penggunaan air yang tidak dapat direkodkan. Ini termasuk penggunaan yang tidak dibenarkan seperti penyambungan paip air secara tidak sah/kecurian air dan penggunaan meter tidak tepat/meter rosak. Penggunaan tidak dibilkan ialah penggunaan tidak bermeter yang tidak dibilkan. Contoh adalah kerja pembersihan sesalur utama dan air yang diguna untuk memadam kebakaran.

- Semakan Audit mendapati bagi tahun 2015 hingga 2017, punca utama kehilangan air adalah kehilangan fizikal yang mencecah antara 85.3% hingga 86.9% daripada keseluruhan kehilangan air sebanyak 90.48 juta m³. Perkara ini disebabkan oleh kerosakan pada sesalur utama, agihan, retikulasi dan kebocoran pada paip perhubungan hingga ke meter pelanggan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.9**.

JADUAL 3.9
KEHILANGAN AIR BERSIH MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

KATEGORI	2015		2016		2017	
	ISI PADU/ (Juta m ³)	(%)	ISI PADU/ (Juta m ³)	(%)	ISI PADU/ (Juta m ³)	(%)
Kehilangan Fizikal	24.15	85.3	26.60	86.9	27.42	86.9
Kehilangan Komersial	3.72	13.1	3.60	11.8	3.72	11.8
Penggunaan Tidak Dibilkan	0.45	1.6	0.40	1.3	0.42	1.3
JUMLAH	28.32	100	30.60	100	31.56	100

Sumber: *Water Balance Report* LAKU Management Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

- Semakan lanjut mendapati tindakan yang telah diambil oleh LAKU untuk mengawal NRW adalah menukar meter yang tidak tepat/meter rosak kerana telah melewati jangka hayat iaitu berusia lebih dari 10 tahun, menukar paip agihan yang pecah dan penyenggaraan terhadap sesalur utama yang bocor. Perbelanjaan mengawal NRW masing-masing bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 berjumlah RM4.16 juta, RM4.19 juta dan RM3.75 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.10**.

JADUAL 3.10
PERBELANJAAN PENGAWALAN NRW BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

AKTIVITI	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Menukar meter yang rosak kerana melewati jangka hayat dan meter kurang daftar (meter <i>under-registration</i>)	0.12	0.22	0.08
Menukar paip perhubungan yang bocor	1.82	1.84	1.67
Menyenggara sesalur utama yang pecah	2.22	2.13	2.00
JUMLAH	4.16	4.19	3.75

Sumber: Daftar Perbelanjaan Berkaitan NRW LAKU Management Sdn. Bhd.

- Penggunaan air tanpa kebenaran ialah kes yang melibatkan kecurian air dan merupakan kategori kehilangan komersial. Semakan Audit terhadap Rekod Kecurian Air mendapati dari tahun 2015 hingga tahun 2017 sebanyak 789 kes kecurian air berlaku. Kes paling tinggi berlaku di kawasan Miri dan LAKU telah mengambil tindakan pemotongan bekalan serta penutupan ferul untuk kes sambungan haram ini. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.11**.

JADUAL 3.11
KES KECURIAN AIR LAKU BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

KAWASAN	TAHUN			JUMLAH
	2015	2016	2107	
Miri	249	255	247	751
Bintulu	7	14	11	32
Limbang	0	3	3	6
	256	272	261	789

Sumber: Daftar *Water Thefts Related Complaints Received & Investigated* LAKU Management Sdn. Bhd.

Maklum Balas LAKU yang Diterima pada 29 Oktober 2018

LAKU memaklumkan antara tindakan yang diambil oleh syarikat untuk mengurangkan NRW adalah melantik seorang jurutera untuk mengurus NRW, menukar meter air yang lama, menyenggara *bulk meter*, meningkatkan pemantauan terhadap penyambungan paip yang tidak dibenarkan atau kecurian air, paip pecah dan bocor, penukaran *water main* untuk kawasan saluran paip air yang kerap pecah, pengurusan tekanan di sistem penyaluran, menubuhkan *district metering zone* dan penggantian meter industri.

Pada pendapat Audit, LAKU perlu mengambil tindakan yang lebih proaktif bagi menangani trend peningkatan kadar NRW untuk memastikan kerugian dari aspek kos pengeluaran adalah pada tahap yang minimum.

ii. Tunggakan Hasil Air

- LAKU mengeluarkan bil berdasarkan jenis bacaan meter mengikut tarif yang ditetapkan seperti *domestic* (kod W1), *domestic/commercial* (kod W2), *commercial* (kod W3), *industrial* (kod W4), *special/commercial* (kod W5), *schools supply* (kod W6), *standpipes* (kod W7) dan *ships* (kod W8). Selain itu, kawasan Bintulu mempunyai tarif untuk *water to JKR Sebauh* (kod W9) dan di Samalaju tarif untuk Tokuyama (kod WA).
- Semakan Audit terhadap laporan *Consumer Ageing Analysis* mendapati tunggakan hasil air yang paling tinggi adalah dari kategori W9 *Water To JKR* iaitu bekalan air kepada kawasan Sebauh/Pandan, Bintulu. Tunggakan tersebut berjumlah RM4.40 juta bagi tahun 2015, RM4.21 juta pada tahun 2016 dan RM3.97 juta pada tahun 2017. Bagaimanapun, setakat bulan Jun 2018 jumlah tunggakan tersebut telah dijelaskan dan berbaki sejumlah RM2,718.
- Tunggakan hasil air kedua tertinggi adalah dari kategori *industrial*. Bagi kategori *industrial* penyumbang tertinggi juga dari kawasan Bintulu yang berjumlah RM2.51 juta pada tahun 2015, RM2.59 juta pada tahun 2016 dan RM1.96 juta pada tahun 2017. Sehingga bulan Jun 2018, hasil air yang tertunggak untuk kategori *industrial* di kawasan Bintulu adalah berjumlah RM2.72 juta. Maklumat tunggakan hasil air berdasarkan tarif bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 3.12**.

JADUAL 3.12
TUNGGAKAN HASIL AIR BERDASARKAN TARIF BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

JENIS BACAAN	KOD TARIF	2015 (RM)	(%)	2016 (RM)	(%)	2017 (RM)	(%)
<i>Domestic</i>	W1	2,139,665	14.3	2,199,321	14.7	2,129,205	15.8
<i>Domestic/Commercial</i>	W2	762,497	5.1	111,758	0.7	113,797	0.9
<i>Commercial</i>	W3	3,085,807	20.6	3,163,411	21.2	2,696,513	20.0
<i>Industrial</i>	W4	3,340,585	22.3	3,415,404	22.9	3,713,443	27.6
<i>Special/Commercial</i>	W5	14,022	0.1	9,419	0.1	12,310	0.1
<i>Schools Supply</i>	W6	730,914	4.9	1,554,245	10.4	573,214	4.3
<i>Standpipes</i>	W7	8,204	0.1	8,204	0.1	8,204	0.1
<i>Ships</i>	W8	220,245	1.5	55,716	0.4	57,775	0.4
<i>Water To JKR</i>	W9	4,403,110	29.5	4,214,344	28.2	3,974,887	29.5
<i>Tokuyama</i>	WA	236,964	1.6	201,368	1.3	178,099	1.3
JUMLAH		14,942,013	100	14,933,190	100	13,457,447	100

Sumber: Laporan *Consumer Ageing Analysis* LAKU Management Sdn. Bhd.

- Tunggakan hasil air menunjukkan trend yang menurun iaitu sejumlah RM14.94 juta pada tahun 2015, RM14.93 juta pada tahun 2016 dan RM13.46 juta pada tahun 2017. Laporan *Consumer Ageing Analysis* pada bulan Disember 2017 menunjukkan sejumlah RM6.07 juta adalah amaun yang tertunggak melebihi 90 hari. Semakan Audit mendapati kawasan Bintulu mempunyai tunggakan yang paling tinggi iaitu masing-masing berjumlah RM9.04 juta atau 60.5%, RM9.42 juta atau 63.1% dan RM7.65 juta atau 56.8% pada tahun 2015, 2016 dan 2017. Antara tindakan yang diambil oleh LAKU adalah mengeluarkan notis peringatan untuk menyelesaikan amaun tertunggak, merampas deposit, membuat pemotongan selepas notis peringatan dikeluarkan dan menyenaraihitamkan pengguna yang berhutang dan tidak dibenarkan memohon sambungan bekalan air daripada mana-mana badan atau syarikat pembekalan air di Sarawak. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.13**.

JADUAL 3.13
TUNGGAKAN HASIL AIR MENGIKUT KAWASAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

KAWASAN	2015 (RM Juta)	(%)	2016 (RM Juta)	(%)	2017 (RM Juta)	(%)
Miri	4.29	28.7	3.61	24.2	3.56	26.4
Bintulu	9.04	60.5	9.42	63.1	7.65	56.8
Limbang	0.73	4.9	1.03	6.9	0.57	4.3
Samalaju	0.88	5.9	0.87	5.8	1.68	12.5
JUMLAH	14.94	100	14.93	100	13.46	100

Sumber: Laporan *Consumer Ageing Analysis* LAKU Management Sdn. Bhd.

Maklum Balas LAKU yang Diterima pada 29 Oktober 2018

LAKU memaklumkan setakat bulan Ogos 2018 jumlah tunggakan telah menurun kepada RM10.43 juta dan tunggakan melebihi 90 hari telah menurun kepada RM2.64 juta.

Pada pendapat Audit, walaupun tunggakan hasil LAKU menunjukkan trend yang menurun bagi tahun 2015 hingga 2017, tindakan dan pemantauan perlu dipertingkatkan bagi memastikan tunggakan hasil adalah pada tahap minimum serta tidak menjejaskan prestasi kewangan syarikat.

c. Kos Pengeluaran Air Berbanding Hasil Jualan Air Bersih

Kos pengeluaran air adalah kos langsung yang berkaitan dengan pemprosesan air bersih. Kos utama dalam pengeluaran air ialah elektrik dan

bahan kimia. Bagi tahun kewangan 2015, 2016 dan 2017, jumlah kos pengeluaran masing-masing adalah RM37.14 juta, RM39.58 juta dan RM40.16 juta. Bagi tempoh yang sama, hasil jualan air bersih masing-masing ialah RM82.81 juta, RM86.06 juta dan RM87.76 juta. Analisis Audit mendapati kos pengeluaran air berbanding dengan hasil jualan air bersih bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah antara 44.9% dan 46%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.14**.

JADUAL 3.14
KOS PENGELUARAN BERBANDING HASIL JUALAN AIR BERSIH

BIL.		2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
KOS PENGELUARAN AIR					
1.	Bahan Kimia	8.96	10.83	10.26	30.05
2.	Elektrik	13.36	13.70	13.83	40.89
3.	Gaji dan Upah	3.87	4.12	4.36	12.35
4.	Kos Penyenggaraan	2.81	2.24	1.78	6.83
5.	Lain-lain	8.14	8.69	9.93	26.76
JUMLAH (RM Juta)		37.14	39.58	40.16	116.88
HASIL JUALAN AIR BERSIH (RM Juta)		82.81	86.06	87.76	256.63
KADAR KOS PENGELUARAN (%)		44.9	46.0	45.8	

Sumber: Laporan *Consolidated Centre* LAKU Management Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran air LAKU adalah cekap kerana kadar kos pengeluaran berbanding hasil jualan air bersih di bawah 50% bagi tahun 2015 hingga 2017.

d. Aduan Pelanggan

- i. Manual Kualiti LAKU Perenggan 5.5 berkenaan *Handling Of Complaints & Reports At Customer Service Counters* menetapkan aduan pelanggan hendaklah diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. Sekiranya aduan tersebut akan menyebabkan kesusahan dan kesukaran kepada pelanggan, aduan hendaklah diselesaikan dalam tempoh satu hari bekerja.
- ii. Bagi tahun 2015 hingga 2017, LAKU telah menerima aduan daripada pelanggan masing-masing sebanyak 2,876, 2,757 dan 2,705. Semakan Audit terhadap Daftar Aduan Pelanggan bagi tempoh yang sama mendapati kadar aduan diselesaikan dalam tempoh satu hari adalah antara 80.6% hingga 88.1%. Bagi aduan yang diselesaikan dalam tempoh dua (2) hingga 10 hari, kadar penyelesaian aduan adalah antara 11.2% hingga 15.9% dan bagi aduan yang diselesaikan melebihi tempoh

10 hari, kadar penyelesaian adalah antara 0.4% hingga 3.5%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.15**.

JADUAL 3.15
TEMPOH DAN KADAR PENYELESAIAN
ADUAN PELANGGAN LAKU BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	BILANGAN HARI DAN PERATUSAN						JUMLAH ADUAN DITERIMA
	1 hari	(%)	2 - 10 hari	(%)	>10 hari	(%)	
2015	2,432	84.6	433	15.1	11	0.4	2,876
2016	2,221	80.6	439	15.9	97	3.5	2,757
2017	2,384	88.1	302	11.2	19	0.7	2,705

Sumber: Laporan *Company Objective Performance Analysis* LAKU Management Sdn. Bhd.

Maklum Balas LAKU yang Diterima pada 29 Oktober 2018

LAKU memaklumkan antara langkah yang diambil bagi meningkatkan kecekapan pengurusan aduan awam adalah menambahkan bilangan kakitangan untuk mengendalikan aduan, kenderaan syarikat, *genset*, peralatan penyenggaraan, alat ganti, penggunaan *whatsapp* dan kelengkapan lain yang berkaitan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan pelanggan LAKU adalah memuaskan dengan kadar penyelesaian aduan dalam tempoh satu hari melebihi 80% bagi tahun 2015 hingga 2017.

3.6.2.3. Pengurusan Bahan Kimia Perawatan Air

a. Perolehan dan Penggunaan Bahan Kimia Perawatan Air

- i. Bahan kimia digunakan dalam memproses air mentah kepada air bersih. LAKU menggunakan bahan kimia yang telah diperakui selamat oleh Jabatan Kimia dan ahli kimia kontraktor yang dilantik. Mengikut manual prosedur kualiti perolehan LAKU, perolehan bahan kimia dijalankan melalui proses tender terbuka dan diuruskan di peringkat pejabat korporat. Penawaran kontrak kepada pembekal yang berjaya adalah berdasarkan sijil pengoperasian syarikat pembekal, pengalaman, klasifikasi bahan kimia yang dibekalkan dan harga kontrak yang ditawarkan. Terma perjanjian telah menetapkan kuantiti dan kos penghantaran bagi setiap kilogram stok bahan kimia yang dibekalkan. Kontraktor yang dilantik akan membekal dan menghantar stok bahan kimia ke loji rawatan air mengikut jadual dan kuantiti tempahan yang dikawal di peringkat pejabat korporat LAKU. Caj penghantaran yang

dikenakan adalah berbeza berdasarkan lokasi LRA LAKU dan mengikut terma yang telah ditetapkan dalam kontrak.

- ii. Semakan Audit terhadap tiga (3) daripada lima (5) tender perolehan bahan kimia mendapati proses tender, pengurusan kontrak, pembekalan bahan kimia dan pembayaran adalah mematuhi manual prosedur kualiti perolehan LAKU. Semakan lanjut terhadap fail tender bagi kontraktor yang dilantik mendapati tempoh kontrak adalah untuk satu (1) tahun. Bagi kontrak bekalan bahan kimia daripada Chemkimia Sdn. Bhd., kontrak telah disambung semula setelah tempoh kontrak tamat pada bulan Julai 2018. Kontrak baru telah dilaksana untuk tempoh 12 bulan iaitu dari bulan Ogos 2018 hingga Julai 2019. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.16**.

JADUAL 3.16
KONTRAK BEKALAN BAHAN KIMIA LAKU BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

BIL.	PEMBEKAL/ NO. KONTRAK	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT	NILAI KONTRAK (RM Juta)	JENIS BAHAN KIMIA YANG DIBEKALKAN	BAYARAN PERBEKALAN SETAKAT OGOS 2018	
						BILANGAN INTERIM	JUMLAH (RM Juta)
1.	Kimia Utama (E.M.) Sdn. Bhd/ LAKU/ C26/2017	02.01.2018	31.12.2018	1.70	Liquid Chlorine, Polyacrylamides (Superfloc N100) dan Sodium Silicofluoride	7	0.78
2.	Lanco Sdn. Bhd./ LAKU/C25/2017	02.01.2018	31.12.2018	3.04	Aluminium Sulphate, Hydrated Lime, Anhydrous Ammonia	7	1.16
3.	Chemkimia Sdn. Bhd./ LAKU/C15/2017	01.08.2017	31.07.2018	6.49	Aluminium Chlorohydrate	18	4.00
JUMLAH				11.23			5.94

Sumber: Fail Kontrak Bahan Kimia LAKU Management Sdn.Bhd.

- iii. LAKU menggunakan kaedah *First In First Out* (FIFO) untuk menyimpan dan mengeluarkan stok bahan kimia. Penerimaan bekalan stok bahan kimia baru akan disahkan oleh pegawai stor di pejabat cawangan. Nota pengesahan penerimaan stok akan dikemukakan oleh pejabat cawangan ke pejabat korporat untuk penyesuaian rekod stok. Pembayaran untuk bekalan bahan kimia tersebut dibuat oleh pejabat korporat. Bagi tahun 2015 hingga 2017, LAKU telah menggunakan sebanyak 13.70 juta kg bahan kimia untuk tujuan perawatan air. Analisis Audit terhadap penggunaan dan pengagihan bahan kimia bagi tempoh yang sama mendapati LRA Lambir di Miri menggunakan 8.24 juta kg atau 60.1% dari keseluruhan penggunaan bahan kimia LAKU. Bagi kawasan Bintulu dan Samalaju penggunaan masing-masing adalah 4.95 juta kg atau 36.2% dan kawasan Limbang sebanyak 0.51 juta kg atau 3.7%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.17**.

JADUAL 3.17
ANALISIS PENGGUNAAN BAHAN KIMIA LAKU BAGI TAHUN 2017

KAWASAN	TAHUN	BAHAN KIMIA								PENGGUNAAN	
		HL (Kg)	ACH (Kg)	AS (Kg)	LC (Kg)	SS (Kg)	Am (Kg)	Ch/Poly (Kg)	Acc (Kg)	(Kg)	(%)
Miri	2015	887,875	840,980	623,750	155,876	32,676	27,478	1,154	-	2,569,789	
	2016	988,175	979,435	678,000	160,338	30,835	32,884	1,025	-	2,870,692	
	2017	1,074,325	720,652	756,550	179,348	31,831	31,521	1,925	-	2,796,152	
JUMLAH		2,950,375	2,541,067	2,058,300	495,562	95,342	91,883	4,104		8,236,633	60.1
Limbang	2015	59,000	66,027	23,400	18,739	5,395	-	-	450	173,011	
	2016	60,700	91,727	-	19,125	4,615	-	-	461	176,628	
	2017	59,300	75,186	-	18,035	3,640	-	-	423	156,584	
JUMLAH		179,000	232,940	23,400	55,899	13,650	-	-	1,334	506,223	3.7
Bintulu/ Samalaju	2015	502,000	989,008	-	166,235	-	-	4,525	-	1,661,768	
	2016	479,000	944,585	-	190,874	-	-	5,925	-	1,614,459	
	2017	583,850	902,400	-	184,278	-	-	6,175	-	1,676,703	
JUMLAH		1,564,850	2,835,993	-	541,387	-	-	16,625	-	4,952,930	36.2
JUMLAH KESELURUHAN										13,695,786	100

Sumber: Rekod Bahan Kimia LAKU Management Sdn. Bhd.

Nota: HL- Hydrated Lime
LC- Liquid Chlorine
Ch- Chemfloc 1510C

ACH - Aluminium Chlorohydrat
SS - Sodium Silicoflouride
Poly - Polymer

AS - Aluminium Sulphate
Am - Ammonia
Acc - Accofloc

- iv. Lawatan Audit ke stor bahan kimia LRA Nyabau serta Samalaju pada 31 Julai 2018 dan LRA Lambir pada 2 Ogos 2018 mendapati pengurusan stor bahan kimia adalah teratur dan tiada stok yang berlebihan disimpan. Stok bahan kimia yang baru diterima tetapi belum diuji oleh Jabatan Kimia telah dilabel dan diasingkan daripada stok lain. Keadaan adalah seperti **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**.

GAMBAR 3.1




**Stor Bahan Kimia
LRA Nyabau
- Stok Hydrated Lime
(31.07.2018)**

GAMBAR 3.2



**Stor Bahan Kimia
LRA Samalaju
- Bahan Kimia yang Belum Diuji
(31.07.2018)**

GAMBAR 3.3



**Stor Bahan Kimia
LRA Lambir**
- Tangki Gas Klorin Disimpan di Tempat
yang Tidak Terdedah
(02.08.2018)

GAMBAR 3.4



**Stor Bahan Kimia
LRA Lambir**
- Stok Bahan Kimia yang Belum Diuji
(02.08.2018)

Maklum Balas LAKU yang Diterima pada 9 Oktober 2018

LAKU memaklumkan antara sebab penggunaan bahan kimia tinggi di Miri adalah kualiti air yang kurang baik disebabkan kawasan berpayau dan memerlukan bahan kimia dalam dos yang lebih tinggi untuk merawat air mentah supaya selamat digunakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bahan kimia LAKU adalah cekap dan berhemat dari aspek perolehan, penyimpanan dan penggunaan.

3.6.3. Tadbir Urus

3.6.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Pihak Audit telah menilai amalan tadbir urus syarikat berdasarkan *MCCG 2017*, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006 (*Green Book*), Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook MKD*], dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

3.6.3.2. Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus LAKU adalah baik kerana aspek pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif, Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalaman adalah selaras dengan amalan terbaik yang telah ditetapkan.

3.6.3.3. Manakala aspek tadbir urus yang tidak diamalkan oleh LAKU adalah seperti penemuan Audit berikut:

a. Pengerusi

MCCG 2017 *Guidance* 1.3 dan *Green Book* perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah dinyatakan secara jelas dalam piagam Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dinyatakan secara jelas dalam piagam Lembaga Pengarah kerana piagam tersebut tidak disediakan.

b. Lembaga Pengarah

MCCG 2017, *Practice* 2.1 dan 3.1. menyarankan Lembaga Pengarah mempunyai piagam Lembaga Pengarah yang jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah secara individu dan pengurusan syarikat serta isu dan keputusan yang tertakluk kepada Lembaga Pengarah. Selain itu, Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat. Semakan lanjut mendapati tiada Kod Tatalaku serta Etika rasmi dan tiada piagam Lembaga Pengarah yang menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah diwujudkan.

Maklum Balas LAKU yang Diterima pada 9 Oktober 2018

LAKU memaklumkan syarikat tidak menyediakan senarai tugas dan tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah. Tugas Pengerusi dan Lembaga Pengarah adalah tertakluk kepada peraturan di bawah Akta Syarikat 1965 serta Artikel Penubuhan syarikat.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus LAKU dalam aspek Pengerusi dan Lembaga Pengarah adalah memuaskan. Bagaimanapun, bagi meningkatkan pengurusan tadbir urus syarikat, LAKU perlu menyediakan kod tatalaku dan etika rasmi serta piagam Lembaga Pengarah.

c. *Standard Operating Procedures* (SOP)

- i. *Handbook MKD*, Perenggan 1.9 (c), 2.2 (f) dan 3.25 hingga 3.28 menyatakan syarikat perlu mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh, merangkumi urusan kewangan syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Daftar dan garis panduan pelupusan aset ada disediakan oleh LAKU tetapi prosedur pengurusan aset secara keseluruhan tidak disediakan.

- ii. Semakan Audit mendapati LAKU tidak ada menyediakan Garis Panduan Pengurusan Aset tetapi Daftar Aset yang mengandungi maklumat kelas aset, butiran aset, nombor aset, nilai aset, nilai pada awal tahun, susut nilai dan nilai buku bersih aset ada disediakan.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada pemeriksaan aset dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan kedudukan sebenar aset dan juga untuk mengetahui keadaan fizikal aset berkenaan.
- iv. Pihak Audit telah membuat pemeriksaan aset di pejabat kawasan Miri, Bintulu dan LRA Nyabau, Bintulu untuk mengesahkan kewujudan aset. Pemeriksaan aset di LRA Nyabau mendapati dua (2) unit penghawa dingin yang masih berfungsi di bilik persidangan ada dilabelkan dengan nombor pendaftaran tetapi tidak didaftarkan dalam Daftar Aset. Butiran lanjut serta keadaan adalah seperti **Jadual 3.18**, **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

JADUAL 3.18
NOMBOR PENDAFTARAN ASET TIADA DALAM DAFTAR ASET

BIL.	BUTIRAN ASET	NOMBOR ASET	LOKASI
1.	Penghawa Dingin Jenama Acson	BP/FF/0020/01	Bilik Persidangan
2.	Penghawa Dingin Jenama Panasonic	BP/FF/0037/05	Bilik Persidangan

Sumber: Aset di Bilik Persidangan LRA Nyabau, Bintulu

GAMBAR 3.5



Bilik Persidangan, LRA Nyabau
- Nombor Pendaftaran pada Aset Tiada
Dalam Daftar Aset
(31.07.2018)

GAMBAR 3.6



Bilik Persidangan, LRA Nyabau
- Nombor Pendaftaran pada Aset Tiada
Dalam Daftar Aset
(31.07.2018)

- v. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati dua (2) aset tidak dilabelkan dengan nombor pendaftaran aset menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan nilai dan butiran terperinci aset berkenaan dalam Daftar Aset LAKU. Aset yang berkaitan adalah seperti **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**.

GAMBAR 3.7



**Bilik Production Executive,
LRA Nyabau
- Aset Tidak Dilabel
(31.07.2018)**

GAMBAR 3.8



**Bilik Production Executive,
LRA Nyabau
- Aset Tidak Dilabel
(31.07.2018)**

- vi. Pemeriksaan Audit di stor LRA Nyabau juga mendapati aset Jabatan Kerja Raya (JKR) yang rosak masih disimpan dalam stor tersebut dan belum diambil tindakan pelupusan. Aset yang berkaitan adalah seperti di **Gambar 3.9** dan **Gambar 3.10**.

GAMBAR 3.9



**Stor LRA Nyabau
- Aset Jabatan Kerja Raya
(31.07.2018)**

GAMBAR 3.10



**Stor LRA Nyabau
- Aset Jabatan Kerja Raya
(31.07.2018)**

Maklum Balas LAKU yang Diterima pada 29 Oktober 2018

LAKU memaklumkan terdapat kesilapan dalam pelabelan nombor bagi dua penghawa dingin di bilik persidangan dan tindakan pembetulan telah diambil. Bagi dua aset yang belum dilabel, tindakan melabel aset tersebut telah dibuat dengan sewajarnya dan SOP pengurusan aset yang lengkap sedang disediakan.


Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek penyediaan SOP pengurusan aset LAKU adalah kurang memuaskan. SOP yang disediakan tidak lengkap menyebabkan kelemahan dalam pengurusan aset syarikat.

3.7. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan supaya LAKU Management Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

3.7.1. mengambil tindakan yang lebih proaktif bagi menangani trend peningkatan kadar NRW untuk memastikan kerugian dari aspek kos pengeluaran adalah pada tahap minimum; dan

3.7.2. memperkemaskan tadbir urus syarikat dengan menyediakan kod tatalaku, etika rasmi dan piagam Lembaga Pengarah serta *Standard Operating Procedures* pengurusan aset yang lengkap.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi/Pengurusan Kerajaan Syarikat Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

2 November 2018



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

